

**Bil. 6**

**Selasa  
4 Mei 2010**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN</b> <b>BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 17(1) <i>Tembakan Terhadap Aminurasyid Amzah</i> <i>Disiasat Secara Profesional dan Telus</i> <i>- YB Senator Ramakrisnan a/l Suppiah</i>	(Halaman 24)
Meminda Aturan Urusan Mesyuarat Di Bawah P.M 13(2)	(Halaman 73)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 74)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2009) 2010	(Halaman 27)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2010	(Halaman 49)
Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009	(Halaman 74)
Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009	(Halaman 85)
Rang Undang-Undang Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2010	(Halaman 93)
Rang Undang-Undang Pelesenan Kenderaan Pelancongan (Pindaan) 2010	(Halaman 120)
Rang Undang-undang Keretapi (Pindaan) 2010	(Halaman 128)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
6. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
8. “ Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
9. “ Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
10. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri I*
11. “ Tan Sri Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
12. “ Dato' Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
13. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
14. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
15. “ Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
16. “ Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
17. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
18. “ Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
19. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
20. “ Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
21. “ Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah (Dilantik)
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
23. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir bin Baharom (Dilantik)– *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. “ Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
27. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
28. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)

29. Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
31. “ Datuk Maijol bin Mahap (Sabah)
32. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumaru (Dilantik)
33. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. “ Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
35. “ Tuan Mohamed Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
36. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
37. “ Dato’ Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi [(Dilantik)]
38. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
39. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
40. “ Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
41. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawari (Kelantan)
42. “ Dato’ Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik) – *Senator*  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
43. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
44. “ Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
45. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn  
(Dilantik)
46. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. “ Dato’ Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
48. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
49. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
50. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik)  
– *Senator*  
– *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
51. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
52. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
53. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
54. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
55. “ Dato Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator*  
– *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat(PS)*
56. “ Datuk Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
57. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
58. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)

59. Yang Berhormat Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
60. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
61. “ Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik)
62. “ Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
63. “ Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
64. “ Dato’ Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
65. “ Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. “ Dato’ Zaitun binti Mat (Pahang)
67. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA****Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamaruddin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Ikmalruddin bin Ishak

**Petugas-Petugas Penyata Rasmi (*Hansard*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Nurul Fariahah binti Mohd. Isa

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Selasa, 4 Mei 2010****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Zaitun binti Mat** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, kenapa penyelenggaraan jalan-jalan raya Persekutuan di banyak kawasan kurang memuaskan seperti jalan berlubang, longkang tidak dicuci dan rumput-rumput tidak dipotong dengan baik serta tidak setanding dengan jalan-jalan bertol yang diuruskan oleh konsesi seperti PLUS dan sebagainya.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:**  
*Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sememangnya sedar dan mengambil maklum mengenai persepsi orang ramai bahawa kualiti penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan tidak setanding dengan penyelenggaraan lebu-lebuh raya bertol di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 16,500 kilometer jalan-jalan Persekutuan di seluruh negara yang diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) berbanding dengan hanya 1,630 kilometer lebu-lebuh raya bertol yang diselenggarakan oleh syarikat-syarikat konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan dibuat berdasarkan pada pusingan kerja ataupun *time based*, dengan izin. Sebagai contoh, kerja-kerja rutin pemotongan rumput dilakukan sekali sebulan manakala kerja-kerja mencuci longkang dibuat sekali setiap enam bulan. Manakala di lebu-lebuh raya bertol yang mana pengguna dikenakan bayaran, kerja-kerja penyelenggaraan dibuat berdasarkan keadaan sebenar di tapak. Ia berdasarkan kepada *performance standards agreed*, dengan izin yang termaktub dalam perjanjian konsesi.

Perbezaan kadar pusingan kerja antara jalan raya dengan lebu-lebuh raya bertol ini tentulah memberi kesan terhadap kualiti penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan di negara ini. Walaupun begitu, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil tindakan yang proaktif bagi memastikan kualiti penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan sentiasa selamat dan selesa digunakan oleh para pengguna.

Oleh itu Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa mengadakan audit kualiti penyelenggaraan bagi kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi jalan supaya mengikut jadual dan berkualiti. Terima kasih.

**Dato' Zaitun binti Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi. Seperti yang dimaklumkan, Jalan Persekutuan dikatakan berjumlah lebih daripada 16,500 manakala jalan bertol berjumlah lebih 1,630. Saya faham penyelenggaraan jalan bertol dilakukan secara intensif dengan peruntukan yang lebih. Akan tetapi sejak akhir-akhir ini jalan Persekutuan tidak diselenggarakan dengan baik kerana kekurangan peruntukan dan langkah penjimatan.

Soalan tambahan saya, kenapa kementerian terus membina jalan baru sedangkan selenggaraan jalan Persekutuan lama tidak dijalankan dengan baik, adakah kementerian bercadang pembinaan jalan baru Persekutuan disemak dari segi keutamaan, dan berapakah jumlah peruntukan JKR tahun 2009 digunakan untuk menyelenggarakan jalan negeri dan berapakah jalan negeri yang menjadi jalan Persekutuan?

Keduanya, kenapa kementerian memberi keutamaan membina dan membaiki jalan bukan milik di bawah Akta Jalan Persekutuan? Contohnya Jalan Bestari Jaya ke pekan Rawang yang mana Kerajaan Negeri Selangor belum bersetuju menyerahkan jalan tersebut kepada Kerajaan Persekutuan. Akhirnya, saya ingin penjelasan Yang Berhormat Menteri mengenai jalan-jalan Persekutuan yang belum diwartakan di bawah Kanun Tanah Negara dan menjadi pemilikan Kementerian Kerja Raya termasuk mewartakan sebagai Jalan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan Yang Berhormat lebih panjang daripada soalan asal... *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, saya cuba jawab soalan ini sebaik yang mungkin. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa mengapa kerajaan perlu terus membina jalan-jalan baru, walaupun sebagaimana kata Yang Berhormat itu untuk menyelenggarakan jalan yang sedia ada itu kosnya amat tinggi. Ini kerana kita perlu faham bahawa kita harus terus membina jalan-jalan baru ini untuk membina atau untuk menubuhkan bandar-bandar baru dan pada masa yang sama untuk mempromosi kawasan-kawasan pelancongan. Juga pada masa yang sama kawasan-kawasan pertanian untuk membolehkan mereka mengeluarkan hasil-hasil mereka. Ini perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan. Bagi sebuah negara yang ingin terus membangun, maka sudah pastinya infrastruktur atau prasarana jalan raya ini perlu terus dibangunkan.

Dalam masa yang sama juga, kita juga tidak pernah mengabaikan peruntukan untuk menyelenggarakan jalan yang sedia ada. Ini kerana kalau kita lihat sebagai mana Yang Berhormat sedia maklum yang kita katakan tadi, pihak-pihak syarikat konsesi lebuhraya yang ada dalam negara kita, mereka memperuntukkan jumlah yang besar untuk menyelenggarakan lebuhraya mereka.

Sekiranya lebuhraya ini tidak diselenggarakan, sudah pasti *value* aset ini akan turun. Ini kerana, kalau kita bina lebuhraya ini pada sepuluh tahun lalu, kosnya agak rendah kalau dibandingkan dengan sekarang. Jikalau kita tidak selenggara aset ini akan turun. Oleh sebab itu kita sentiasa perlu selenggara. Begitu juga jalan Persekutuan, kerajaan akan terus menyelenggarakan jalan Persekutuan ini supaya aset ini *value* nya tidak akan jatuh.

Oleh sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian ini mencadangkan kepada kerajaan, bukan sahaja dibina jalan raya-jalan raya Persekutuan yang baru tetapi, jalan raya-jalan raya yang sedia ada ini perlu diselenggara sebaik yang mungkin kerana sekiranya tidak, aset ini, *value* atau nilai aset ini akan jatuh dan akan merugikan kerajaan dan negara.



**■ 1010**

Oleh sebab itu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian ini mencadangkan bagi setiap jalan raya baru yang akan dibina, kita minta supaya diberi kebenaran 10% daripada kos pembinaan jalan raya itu diperuntukkan juga untuk tujuan keselamatan jalan raya dan sebagainya. Ini kerana, ciri-ciri ini penting untuk jalan-jalan baru kerana selain jalan yang baik, ia juga perlu dijaga dari aspek keselamatan dan sebagainya.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat katakan mengapa kadang-kadang Kerajaan Pusat ia bantu kerajaan-kerajaan negeri walaupun tidak diserahkan lagi jalan itu kepada Kerajaan Persekutuan. Ingin saya terangkan kepada Yang Berhormat ini sifat Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab. Berlaku banyak insiden sebagai contoh kadang-kadang cerun yang mana cerun runtuh di kawasan-kawasan yang mana tidak diserahkan lagi jalan ini kepada Kerajaan Persekutuan tetapi kerana rasa tanggungjawab, tidak mahu pengguna-pengguna jalan negeri ini mengalami kesukaran. Maka, Kerajaan Persekutuan bantu memulihkan cerun di jalan-jalan negeri ini kerana akhirnya untuk memastikan bahawa semua pengguna jalan raya di dalam negara ini berada dalam keadaan selamat.

Ini yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan termasuk sebagaimana Yang Berhormat kata di Tasik Puteri mengapa Kerajaan Persekutuan membantu kerana jalan itu terlalu sempit dan kemudian perlu diadakan jejambat bertingkat supaya boleh memberi sedikit keselesaan kepada pengguna-pengguna di kawasan itu.

Soalan yang ketiga Yang Berhormat, ketiga tadi Yang Berhormat katakan mengapa separuh jalan-jalan negeri ini tidak diwartakan atau pun tidak dipindahkan kepada jalan Persekutuan. Untuk mewartakan atau pun untuk menjadikan sesuatu jalan negeri itu Jalan Persekutuan, terlebih dahulu ianya perlulah diserahkan oleh kerajaan negeri itu kepada kerajaan negeri yang mana lazimnya ia dibawa kepada Exco dan apabila Exco bersetuju dan sebagainya, mereka sendiri akan menyerahkan kepada Kerajaan Persekutuan, barulah Kerajaan Persekutuan boleh mewartakan jalan-jalan ini menjadi Jalan Persekutuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berapakah jumlah kes kemalangan akibat daripada keadaan jalan yang tidak memuaskan ini dan berapakah kos yang telah pun dibayar oleh kerajaan akibat daripada tuntutan tersebut?

Kedua, kenapakah tiada *signage* yang diletakkan di kawasan-kawasan jalan yang bermasalah oleh pihak kerajaan bila mana berlaku keadaan seperti itu. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini merupakan satu soalan yang begitu spesifik yang melibatkan angka. Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua izinkan saya supaya memberi jawapan ini secara bertulis tetapi, walau bagaimanapun, ingin juga saya jelaskan ramai di kalangan kita kadang-kadang dia kurang faham akan jalan ini. Sebenarnya di jalan-jalan raya ini, dalam mana-mana negeri ada Jalan Persekutuan dan jalan negeri.

Pihak Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan yang kita panggil peruntukan MARIS kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya mereka menyelenggarakan jalan-jalan ini sebaik yang mungkin tetapi, kadang-kadang terdapat negeri-negeri yang tidak memahami wang MARIS ini. Mereka menggunakan wang MARIS ini bukan sahaja untuk menyelenggarakan jalan yang ada tetapi menggunakan wang ini untuk kerja membesarkan jalan, menaik taraf dan sebagainya. Sedangkan tujuan asal wang MARIS ini sebagaimana yang saya katakan tadi untuk memastikan aset atau pun *value* jalan ini tidak jatuh.

Oleh sebab itu Kerajaan Pusat memberi peruntukan wang MARIS kepada kerajaan negeri termaktub seperti dalam Perlembagaan yang ada pada hari ini tetapi, tidak digunakan sepenuhnya untuk penyelenggaraan jalan sebaliknya kadang-kadang ada juga kerajaan negeri menggunakannya untuk membayar sewa, guna sama bangunan dan sebagainya.

Ini yang berlaku pada hari ini sebab itu saya meminta supaya kerajaan negeri menggunakan wang MARIS ini sebaik mungkin untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan termasuklah seperti perabot atau *signage* ada pada jalan-jalan negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dr. Malasingam a/ Muthukumar.

**Dr. Malasingam a/ Muthukumar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Kita sedar akan niat pihak bertanggungjawab untuk menyediakan sistem laluan yang selesa. Kita dapat lihat banyak jalan raya yang diperbaiki setelah diturap. Apakah kriteria yang diguna pakai bagi menjalankan kerja-kerja seperti mengorek untuk *pipinkah*, longkakah atau *wiring* terutama selepas penurapan jalan.

Didapati setelah selesai kerja mengorek ini, kerja penampalan balik amat tidak memuaskan sehingga jalan tersebut kembali ke keadaan rosak dalam masa yang singkat. Contohnya, di akhbar *Utusan Malaysia* hari ini "*Penjual nira jadi mangsa laluan tidak diturap dengan sempurna – Mahu elak lubang jalan*". Sebagai contohnya. Terima kasih.

**Dato' Shaziman bin Abu Mansor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan itu, saya tidak pasti berlaku di mana. Sama ada itu merupakan jalan negeri atau jalan Persekutuan. Akan tetapi ingin saya maklumkan, lazimnya sebelum sesuatu kerja penyelenggaraan jalan dilakukan terutamanya untuk mengubah mana-mana utiliti yang ada di kawasan itu sama ada kepunyaan Tenaga Nasional Berhad ataupun syarikat yang membekalkan air, Jabatan Kerja Raya akan terlebih dahulu berbincang dengan syarikat-syarikat utiliti ini supaya tidak ada sesuatu perkara yang tidak diatur dengan teliti kerana akhirnya kita tidak mahu kejadian-kejadian seperti kadang-kadang berlaku keruntuhan tanah dan sebagainya dan akhirnya boleh menjejaskan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya.

Saya harap Yang Berhormat boleh beri saya selepas ini berhubung dengan kejadian itu di mana sama ada ianya merupakan jalan di bawah Kementerian Kerja Raya atau pun jalan di bawah tadbiran majlis-majlis tempatan yang ada pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dewan Negara mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya kerana datang sendiri menjawab soalan pada pagi ini. Silakan Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

2. **Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, sejauh manakah agensi-agensi kerajaan dan swasta telah melaksanakan R&D di Malaysia bagi mengelakkan percakapan (*voice*) dan SMS sistem komunikasi telefon mudah alih (*hand phone/mobile phone*) yang sedang digunakan di Malaysia iaitu *Global System for Mobile Communication (GSM)* mudah dipintas (*intercepted/cracked*) cuma dengan menggunakan *software* yang boleh dibeli dengan mudah melalui internet.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. MOSTI melalui agensinya MIMOS yang merupakan peneraju, penyelidikan dan pembangunan, *research and development* atau pun R&D di dalam bidang keselamatan informasi sentiasa menekankan pembangunan teknologi tempatan untuk memastikan supaya sistem komunikasi yang digunakan adalah selamat.

MIMOS telah membangunkan bahan asas iaitu algoritma enkripsi dengan izin, *encryption algorithms* tempatan yang boleh diguna pakai untuk memastikan keselamatan sistem telekomunikasi termasuk sistem telekomunikasi telefon mudah alih atau pun *hand phone* atau pun *mobile phone* yang sedang digunakan di Malaysia iaitu *Global System for Mobile Communication (GSM)*.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, algoritma enkripsi tempatan tersebut adalah bahan asas utama untuk menghalang sebarang aktiviti pintasan atau *interception*, percakapan atau pun SMS sistem komunikasi telefon mudah alih yang sedang digunakan di Malaysia iaitu GSM terutamanya dengan menggunakan *software* yang boleh dibeli dengan mudah melalui internet.

MIMOS telah membangunkan sistem enkripsi yang boleh digunakan untuk memastikan keselamatan sistem komunikasi telefon mudah alih, sistem komunikasi dua hala atau pun *two way communications* dan semua jenis sistem komunikasi data yang lain. Untuk makluman, aktiviti pintasan percakapan dan SMS sistem komunikasi telefon mudah alih termasuk GSM adalah tidak semudah yang diuar-uarkan oleh pelbagai laman sesawang atau pun *web page* yang menawarkan produk, perisian dan perkhidmatan berkenaan.

Mesti pun peralatan yang berupaya melakukan pintasan ada ditawarkan di pasaran, penjualan peralatan tersebut dikawal ketat berdasarkan negara pengeluar di mana peralatan tersebut hanya dijual kepada agensi-agensi keselamatan dan kerajaan. Antara negara pengeluar peralatan tersebut adalah Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah dan ianya merangkumi set peralatan yang mahal, bukannya berbentuk perisian semata-mata. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua. Dalam menguruskan serta sistem keselamatan negara, salah satu aspek penting ialah sistem komunikasi dalaman iaitu antara Pejabat Pertubuhan Negeri dengan Ibu Pejabat Persekutuan serta agensi-agensi berkaitan. Kawalan ke atas sistem komunikasi amat penting kerana kebocoran maklumat akan menyebabkan pihak luar sudah meneroka strategi rahsia kebolehan negara. Tidak dinafikan teknologi mudah alih memainkan peranan penting di dalam komunikasi media massa termasuklah yang berkaitan perkara rahsia kerajaan.

**■ 1020**

Apakah peranan utama SKMM - Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia bagi memastikan maklumat-maklumat yang *confidential* tidak diketahui oleh pihak tertentu yang mempunyai kepentingan peribadi yang boleh menyalahgunakan dan sejauh manakah SKMM mempunyai pakar-pakar serta kemudahan teknologi canggih bagi tujuan peranan tersebut. Sejauh manakah Maxis, Telekom dan Digital telah memberi kerjasama dengan R&D untuk meningkatkan lagi komunikasi teknologi maklumat dan media massa.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman, MCMC ataupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia berada di bawah bidang kuasa kementerian lain. Namun kita ada jaringan yang amat rapat dari segi gerak kerja kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut seksyen 234 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah menjadi satu kesalahan bagi seseorang tanpa kebenaran yang sah di bawah akta atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain sama ada pertama untuk memintas, cuba untuk memintas atau mendapat pihak lain supaya memintas atau cuba untuk memintas mana-mana komunikasi.

Keduanya mendedahkan atau cuba untuk mendedahkan kepada pihak lain kandungan komunikasi sedangkan dia mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat itu telah diperolehi pemintasan mana-mana komunikasi dengan melanggar seksyen. Maknanya memang sudah ada peruntukan undang-undang. Namun dari segi R&D yang dimaksudkan tadi, saya katakan MIMOS setakat ini yang diketahui agensi di bawah MOSTI yang giat mengadakan *Research & Development* berkaitan perkara ini. *Research* yang kita lakukan termasuklah *protection of data address*. Maknanya di peringkat *hard disc* ataupun *drive* misalnya untuk kita membuat *protection*, keduanya *protection of data in motion*.

Data yang bergerak, ini pun kena kita lakukan untuk kita pastikan bahawa sebab data ini bergerak di Malaysia misalnya kita ada sistem *line* yang menggunakan data - *line* itu yang kita kena jaga supaya tiada pintasan untuk orang curi data apabila data tersebut dihantar daripada satu sektor kepada satu sektor. Misalnya tadi antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Ini dilakukan juga MIMOS.

Ketiganya ialah *protection of data in use*, dengan izin. Contohnya *online banking* yang harus kita pelihara juga. Untuk makluman MIMOS sebenarnya sudah berjaya untuk membuat *inscription research* yang telah kita lakukan tadi. Cuma dari segi aplikasinya ianya akan memakan kos yang amat besar dan dari segi pilot nya kita sudah lakukan bersama dengan Telekom dan pelbagai agensi lagi dan tujuannya ialah untuk kita memelihara *secure*, dengan izin memastikan *critical infrastructure* kerajaan terutamanya akan terpelihara. Itu matlamat kita. Selain daripada itu banyak universiti lain telah membuat *research* berkaitan dengan perkara-perkara yang berhubung kait dengan komunikasi ini.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Beri laluan. Tuan Yang di-Pertua, macam mana surat khabar hari ini...

**Datuk Akbar bin Ali:** [Bangun]

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa cukup Yang Berhormat. Datuk Akbar bin Ali.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya faham isu pokok soalan ialah masalah pintas tetapi, kalau boleh saya alih sedikit kepada masalah teknologi yang berkaitan, dengan izin. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa saya ambil satu contoh yang kecil, dalam usaha menghantar SMS bahawa kita sering kali menerima secara automatik SMS yang sama. Pengalaman saya terutama apabila saya berada di luar negeri apabila dihantar oleh kawan-kawan. Adakah ini satu cara *service provider*, dengan izin, untuk membuat untung berlebihan kerana menghantar SMS yang sama kerana kita akan terus dikenakan bayaran, dan apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali. Sebagaimana yang saya katakan tadi bidang kuasa penguatkuasaan terletak di bawah Kementerian Komunikasi, Penerangan dan Kebudayaan, Kementerian Sains hanya memfokuskan pada bidang *research and development* sebab itu soalan ini tadi lebih menumpukan kepada ada tidak *research and development* berkaitan untuk mengawal pintasan dan juga SMS, percakapan dan juga mesej. Apa yang berlaku ialah dari segi mungkin yang berlaku di negara kita sekarang mungkin *service provider* ataupun ada pihak-pihak yang menjual nombor-nombor telefon kepada seseorang di mana ada pihak-pihak pula akan menghantar mesej dan sebagainya. Ini lebih kepada kawalan untuk Kementerian di bawah MCMC untuk melihat kalau ada aduan dan sebagainya. Oleh sebab itu kerajaan telah memperkenalkan *Data Protection Act*.

Hanya dengan adanya *Data Protection Act* ini mungkin baru ada pihak yang baru boleh mengambil tindakan supaya data peribadi seseorang akan dapat diambil tindakan apabila dijual secara haram misalnya. Ini memang tidak ada peruntukan khas untuk kita mengambil tindakan di bawah *Data Protection Act* sebab belum ada undang-undang tersebut. Sekarang ini sudah ada *Data Protection Act*, yang dibentangkan *insya-Allah* akan adalah pihak yang boleh diambil tindakan untuk melindungi data peribadi seseorang. Dari segi *research and development* yang saya katakan tadi, memang ada di bawah perundangan MCMC bahawa *interception* hanya akan dibenarkan di bawah perundangan. Kalau dibenarkan di bawah perundangan untuk tujuan penguatkuasaan, SPRM untuk memintas perbualan di antara satu pihak dengan satu pihak untuk dibuktikan oleh mahkamah, hanya ini dibenarkan tetapi, ini tertakluk secara ketat oleh perundangan yang sedia ada. Selain daripada itu tiada yang boleh dibenarkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, berapa ramaikah pencari kerja yang telah mendapat pekerjaan hasil inisiatif 'Pusat *JobsMalaysia*' (JMC) yang ditubuhkan kerajaan sejak Januari 2009 sehingga 31 Mac 2010 dan berapa ramai lagikah yang belum mendapat pekerjaan.

**Timbalan Menteri Sumber manusia [Dato' Maznah Mazlan]:** *Assalamualaikum*, dan selamat pagi, terima kasih Yang Berhormat. Pertama saya ingin turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan dan semua Yang Berhormat yang baru dilantik dan mengangkat sumpah. Seterusnya saya terus kepada soalan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad mengenai dengan Pusat *Jobs Malaysia*.

Saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Tenaga Kerja bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pekerjaan untuk membantu pencari kerja mendapat peluang pekerjaan di sektor swasta dan juga di sektor awam.

Pencari kerja boleh memperoleh perkhidmatan melalui Gerbang Rasmi Kerja bagi penawaran dan pencarian pekerjaan yang diberi secara percuma secara atas talian dengan mendaftar melalui portal khas iaitu <http://www.jobsmalaysia.gov.my> dan seterusnya membuat carian bagi mendapatkan jawatan yang sesuai.

Majikan juga diberi kemudahan untuk mengiklankan kekosongan dalam portal ini dan diberi akses untuk memilih calon-calon yang sesuai. Untuk meningkatkan lagi perkhidmatan dan sebagai usaha berterusan bagi membantu rakyat Malaysia mendapat pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia telah melancarkan sebanyak sebelas pusat *JobsMalaysia* di seluruh negara yang mana pada 25 Mac 2010, di Cyberjaya yang dilancarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Selain daripada sebelas pusat ini, kita juga mempunyai 68 Jabatan Tenaga Kerja di seluruh negara yang beroperasi waktu pejabat dan juga 99 *JobsMalaysia Point* yang menggunakan kemudahan-kemudahan dan institusi-institusi latihan dan lain-lain premis di bawah Kementerian Sumber Manusia yang ad adi seluruh negara ataupun di kios-kios di tempat-tempat awam.

Dengan adanya Pusat *JobsMalaysia*, pencari kerja bukan sahaja boleh mendaftar dan mendapat maklumat pekerja secara *online* ataupun atas talian, tetapi akan diberikan perhatian dan bimbingan kerjaya dan panduan-panduan bagi meningkatkan peluang bagi mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan pengalaman dan minat masing-masing.

#### ■ 1030

Setakat ini bilangan pendaftar aktif melalui Kementerian Sumber Manusia ialah seramai 386,239 orang termasuk juga mereka yang sudah ada pekerjaan yang ingin meningkatkan kerjaya. Bilangan majikan yang berdaftar ialah sebanyak 195,626 dan kerja kosong yang didaftarkan oleh majikan-majikan ini ialah sebanyak 207,345. Penempatan pekerja secara keseluruhan pada 2009 ialah sebanyak 97,071 yang mana 30.14% ialah melalui portal *JobsMalaysia*. Sehingga 30 April penempatan pekerjaan ialah berjumlah 19,418 orang termasuklah 38.6% melalui portal *JobsMalaysia* ataupun *JobsMalaysia Centre*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengambil kesempatan ini yang seharusnya mengucapkan tahniah kepada kerajaan terutamanya Kementerian Sumber Manusia kerana berjaya mewujudkan satu program yang memberi manfaat kepada rakyat Malaysia. Pertanyaan tambahan saya ialah semalam Dewan yang mulia ini dimaklumkan bahawa pekerja asing dalam negara kita ialah seramai 1.9 juta.

PATI pula dijangkakan juga seramai 1.9 juta yang keseluruhan jumlah itu menjangkau hampir empat juta orang pekerja. Pertanyaan saya adakah mereka ini memberi kesan kepada rakyat tempatan untuk mendapat peluang pekerjaan dalam negara kita, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan keutamaan kerja ialah kepada rakyat tempatan? Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sama ada kehadiran pekerja asing dalam negara ini memberi kesan kepada mereka yang mencari kerja di dalam negara ini, jawapannya sudah pasti tetapi, kalau kita hendak berbincang ke atas keperluan tenaga itu mengikut sektor-sektor yang tidak diminati dan yang menghadapi masalah pada masa ini, saya rasa kita telah maklum. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia berusaha berbagai-bagai cara dilaksanakan dan sedang diusahakan untuk memastikan bahawa tenaga penganggur yang dianggarkan dalam 3.5% yang ada di negara kita ini dapat kita eksploitasi untuk masuk ke sektor pekerjaan di dalam negara ini.

Selain daripada itu untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing kita juga melihat kepada potensi tenaga yang masih ada di dalam negara yang boleh dieksploitasi. Ini termasuklah tenaga-tenaga yang kita dengan izin, panggil sebagai *local workforce*. Maksudnya mereka berpotensi tetapi banyak langkah-langkah yang perlu kita ambil untuk membolehkan mereka masuk ke sektor pekerjaan. Ini termasuklah yang dijangka ada lebih kurang 6.6 juta termasuk tenaga wanita dan juga tenaga pesara-pesara yang dianggarkan ada dalam 400,000 di negara ini. Kalau satu perempat dari jumlah itu dapat digunakan semula ia dapat mengeksploitasi lagi tenaga tempatan.

Saya percaya bahawa Pusat Job Malaysia dan portal pekerjaan Job Malaysia ini dapat digunakan sepenuhnya untuk membantu rakyat Malaysia yang menganggur dan ingin meningkatkan kerjaya untuk mendapat pekerjaan. Ini kerana dalam satu hari sahaja kita dapati pengunjung ataupun pelawat kepada sistem kita ini dalam 100,000 orang. Saya percaya kegunaannya akan terus meningkat dengan adanya pusat-pusat yang ada pegawai dan tenaga kerja yang boleh membantu pengunjung-pengunjung nanti. Terima kasih.

**4. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, sistem penilaian yang digunakan bagi menilai keupayaan sebenar tahap pencapaian kemahiran insaniah pelajar IPT dan bagaimana untuk memastikan penilaian dan penaksiran Program Kemahiran Insaniah boleh dilakukan secara realistik.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pengajian Tinggi serius dalam usaha kita untuk melahirkan graduan yang mempunyai keperibadian yang bersepadu iaitu yang ada keseimbangan dari segi pencapaian dan prestasi akademiknya dan pada waktu yang sama mempunyai sahsiah yang murni. Kalau pun tidak mencapai maksud insan kamil tetapi sekurang-kurangnya menuju ke arah tersebut.

Satu daripada inisiatif dan pendekatan yang dilakukan ialah mewujudkan apa yang dipanggil pakej kemahiran insaniah. Tidak bermakna sebelum pakej ini ada universiti-universiti kita tidak menekankan perkara ini tetapi hanya bermula pada tahun 2006 kita ada modul yang khusus yang kita panggil Modul Kemahiran Insaniah yang saya katakan sebagai satu pakej lengkap untuk ditawarkan kepada semua mahasiswa kita di IPTA.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini kemahiran insaniah atau dengan izin, *soft skill* merupakan kemahiran generik yang merentasi pelbagai domain pembelajaran. Tentu tidak mungkin ada satu senarai yang boleh diterima pakai oleh semua pihak sehingga tidak menimbulkan apa-apa debat, sama ada kemahiran insaniah itu terdiri daripada tujuh atau sembilan atau sebelas perkara tetapi, kita mencuba untuk menyenaraikan satu senarai kemahiran insaniah yang difikirkan perlu dan sesuai untuk kepentingan pelajar kita dan negara kita. Dengan itu kita ada tujuh kemahiran insaniah iaitu:

- (i) kemahiran berkomunikasi;
- (ii) pemikiran kritis dan penyelesaian masalah;
- (iii) kemahiran bekerja secara berkumpulan;
- (iv) pembelajaran sepanjang hayat dan pengurusan maklumat;
- (v) kemahiran keusahawanan;
- (vi) profesionalisme, etika dan moral; dan
- (vii) kemahiran kepimpinan

Hasrat kita ialah supaya setiap mahasiswa akan melalui pengalaman melalui tujuh nilai ini. Juga mendapatkan ketujuh-tujuh nilai ini melalui sama ada dalam kurikulum ataupun dalam kokurikulum yang dilaksanakan di kampus. Untuk mengukurnya maka pada bulan Januari tahun ini Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi telah melancarkan apa yang dipanggil Skala Kemahiran Insaniah Malaysia atau dengan izin *Malaysian Soft Skills Scale* atau pendeknya My3S.

Instrumen My3S merupakan satu instrumen penilaian sendiri dengan izin, *self-assessment* di mana pelajar menilai tahap penguasaan mereka berdasarkan skala semantik atau yang selalu kita sebut dalam dunia akademik sebagai dengan izin, *Likert scale*, skala 0 sampai 10, dan sebagainya. Kita akan mula menggunakan sepenuhnya skala Kemahiran Insaniah Malaysia ini mulai kemasukan sesi 2010/2011 pada bulan Julai ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih jawapan yang terperinci yang diberikan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dan tahniahlah dengan usaha-usaha yang dibuat yang dipanggil *in other words, soft skill*, dengan izin tetapi, bolehkah saya bertanya kenapa masih lagi ramai graduan kita yang tidak dapat pekerjaan? Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Jawab mudahnya ialah kita belum mula instrumen ini, jawab susahnyalah, ia tidak semudah itu... *[Ketawa]*

#### ■ 1040

Tuan Yang di-Pertua, kita hanya mampu memberikan yang terbaik kepada pelajar kita. Akhirnya ia bergantung kepada pelajar itu sendiri. Sedikit sebanyak juga bergantung sejauh mana pelaksanaan modul ini di universiti-universiti. Saya bagi sebagai contoh, ambillah contoh keusahawanan. Kita ada mata pelajaran Keusahawanan yang ditawarkan dan ini adalah mata pelajaran elektif/wajib untuk mahasiswa kita sepanjang tiga atau empat tahun mereka di IPTA, mereka harus mengikuti kursus ini dan diberikan dua kredit.

Kemudian kita ada kokurikulum keusahawanan dalam pelbagai bentuk seperti koperasi, Kelab Keusahawanan, mereka digalakkan berniaga. Kita ada dengan izin, *student mall* di hampir semua IPTA. Kalau ada yang belum, itu kerana mereka masih dalam proses membina *student mall* itu.



Ada pertandingan-pertandingan yang menggalakkan keusahawanan seperti *Students In Free Enterprise* (SIFE) dan pelbagai program yang lain, begitu banyak sekali. Namun kita juga menasihatkan universiti bahawa perlu juga ada ekosistem yang kondusif untuk menerapkan keusahawanan ini, nilai-nilai keusahawanan ini dalam mahasiswa. Contohnya, jangan kepimpinan universiti melihat keusahawanan hanya sebagai satu mata pelajaran atau sebagai satu kokurikulum yang matlamat akhirnya ialah meningkatkan jumlah mahasiswa untuk menjadi usahawan. Itu sebenarnya tidak merupakan matlamat akhir. Matlamat akhirnya ialah mengubah *mindset* mahasiswa untuk membolehkan dia apabila keluar daripada universiti, dia mempunyai apa yang dikatakan dengan izin, *entrepreneurial skill*. Dia tidak semestinya menjadi seorang usahawan dalam pengertian menjalankan perniagaan tetapi dia mempunyai minda yang kukuh yang menyebabkan dia mampu berdikari dan tidak terlalu bergantung untuk mencari pekerjaan daripada orang lain.

Sememangnya kita masih melihat, Tuan Yang di-Pertua, angka-angka kebolehpasaran pekerja dari misalnya enam bulan selepas keluar daripada universiti, setahun atau dua tahun. Masih belum begitu memuaskan walaupun tidaklah begitu tinggi seperti di sesetengah negara maju yang lain. Akan tetapi kita harus melihat bahawa pembangunan sahsiah dan keperibadian seimbang pelajar ini dengan cara yang holistik dan tidak hanya melihat dari segi kemampuan mereka ataupun kebolehpasaran mereka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Yang Berhormat ada membuat kenyataan berhubung dengan mengembalikan jiwa ke universiti, mengembalikan roh ke universiti. Apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat dengan mengembalikan jiwa ke universiti dan apa hubungannya dengan perkara yang sedang kita timbangkan sekarang, Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Saifuddin bin Abdullah:** Sebenarnya begini, Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita bercakap soal kebolehpasaran graduan kita, seolah-olah universiti itu adalah kilang untuk melahirkan pekerja, sedangkan itu bukan matlamat utama universiti. Matlamat universiti yang utama ialah tempat penghayatan budaya ilmu, mencerna ilmu, mengongsi ilmu dan menilai ilmu. Namun tidak boleh tiada, sebagai universiti dalam zaman moden, beberapa fungsi yang spesifik tetap perlu diadakan. Sebagai contoh, menjalankan program-program akademik yang diiktiraf oleh agensi profesional dan agensi akreditasi, melaksanakan kurikulum untuk memenuhi keperluan pasaran pekerjaan, memfokuskan kepada penyelidikan. Ini melibatkan pembiayaan oleh pelbagai pihak dan menjadikan aktiviti komersial sebagai salah satu *indicator* prestasi sesebuah universiti. Yang ini tidak boleh dielakkan.

Namun demikian, apabila kita kata kita perlu kembalikan roh universiti itu ialah kalau kita benar-benar melakukan apa yang fundamental dalam universiti. Sebagai contohnya, seorang pensyarah itu tidak perlu sangat untuk diberikan motivasi kenaikan pangkat sekiranya seorang pensyarah itu memang secara dengan izin, *passionate* ingin menjadi seorang pemburu ilmu, pengajar ilmu dan penilai ilmu untuk anak muridnya. Kalau kita kembali kepada, contoh yang disebut oleh Professor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas bahawa universiti itu pada intinya sebenarnya bukan bangunan dan penampilan fizikalnya tetapi adalah interaksi yang intensif, antara pengajar dan muridnya. Maka di situlah roh universiti itu.

Jadi sebenarnya itu bukan satu dasar, Tuan Yang di-Pertua, tetapi adalah satu, dengan izin, *clarion call* untuk kepimpinan universiti dan warga universiti dengan izin, *go back to basic*, menghayati budaya ilmu sebagai tugas utama kita di universiti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan No. 5, oleh kerana saya nampak Tan Sri Datuk Amirsham A. Aziz tidak hadir, jika ada Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mewakili beliau, boleh dibenarkan kerana Menteri yang berkaitan telah ada dalam Dewan yang mulia ini.

**5. Datuk Abdul Rahman bin Bakar [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, sejauh manakah usaha Kementerian menangani '*root cause*' masalah banjir yang disebabkan oleh pembangunan hartanah yang tidak teratur dan juga pembuangan sisa pepejal daripada kawasan perusahaan di sepanjang aliran sungai, dan adakah pihak-pihak bertanggungjawab telah diheret di mahkamah dan dijatuhkan hukuman sewajarnya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman Bakar yang mewakili Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Amirsham.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, banjir di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya termasuklah perubahan cuaca, hujan yang lebat, kekurangan kapasiti sungai untuk menampung air hujan berlebihan, masalah prasarana perparitan dari segi kapasiti dan reka bentuk dan kekurangan penyelenggaraan sistem perparitan dan tebatan banjir serta menampas dalam sungai disebabkan pembangunan yang tidak terkawal.

Menurut sumber kajian daripada, dengan izin, *National Register of River Basin* tahun 2003. Seluas 9% tanah negara atau 29,000 kilometer persegi adalah di kawasan yang berisiko tinggi bagi banjir dan berupaya menjejaskan seramai 4.82 juta atau kira-kira 17.85% penduduk negara Malaysia. Bagi mengatasi masalah pembangunan yang tidak terkawal dan juga pembuangan sisa pepejal daripada kawasan perusahaan di sepanjang aliran sungai, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengambil beberapa langkah untuk menanganinya. Bermula daripada peringkat menggubal dasar akta-akta dan garis panduan sehinggalah kepada menyalurkan peruntukan, menaik taraf prasarana untuk mengatasinya.

Penguatkuasaan memerlukan usaha tindakan Pihak Berkuasa Tempatan yang diberi kuasa menerusi undang-undang kecil dan pelaksanaan garis panduan. Beberapa akta dan garis panduan telah diwujudkan termasuklah bagi Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam tahun 2007 di bawah Akta 672, yang mana ia memperuntukkan tindakan terhadap mana-mana pihak yang melanggar larangan pelesenan sampah-sarap, sisa pepejal dan jika sabit kesalah, didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih daripada tempoh lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Garis Panduan Perancangan Kawasan Rizab Sungai sebagai sebahagian daripada kawasan lapang awam tahun 2002 oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Ketiga, Garis Panduan Pembangunan Tanah Tinggi dan Cerun manakala keempat, Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 113) untuk mengambil tindakan mahkamah termasuklah tindakan mengikut Undang-undang Kecil Kerja Tanah. Pada peringkat pengawalan dan penjagaan, pada masa ini semua PBT telah mempunyai Pusat Setempat atau dengan ringkas OSC bagi menguatkuasakan peraturan-peraturan berkaitan pembangunan hartanah. Penguatkuasaan akta pula dilakukan oleh semua pihak PBT iaitu PBT di kerajaan-kerajaan negeri dari semasa ke semasa.

Tindakan undang-undang sama ada dalam bentuk kompaun atau pendakwaan adalah dilakukan terhadap pemaju dan pengusaha yang disabitkan dengan kesalahan seperti gagal menyediakan kolam takungan mengikut ketetapan. Kes-kes lain adalah memerlukan tindakan agensi lain seperti Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran seperti penguatkuasaan EIA bersabit dengan kawalan. Kawalan kualiti air, aliran dan seumpamanya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim.

■ 1050

**Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pihak kerajaan yang telah menjelaskan secara *detail*. Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ialah sejauh manakah pada pandangan kerajaan dari segi kepakaran dan kebolehan secara profesional, khususnya di peringkat OSC, di penguasa-penguasa tempatan yang pada pandangan saya adalah menunjukkan satu kelemahan terutama sekali penguasa-penguasa tempatan yang tidak mampu mewujudkan perjawatan lebih baik dan juga dari segi pengawasan lebih baik terutama dari segi kedudukan kewangan penguasa-penguasa tempatan yang lemah. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa mereka yang menganggotai OSC ini adalah merupakan di kalangan profesional, dari kalangan *engineer*, jurutera JKR, wakil daripada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan wakil daripada Jabatan Bomba, JKR dan Jabatan Pengairan dan Saliran. Semua ini adalah terdiri daripada kalangan profesional termasuklah pegawai-pegawai eksekutif daripada pihak berkuasa tempatan.

Dari segi kewangan, memang diakui bahawa hampir seluruh majlis daerah ataupun majlis perbandaran di seluruh negara memang kurang berkemampuan dari segi kewangan, tetapi adalah juga diakui bahawa ada juga di antaranya pihak PBT yang mempunyai kewangan. Jadi justeru itu, itulah sebabnya Kementerian akan berusaha untuk membantu semua PBT terutama sekali dalam penswastan sisa pepejal yang akan dilakukan tidak berapa lama lagi, yang mana melibatkan seluruh negeri Semenanjung Malaysia dengan harapan dapat membantu mengurangkan kekangan kewangan di peringkat PBT. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian bercadang mengadakan pelan perdana bagi mengatasi masalah banjir di seluruh negara secara perdana? Jika ada, tolong jelaskan. Jika tidak, apakah rancangan yang bakal diadakan?

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar. Sebenarnya perancangan komprehensif di semua peringkat PBT telah pun dibuat termasuklah kawasan Yang Berhormat.

Saya pergi ke Marang tahun lepas dan saya telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Majlis Daerah Marang. Jadi pada saya, semua PBT sudahpun mempunyai perancangan sama ada dalam soal pembangunan dan juga soal infrastruktur yang lain, perparitan dan sebagainya telah pun terancang. Terserahlah kepada pihak PBT untuk melaksanakan pelan perancangan yang telah pun dilaksanakan sejak tahun 2007. Terima kasih.

**6. Tuan Muhammad Olian bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, bilangan serta peratusan Orang Asli yang sedang memegang jawatan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam skim jawatan berikut:

- (a) kumpulan sokongan rendah, kumpulan sokongan dan kumpulan profesional; dan
- (b) adakah ada perancangan dibuat supaya pada masa hadapan dengan keutamaan diberi kepada masyarakat Orang Asli yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan saya, saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar daripada Sekolah Menengah Teknik Juasseh dari Parlimen Kuala Pilah bersama-sama dengan guru-gurunya [*Tepuk*] Secara kebetulan, Tuan Yang di-Pertua, mereka hadir hendak tengok wakil rakyatnya bercakap [*Ketawa*] [*Tepuk*]

Soalan ini datangnya daripada Yang Berhormat sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian, Senator yang mewakili masyarakat Orang Asli dan dia bertanya juga soal Orang Asli, hendak menunjukkan keprihatinan beliau terhadap masyarakat Orang Asli ini. Untuk jawapannya Tuan Yang di-Pertua saya hendak memberitahu,

- (a) Daripada statistik yang terkini iaitu sehingga 16 April 2010, jumlah keseluruhan pengisian perjawatan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) adalah seramai 1,230 orang berbanding dengan 1,378 keseluruhan bilangan perjawatan yang ada di dalam waran perjawatan JHEOA.

Keseluruhan pengisian perjawatan oleh kakitangan Orang Asli adalah seramai 301 orang iaitu 24% daripada jumlah keseluruhan perjawatan yang telah diisi di JHEOA. Dari jumlah itu, seramai 182 orang iaitu 40.71% daripada pengisian jawatan Kumpulan Sokongan II iaitu sokongan rendah diisi oleh kakitangan Orang Asli, 117 orang iaitu 15.62% daripada pengisian jawatan Kumpulan Sokongan I diisi oleh kakitangan Orang Asli, manakala seramai dua orang iaitu 2% daripada jawatan di dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional telah diisi oleh pegawai Orang Asli sendiri. Saya sebutkan semalam;

- (b) JHEOA sentiasa pada setiap masa memberi keutamaan pengisian kekosongan perjawatan kepada masyarakat Orang Asli. Namun demikian, bidang kuasa JHEOA hanya terbatas untuk proses pengambilan kakitangan di peringkat Kumpulan Sokongan II iaitu sokongan rendah dan pekerja khidmat singkat (PKS) sahaja. Walau bagaimanapun, JHEOA telah meletakkan keutamaan ini dalam pengemaskinian permohonan secara *online* untuk pengisian kekosongan jawatan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) menerusi sistem e-PG SPA, elektronik ini.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga senantiasa memaklumkan kepada SPA supaya keutamaan ini diberikan dalam proses pengisian jawatan Kumpulan Sokongan I dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, bukan sahaja di JHEOA malah di seluruh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan lain.

Terima kasih.

**Tuan Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan satu jawapan yang cukup baik. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Timbalan Menteri sedar bahawa perjawatan-perjawatan yang ada di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini terutamanya di peringkat daerah, masih lagi grednya yang begitu rendah.

Jadi saya fikir bagaimanakah untuk mereka ini hendak melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka ini yang merupakan satu tanggungjawab yang amat berat kalau dibandingkan dengan jabatan-jabatan yang lain, umpamanya pegawai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Daerah Bera di tempat saya, Gred 22 sahaja, kalau dibandingkan dengan jawatan-jawatan yang lain, dibandingkan dengan RISDA, misalnya Gred 44. Jadi bagaimanakah untuk mereka hendak merancang dan melaksanakan atau mengimplementasikan program-program pembangunan yang diamanahkan oleh kerajaan kepada mereka.

Jadi, adakah kementerian bercadang untuk memperkasakan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini menjadi sebuah jabatan yang benar-benar komited untuk melaksanakan tanggungjawab kerajaan membangunkan masyarakat Orang Asli?

**Dato' Haji Hasan bin Malek:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Muhammad Olian di atas soalan itu. Sukacita saya maklumkanlah bahawa pada saya, gred itu satu soal, soal yang lain juga adalah soal komitmen pegawai yang diberi tugas itu. Memang benarlah apa yang telah disebut Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian, di peringkat daerah ini, *scale* gred gaji yang kita berikan kepada pegawai-pegawai ini adalah di antara sama ada S22, S27, 28, 38 dan sebagainya. Memang benar ini gred yang telah dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun, soal keberkesanan atau tidak, ini lebih bergantung kepada komitmen mereka yang diberi tanggungjawab tersebut.

## ■ 1100

Saya fikir, dibandingkan pula dengan RISDA. RISDA ini agensi kerajaan yang bersifat badan berkanun iaitu diuruskan oleh Lembaga Pengarah dan sebagainya tetapi, Jabatan Orang Asli ini satu skop pekerjaan yang luas dan terbuka untuk di jabatan itu. Jadi, kalau misalnya ada pandangan ataupun teguran yang misalnya macam Bera ini tidak memberi keberkesanan yang baik, boleh dimaklumkan kepada kita dan kita boleh ambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk diletakkan orang lain yang mampu dan lebih boleh buat kerja lagi berkesan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, gred ini sentiasa kita kaji dari semasa ke semasa sebab di peringkat negeri pun begitu juga. Kita hendak letakkan juga kalau boleh Orang Asli itu sendiri mengetuainya dalam proses dan *insya-Allah* dalam masa yang terdekat, kemungkinan esok di negeri juga kita akan letakkan pegawai-pegawai yang berasal daripada masyarakat Orang Asli ini sendiri. Jadi begitulah dia. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa yang lalu, kebanyakan Pengarah JHEOA adalah diperbantukan daripada perkhidmatan awam dan bukan daripada kalangan Orang Asli itu sendiri. Sekarang ini sudah ramai Orang Asli yang berpengalaman tinggi, berpelajaran tinggi dan ada yang sudah sampai menjadi profesor dan sebagainya. Bilakah agaknya perubahan akan berlaku di mana ketuanya nanti akan dikendalikan oleh Orang Asli itu sendiri? Terima kasih.

**Dato' Haji Hasan bin Malek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini cikgu saya, Profesor Senator Syed Husin Ali, tahniahlah! Satu keprihatinan yang cukup baik di kalangan Yang Berhormat Senator dan kita akui bahawa jawatan tertinggi di Jabatan Orang Asli khususnya Ketua Pengarah ini diduduki ataupun dipegang oleh mereka yang tergolong di dalam PTD iaitu JUSA dan sebagainya. Ini adalah sebab pada hari ini belum ada kita lihat anak masyarakat Orang Asli ini yang mampu, layak dan berkemampuan untuk memegang jawatan ini tetapi, jawatan timbalannya iaitu Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan adalah datang daripada Orang Asli ini sendiri iaitu Encik Nisran bin Asra Ramlan. Maknanya kalau kita fikirkan layak ada di kalangan masyarakat Orang Asli ini, kita akan letakkan mereka di sini. Kita terbuka Yang Berhormat Senator, sebab apa yang berlaku misalnya, ada juga di kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli ini yang mempunyai kelulusan yang tinggi tetapi mereka tidak berminat untuk hendak duduk di Jabatan Orang Asli ini sendiri. Ini adalah soal sikap dan sebagainya.

Saya telah sebutkan semalam, ada yang profesor, ada yang *engineer*. Ada yang *engineer* itu pula kita tawarkan satu jawatan yang baik di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dia tolak sebab dia melihat tidak ada kemungkinan untuk naik pangkat yang mudah. Dia lebih suka lagi duduk di JKR dan sebagainya, sebagai contoh. Jadi ini juga salah satu daripada masalah kecil yang saya anggap hendak menggalakkan mereka itu duduk di jabatan ini dan membantu kita pula untuk hendak memperkasakan masyarakat Orang Asli ini.

*Insya-Allah* pandangan Yang Berhormat Senator itu akan kita ambil perhatian dan sampai masanya esok, *insya-Allah* kita akan lihat ketua pengarah ataupun jawatan tertinggi di Jabatan Orang Asli ini juga akan diisi oleh masyarakat Orang Asli sendiri. Terima kasih.

7. **Dato' Azian bin Osman** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, langkah-langkah kementerian dalam memastikan keberkesanan inisiatif jalur lebar negara dapat dinikmati oleh rakyat dan tidak hanya menguntungkan syarikat-syarikat pembekal jalur lebar memandangkan banyak maklum balas telah diterima berkenaan kualiti jalur lebar yang disediakan pada waktu ini tidak berpadanan dengan harga yang dibayar.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, Kesenian dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad, nombor 71; dan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang, pertanyaan Nombor 73, bertarikh 4 Mei 2010 kerana ia adalah berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Inisiatif Jalur Lebar Nasional ataupun *National Broadband Initiative* (NBI) merupakan satu strategi menyeluruh kerajaan yang dilaksanakan melalui dua kategori jalur lebar iaitu jalur lebar berkelajuan tinggi atau *high speed broadband* (HSBB) dan jalur lebar untuk orang awam atau *broadband for general population* (BBGP) bagi mencapai sasaran penembusan jalur lebar isi rumah sebanyak 50% pada penghujung tahun ini.

Kementerian dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang berusaha untuk melengkapkan 134 pejabat penerangan di seluruh negara dengan alatan *WiFi* atau talian berkelajuan tinggi, membekalkan satu juta set komputer rakyat dengan dana USP yang terlengkap dengan cip *WiFi* atau *WiMAX* dan tidak juga terkecuali binaan *base station* dan menara telekomunikasi di Sabah dan Sarawak. Selain itu, antara inisiatif-inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan ialah:

- (a) penyediaan kemudahan komunikasi dan ICT di luar bandar, di perpustakaan desa dan klinik desa serta penubuhan Pusat Internet Desa (PID) di seluruh negara;
- (b) penubuhan perpustakaan jalur lebar komuniti dan pusat jalur lebar komuniti;
- (c) penyediaan e-Kiosk di pusat kemasyarakatan dan pejabat mukim di seluruh negara; dan
- (d) peluasan liputan selular awam melalui pembinaan menara telekomunikasi baru di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan kualiti perkhidmatan internet jalur lebar berada pada tahap yang memuaskan berpadanan dengan harga yang dikenakan di samping mengurangkan aduan pengguna, kementerian melalui SKMM telah menguatkuasakan standard mandatori untuk mutu perkhidmatan iaitu *mandatory standard for quality of service* bagi perkhidmatan capaian jalur lebar melalui talian tetap atau *wired broadband access* yang mesti dipatuhi oleh pemberi perkhidmatan jalur lebar semenjak tahun 2004.

Pihak SKMM juga sedang menjalankan proses siasatan awam atau *public inquiry* untuk menyediakan *standard mandatori* bagi perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar bagi memastikan pengguna mendapat kualiti yang memuaskan.

Pihak kerajaan giat menjalankan pelbagai usaha bagi membolehkan semua lapisan masyarakat baik di bandar mahupun di luar bandar dapat menikmati kemudahan jalur lebar. Pelbagai usaha juga giat dijalankan bagi memberi peluang kepada penduduk yang kurang berkemampuan di bandar mahupun di luar bandar untuk menikmati perkhidmatan jalur lebar. Terima kasih.

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab.

Saya difahamkan dalam melaksanakan perkhidmatan jalur lebar ini, pihak pemberi perkhidmatan atau *service provider* menghadapi masalah dalam memasang infrastruktur terutamanya dalam perhubungan yang berkait dengan kuasa-kuasa kerajaan negeri dan juga PBT. Jadi soalan tambahan saya, saya difahamkan terdapat masalah juga. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengarahkan pihak SKMM dan juga kementerian untuk berunding dengan kerajaan negeri dan juga PBT yang terlibat. Jadi sejauh manakah rundingan ini dapat menyelesaikan masalah dan adakah pihak kerajaan negeri yang tidak memberikan kerjasama kepada kerajaan terutama sekali kementerian? Sekian, terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada pertanyaan tambahan dari Yang Berhormat Senator Dato' Azian.

■ 1110

Sememangnya ada dalam penyediaan kemudahan tersebut, syarikat-syarikat mengalami pelbagai kekangan termasuk daripada..., bukan tidak membenarkan tetapi kelambatan daripada pihak kerajaan negeri untuk memberi kebenaran untuk menara didirikan di beberapa tempat, lebih-lebih lagi di bandar. Oleh yang demikian, kerajaan melalui kementerian kami dan melalui SKMM sedang berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Ini mungkin dapat diputuskan semasa mesyuarat Ketua-ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar yang akan berlangsung tidak lama lagi. Terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah bezanya antara penembusan jalur lebar *broadband penetration* dan *broadband coverage*, mengapa kerajaan pilih *penetration* daripada alternatif yang lebih baik iaitu *coverage* supaya setiap isi rumah di Malaysia berpeluang untuk menggunakan jalur lebar? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Rizuan. Memang betul sebagaimana Yang Berhormat katakan, memang ada perbezaannya dari segi penembusan dan liputan ataupun *coverage*. Di Malaysia pada masa ini, liputan jalur lebar adalah 60%. Ini termasuklah ADSL, 3G, HSDPA dan *Wimax*. Namun, pencapaian penembusan pada 28 April tahun ini adalah hanya 35.4% iaitu sebanyak 2,219,400 isi rumah. Mengapa pula kita gunakan istilah penembusan dan bukan liputan? Ini kerana liputan adalah lebih senang dicapai dan penembusan pula adalah lebih rumit kerana ia terpulang kepada penduduk kita. Apa yang efektif adalah penembusan. Walaupun kita ada liputan, sekiranya rakyat kita tidak menggunakan perkhidmatan tersebut, maka perkhidmatan itu disediakan dengan sia-sia sahaja dan tidak digunakan. Oleh yang demikian, lebih baik kita menggunakan istilah penembusan daripada istilah liputan. Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.



Soalan tambahan saya ialah syarikat-syarikat telekomunikasi sama ada Maxis, Celcom dan sebagainya, sekarang ini banyak menawarkan..., contohnya untuk *broadband* ini diberikan modem percuma dan sebagainya tetapi *coverage* ataupun liputan itu tidak ada, terutama di kawasan luar bandar. Ada yang mengatakan bahawa bila hendak *download* sesuatu web ataupun hendak *booking* tiket kapal terbang, sebelum balik sembahyang Jumaat, tidak habis lagi *download* itu, terlalu *slow*. Jadi ini menunjukkan bahawa syarikat-syarikat ini menawarkan pakej tetapi tidak menyediakan *coverage* yang cukup, iaitu merugikan atau menganiaya pengguna-pengguna yang telah membeli daripada mereka. Apa tindakan kerajaan berkenaan hal ini? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah pertanyaan ataupun rungutan yang sering kita dengar. Oleh yang demikian, sebagai mana yang saya telah katakan tadi, kita sudah ada standard mandatori ataupun – yang mesti kita pakai iaitu *the mandatory standard for quality of service* tetapi sebagaimana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat, maka kita tahu bahawa penyedia atau pemberi perkhidmatan tersebut belum mencapai standard yang dikehendaki.

Oleh yang demikian, kita sering menerima aduan dan sekiranya aduan itu tepat, maka tindakan boleh dikenakan kepada pemberi perkhidmatan. Misalnya kita telah mengambil tindakan dua kali kepada syarikat yang diberi kompaun ataupun dikenakan kompaun sebanyak RM10,000 dan yang satu lagi dalam penyelesaian iaitu oleh kerana capaian standard yang diberikan syarikat tersebut tidak mengikut apa yang ditawarkan.

Yang Berhormat tadi juga mengatakan ada penawaran yang diberi tetapi liputan yang tidak sebegitu. Sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi bahawa liputan kita pada hari ini adalah hanya 60% dan di kebanyakan luar bandar memang tidak ada liputan. Oleh yang demikian, kementerian kami sedang berusaha mencari jalan bagaimana kita boleh memberi liputan yang lebih baik ke kawasan pedalaman, lebih-lebih lagi di Sabah dan Sarawak. Berkemungkinan besar ini tidak lama lagi akan diumumkan oleh kerajaan.

Yang Berhormat dan orang awam boleh bekerjasama dengan kementerian kami dan SKMM untuk menyalurkan aduan-aduan dan sekiranya ada berkenaan dengan standard perkhidmatan, boleh diajukan kepada laman sesawang yang disediakan oleh SKMM, e-mel, telefon, dan SMS juga boleh dihantar kepada talian 15888. Kalau ada pejabat SKMM berdekatan, boleh juga aduan disampaikan kepada pegawai-pegawai yang berada di pejabat tersebut.

Berkenaan dengan laman sesawang yang boleh digunakan, iaitu [www.aduan.skmm.gov.my](http://www.aduan.skmm.gov.my) dan begitu juga aduan-aduan yang lain boleh dikemukakan kepada pihak kami dan pihak SKMM. Terima kasih.

**8. Tuan Haji Shamsudin bin Mehat** minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk meningkatkan kadar nisbah jururawat kepada penduduk negara yang pada masa ini adalah 1:640 penduduk jika dibandingkan dengan nisbah negara maju iaitu 1:200 penduduk. Adakah kementerian mempunyai sasaran nisbah yang ingin dicapai dalam lima tahun yang akan datang.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shamsudin bin Mehat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada data unjuran keperluan jururawat berdaftar, nisbah jururawat kepada penduduk bagi tahun 2009 adalah 1:340.

■ 1120

Manakala untuk tahun 2010 pula, nisbah jururawat kepada penduduk ialah 1:280. Sehingga kini terdapat 98 buah IPTA dan IPTS di dalam negara yang menawarkan pengajian di peringkat diploma dalam bidang kejururawatan. Dalam tahun 2009, keluaran jururawat terlatih daripada IPT di Malaysia adalah seramai 6,140 orang jururawat.

Jangkaan keluaran jururawat daripada IPT dalam negara adalah dijangka akan meningkat kepada 9,000 orang setahun mulai tahun 2010. Justeru, nisbah jururawat kepada penduduk 1:200 dijangka akan dapat dicapai pada tahun 2015.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kadar nisbah jururawat bagi mencapai sasaran 1:200 adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Lembaga Jururawat melaksanakan promosi kerjaya kejururawatan di sekolah-sekolah menengah dan setakat ini sejumlah 21 buah sekolah telah dilakukan promosi kerjaya bermula tahun 2009 sehinggalah tahun ini; dan
- (ii) Kementerian Kesihatan melaksanakan pindaan Skim Perkhidmatan Jururawat kepada Skim Perkhidmatan Bersepadu sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005, jururawat gred U29, U32, U36, U41 dan U 42, U44 dan U48.

Dalam Bajet 2009, kerajaan telah menaik taraf Skim Perkhidmatan Penolong Jururawat Gred U11, U14 kepada Skim Perkhidmatan Jururawat Gred U19, U24, U26 selepas lulus Kursus Peralihan Penolong Jururawat ke Jururawat Masyarakat selama enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Bayaran Insentif Pos Basik sebanyak RM100 mengikut bidang tugas juga diberikan kepada jururawat yang terpilih. Kementerian Kesihatan juga mengambil tindakan untuk mengambil bekerja semula jururawat yang kompeten secara kontrak selepas mereka bersara wajib. Demi untuk menaikkan imej dan juga taraf profesion kejururawatan, Kementerian telah mewujudkan peluang pembelajaran dari peringkat diploma ke ijazah untuk menarik minat lebih ramai remaja lepasan sekolah yang berkelayakan untuk menyertai bidang kejururawatan.

Selain daripada itu, pihak Kementerian juga memberi peluang kepada jururawat yang bertugas melebihi 15 tahun dengan syarat lulus Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan disokong oleh ketua jabatan untuk dilantik sebagai Khas Untuk Penyandang (KUP) ke gred yang lebih tinggi. Akhir sekali, Kementerian juga mewujudkan lebih perjawatan bagi gred yang lebih tinggi untuk memberikan peluang kenaikan pangkat bagi anggota yang berkelayakan. Terima kasih.

**Tuan Haji Shamsudin bin Mehat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya difahamkan bahawa jururawat-jururawat kita yang berpengalaman banyak berhijrah dan bekerja di luar negara terutamanya di negara-negara Timur Tengah yang menawarkan gaji yang lebih lumayan.

Soalan tambahan saya, adakah Kementerian mempunyai data berapa ramai yang sedang bekerja di luar negara pada masa ini? Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk mengurangkan penghijrahan jururawat-jururawat yang berpengalaman ini? Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada masa kini terdapat seramai 1,658 orang jururawat yang bertugas di luar negara. Negara-negara tersebut adalah seperti Arab Saudi, Singapura, Australia, United Kingdom, Hong Kong, Brunei dan juga New Zealand. Namun begitu, majoriti daripada jururawat-jururawat kita lebih ramai bertugas di negara Arab Saudi.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, jururawat yang berkhidmat di negara-negara asing ini adalah terdiri daripada jururawat-jururawat yang telah bersara dari perkhidmatan Kementerian Kesihatan Malaysia yang memilih untuk berkhidmat di negara luar. Dimaklumkan juga terdapat antara jururawat-jururawat ini adalah terdiri daripada jururawat yang dilatih oleh kolej-kolej swasta yang memilih untuk berkhidmat di luar negara sebagai salah satu usaha untuk mengembangkan kerjaya mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah yang saya sebutkan lebih awal tadi, Kementerian Kesihatan Malaysia akan sentiasa mengkaji dan mengambil langkah-langkah positif untuk mempertingkatkan mutu profesion dan kualiti jururawat di negara kita dengan memberikan insentif-insentif serta peluang-peluang pembelajaran bagi meningkatkan prestasi mereka. Terima kasih.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah *ratio* di antara jururawat dan juga pesakit di bidang klinikal, dan bagaimanakah Kementerian Kesihatan memantau kursus-kursus kejururawatan yang ditawarkan oleh banyak IPTS dan juga kolej kejururawatan agar IPTS dan juga kolej ini dapat melahirkan jururawat yang berkualiti tinggi? Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat di dalam perkhidmatan klinikal, *ratio* di antara pesakit dan jururawat adalah bergantung kepada tahap kritikal serta keperluan penjagaan iaitu adalah:

- (i) tahap satu iaitu penjagaan minimum di mana nisbahnya adalah satu jururawat kepada enam pesakit;
- (ii) tahap kedua pula adalah penjagaan separa di mana nisbah satu jururawat kepada empat pesakit;
- (iii) tahap tiga ialah penjagaan sepenuhnya adalah di mana nisbah satu jururawat kepada dua pesakit; dan
- (iv) tahap keempat iaitu penjagaan yang kompleks, nisbah satu jururawat kepada satu pesakit.

Contohnya, pesakit yang dirawat di Wad Rawatan Rapi yang bergantung kepada bantuan sepenuhnya, tahap mereka adalah di tahap empat dan *ratio* adalah satu jururawat kepada satu pesakit setiap syif.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita mempunyai..., sebentar ya. Untuk menjawab soalan yang kedua Yang Berhormat, pada masa ini kita mempunyai 109 buah kolej kejururawatan di seluruh negara yang mengendalikan pengajian program kejururawatan sama ada di peringkat sijil, diploma atau ijazah kejururawatan. Pengeluaran graduan setiap tahun adalah di antara 9,000 orang ke 10,000 orang di mana mereka ini perlu lulus Peperiksaan Syarat Kemasukan ke dalam Daftar Am iaitu di bawah Akta Jururawat 1950 Lembaga Jururawat Malaysia dan layak untuk digelar jururawat berdaftar.

Pecahan kepada 109 buah kolej kejururawatan tersebut, 70 adalah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 28 buah adalah institut di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan iaitu 17 buah menawarkan bidang diploma dan 11 buah menawarkan bidang jururawat masyarakat dan sepuluh lagi adalah IPTS.

Jadi untuk bagaimana usaha kementerian memantau Yang Berhormat, sudah tentu kita akan memastikan kursus-kursus yang ditawarkan adalah mengikut bidang yang diselenggarakan oleh Kementerian Kesihatan sendiri. Sudah tentu terdapat satu usaha terutama sekali oleh Kementerian Pengajian Tinggi, di mana Kementerian Pengajian Tinggi telah mengatakan bahawa bermula pada Julai tahun ini mereka akan memberhentikan proses untuk pendaftaran IPTA yang menawarkan pembelajaran dalam bidang kejururawatan.

#### ■ 1130

Ini sebagai langkah untuk mengawal kemasukan atau pun mengawal IPTA dan kolej-kolej kejururawatan yang sedia ada supaya ianya tidak melangkaui apa yang tersenarai pada ketika ini. Saya juga ingin membetulkan kenyataan saya Yang Berhormat sebenarnya 70 IPTS dan sepuluh IPTA bukan sebaliknya ya, seperti yang saya nyatakan lebih awal. Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada soalan tambahan? Silakan.

**Datuk Maijol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya ialah ada kementerian sedar bahawa dalam keghairahan kita untuk melatih lebih ramai jururawat-jururawat di negara kita. Ada pula kolej-kolej swasta yang mengambil kesempatan untuk mengenakan bayaran yuran pengajian yang terlalu tinggi sehingga bagi saya tidak berbaloi. Ia mengambil kesempatan daripada keadaan ini. Tidakkah kementerian *intervene* atau campur tangan memastikan bahawa fi yang dikenakan oleh kolej swasta ini adalah yang berpatutan, yang boleh dibayar oleh jururawat-jururawat atau pelatih-pelatih kita yang kebanyakannya pula daripada luar bandar ini? Terima kasih.

**Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Sebelum saya menjawab kepada persoalan Yang Berhormat, saya ingin menyentuh mengenai usaha Kementerian Pengajian Tinggi untuk memberhentikan mewujudkan kolej-kolej kejururawatan bermula daripada tahun ini.

Antara sebabnya adalah untuk mempunyai keupayaan untuk mengawal kewujudan kolej-kolej yang tidak bertauliah dan sudah tentu kita juga di peringkat kementerian banyak menerima laporan-laporan yang mengatakan kolej-kolej kejururawatan ini mengenakan *fee* atau mengenakan yuran yang begitu tinggi kepada pelajar-pelajar kolej tersebut.

Namun demikian Yang Berhormat, perkara ini telah kita kemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang mempunyai bidang kuasa yang seperti yang seperti ditanya oleh Yang Berhormat.

Kementerian Pengajian Tinggi adalah kementerian yang bertanggungjawab di atas pelaksanaan fi atau pun yuran-yuran yang dikemukakan oleh kolej-kolej kejururawatan dan kolej-kolej swasta ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan pertanyaan yang kesembilan Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**9. Datuk Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, tentang usaha untuk mewujudkan projek berimpak tinggi di dalam bidang perikanan dan setakat ini dan berapa buah projek yang telah dilaksanakan, di mana dan berapa peruntukan yang telah dibelanjakan oleh EPU.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah memperkenalkan Program Zon Industri Akuakultur (ZIA) sebagai salah satu usaha praktikal dan dinamik bagi meningkatkan pengeluaran akuakultur negara. Program ZIA merupakan pendekatan pembangunan melalui pengezonan kawasan tanah dan perairan yang dikenal pasti sesuai untuk dibangunkan dengan Projek Akuakultur Komersial. Pelaksanaan pembangunan ZIA melibatkan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam menyediakan perancangan mikro dan juga menyalurkan peruntukan pembangunan untuk membangunkan infrastruktur asas.

Manakala kerajaan negeri bertanggungjawab dalam meluluskan kawasan yang telah dikenal pasti sesuai untuk dizonkan sebagai kawasan ZIA. Pendekatan ini merupakan salah satu strategik utama dalam membangunkan industri akuakultur secara mampan di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan. ZIA telah dipilih sebagai salah satu projek berimpak besar (*high impact project*) agar pelaksanaan program ini lebih berkesan. Peruntukan yang diterima adalah sebanyak RM115 juta berdasarkan siling Rancangan Malaysia Kesembilan. Manakala daripada jumlah tersebut sebanyak RM97.4 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pelaksanaan pembangunan Program ZIA.

Setakat ini, terdapat sebanyak 15 buah HIP-ZIA melibatkan kawasan daratan dan perairan seluas 29,060 hektar telah dilaksanakan di seluruh negeri seperti di Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Pahang, Perak, Sarawak, Selangor, dan Terengganu. Projek HIP-ZIA yang telah dilaksanakan ini adalah seperti Projek Ternakan Udang Laut, ikan laut, ikan air tawar, udang galah, dan juga ternakan ikan hiasan.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia turut serta dalam projek berimpak tinggi dengan sepuluh buah projek melibatkan negeri Selangor, Sabah, Sarawak, Terengganu, Kedah, dan Pahang. Untuk melaksanakan program ini, LKIM telah menerima peruntukan sebanyak RM62 juta. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga April tahun ini adalah sebanyak RM15.6 juta. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas. Tambahan, apakah usaha terbaru kerajaan untuk mencukupi bekalan ikan dan ternak akuakultur air tawar di seluruh negara dan untuk tujuan pasaran ke luar negara? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya katakan sebentar tadi, jikalau 15 buah Projek HIP-ZIA ini semua *take off* seperti yang kita rancangan, *insya-Allah* Yang Berhormat kita mempunyai bekalan ikan atau protein daripada ikan yang berlebihan. Sebenarnya SSL kepada ikan ini sudah mencapai 100%. Jadi, apa-apa ini adalah kelebihan adalah untuk kita eksport.

Pada masa yang sama kita juga ada satu perancangan dan sebenarnya sudah diluluskan oleh Kabinet iaitu kita juga hendak selaraskan bersama supaya sementara kita menggalakkan HIP-ZIA ini, kita pastikan juga bahawa pasaran bukan sahaja di dalam negara tetapi di luar negara juga sentiasa perlu mengetahui bekalan-bekalan ikan yang terbaik daripada Malaysia tetapi, di dalam negara kita pastikan bahawa sudah diluluskan oleh Kabinet bahawa sekarang ini di dalam tender pembekalan makanan masak mesti ada menu ikan air tawar seminggu sekali. Jadi, dengan ini saya rasa *insya-Allah* lah bekalan melalui ZIA di bawah *high impact* ini akan mendapat pasaran yang luas.

■ 1140

Sebenarnya kita di bawah menu masakan seminggu sekali ini ikan-ikan yang telah ditawarkan di dalam menu ini untuk ditenderkan adalah ikan tilapia dan juga ikan keli. Jadi, satu juganya kita hendak memastikan bahawa bekalan-bekalan ikan ini mesti datang daripada ladang-ladang yang diakreditasi oleh jabatan perikanan dan juga daripada LKIM. Ini kerana kita tidak mahu mana-mana *supply* daripada mana-mana ladang yang tidak diakreditasi juga untuk menjadi bekalan pada tender tersebut. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana tidak ada soalan lagi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana masa kita hendak meneruskan Dewan kita, maka pertanyaan lisan setakat itu sahaja buat hari ini. Kita teruskan dalam agenda yang seterusnya. Silakan Setiausaha.

**[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL**

**MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 17(1)**

**Tembakan Terhadap Aminurasyid Amzah  
Disiasat Secara Profesional dan Telus**

11.41 pg.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengusulkan satu isu yang mempunyai kepentingan ramai dan perlu disegerakan di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1). Usul yang ingin saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah berkaitan dengan kematian seorang pelajar yang berusia 15 tahun, Aminulrasyid Amzah yang ditembak mati oleh polis pada awal pagi Isnin 26 April 2010.

Terdapat dua versi dalam isu ini Tuan Yang di-Pertua. Pertama ialah daripada versi anggota polis yang mengatakan bahawa mangsa dan rakannya cuba melarikan diri daripada sekatan polis. Manakala rakannya berjaya melarikan diri.

Menurut laporan akhbar *New Straits Times* bertarikh 4 Mei 2010 halaman enam, bertajuk '*Witness Break Silence*'. Polis juga memberitahu bahawa mereka menemui parang di dalam kereta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ada membekalkan Yang Berhormat ada yang kita desak Yang Berhormat untuk baca. Jangan baca yang lain sudah.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mana yang kita telah bekalkan kepada Yang Berhormat, tolong baca yang itu.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada terima atau tidak?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baca yang itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Silakan baca.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ini adalah untuk memberitahu notis di bawah Peraturan Mesyuarat 17(1) untuk mengusulkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan seperti berikut.

Bahawa Dewan mengizinkan saya, Ramakrishnan a/l Suppiah untuk menanggungkan Dewan mengikut Peraturan Mesyuarat 17(1) untuk merundingkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang dikehendaki disegerakan mengenai kematian seorang pelajar oleh anggota polis.

Aminulrasyid Amzah pelajar berusia 15 tahun ditembak pada awal pagi Isnin 26 April 2010. Berdasarkan kepada laporan polis, saksi rakan Aminulrasyid Amzah, beliau dan mangsa pada waktu kejadian pulang dari restoran di seksyen 7 pada awal pagi Isnin. Laporan *Utusan Malaysia* juga melaporkan kereta tersebut kemudiannya berhenti dan kedua-dua mereka cuba melarikan diri. Tiba-tiba kereta tersebut...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** [*Bangun*]

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** ...Bergerak ke belakang dan cuba...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, biarkan dia baca dahulu saya sedang mengamati, terima kasih. Yang Berhormat baca yang saya berikan itu ya, jangan guna Yang Berhormat punya.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa yang saya telah berikan, baca yang itu sahaja.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** ...Dan kedua-dua mereka melarikan diri. Tiba-tiba kereta tersebut bergerak ke belakang dan cuba untuk melanggar anggota-anggota polis berkenaan sehingga mereka terpaksa melepaskan tembakan bagi tujuan melindungi diri. Polis juga memberitahu terdapat pisau di dalam kereta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat tidak faham. Dato' Setiausaha tolong bekalkan. Saya minta kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat telah menghantar Notis kepada saya selaku Tuan Yang di-Pertua, dan saya telah mengamati maka kita telah menasihatkan Yang Berhormat satu untuk dibaca. Baca yang itu sahaja. Dato' Setiausaha tolong berikan kepada dia..., sudah baca dah? Okey, teruskan.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan di mana Yang Berhormat berhenti tadi.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** ...Parlimen harus memandang berat insiden ini kerana tindakan anggota polis menembak sewenang-wenangnya perlu diasas dengan terperinci tanpa berpihak kepada sesiapa. Parlimen harus mengambil langkah memastikan profesionalisme polis dipelihara dan keadilan mangsa diberikan. Saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat semua boleh membuat permohonan begini tetapi mengikut peraturan. Kita telah membuat peraturan. Jangan membaca yang dihantar kepada saya itu kerana kita telah tapis, lihat inti pati sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah mendengar notis yang dibacakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Setelah meneliti inti pati dengan terperinci, usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, saya berpendapat, usul yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah merupakan satu perkara tertentu. Ia ada tiga *links*. Satu perkara tertentu, boleh diterima dan berkepentingan ramai, boleh diterima. Namun saya berpendapat ia tidak perlu disegerakan bagi menangguhkan persidangan Dewan ini berdasarkan alasan-alasan seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat semua sedia maklum, kes ini masih dalam penyiasatan secara terperinci oleh Polis Diraja Malaysia. Polis Diraja Malaysia telah menubuhkan pasukan penyiasat bagi menyiasat kes tersebut dan memberikan jaminan bahawa siasatan akan dijalankan secara telus dan adil;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri juga sendiri telah menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri bagi memantau siasatan kes berkenaan tanpa menyembunyikan sebarang fakta dan lain-lain perkara; dan
- (iii) kerajaan juga memandang serius kejadian berkenaan yang mana Jemaah Menteri turut menzahirkan rasa simpati ke atas kejadian malang yang menimpa adik Aminulrasyid Amzah itu.

Oleh kerana perkara ini tidak perlu disegerakan, maka menurut Peraturan Mesyuarat 17(2), saya dengan ini menolak usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tersebut.



## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2009) 2010**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.48 pg.**

**Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah yang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus kedua tahun 2009 ini dibentangkan menurut perkara 100 dan perkara 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2009 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan kedua 2009 yang dibentangkan adalah berjumlah RM8,972.3 juta iaitu sebanyak RM2,498.57 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM6,473.8 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan.

#### **■ 1150**

Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,288.1 juta telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka. Tambahan perbelanjaan tanggungan - Bagi perbelanjaan tanggungan tambahan terbesar adalah sebanyak RM1,683.2 juta untuk Maksud T.14 – Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran bagi membiayai tambahan bayaran pencen kepada para pesara. Lain-lain tambahan perbelanjaan tanggungan adalah untuk Maksud T.13 – Perbelanjaan Kerana Hutang Negara sebanyak RM754.2 juta, Maksud T.12 – Perbendaharaan sebanyak RM60.6 juta dan Maksud T.9 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebanyak RM526,000.

Tambahan Perbelanjaan Bekalan Anggaran - Tambahan Perbelanjaan Bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM6,473.8 juta iaitu sebanyak RM1,572.3 juta adalah pindaan lebihan daripada Akaun Hasil Disatukan 2009 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindaan ini di caj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12. Maksud B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Sebanyak RM4,901.5 juta adalah bagi menampung tambahan perbelanjaan bekalan bagi kementerian-kementerian.

Tuan Yang di-Pertua sebahagian besar tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian iaitu sebanyak RM3,081,100,000 bagi menampung pertambahan bayaran emolumen. Kementerian yang terlibat adalah seperti berikut:

<b>Pertambahan Bayaran Emolumen Bagi Kementerian-Kementerian</b>	
<b>Kementerian</b>	<b>Bayaran Emolumen (RM/Juta)</b>
Kementerian Pelajaran	1,472.4
Kementerian Dalam Negeri	631.6
Kementerian Pertahanan	574.1
Kementerian Kesihatan	290.1
Kementerian Luar Negeri	33.5
Jabatan Perkhidmatan Awam	30.0
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	19.3
Kementerian Sumber Manusia	13.9
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	6.8
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	6.3
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	2.4
Suruhanjaya Pilihan Raya	0.6

Lain-lain tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian adalah seperti berikut.

Sebanyak RM449.8 juta untuk Maksud B.42 – Kementerian Kesihatan iaitu untuk membiayai bayaran bil utiliti, peningkatan yuran perkhidmatan sokongan hospital serta untuk penggantian linen yang rosak atau yang hilang dalam pelaksanaan perkhidmatan linen dan pendobian, membiayai pertambahan perbelanjaan bekalan ubat dan untuk lain-lain perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan

Sebanyak RM336.6 juta untuk Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu untuk membiayai bayaran bantuan khas kewangan tahun 2009 kepada penerima pencen, membiayai bayaran balik rawatan kepada pesara dan membiayai perbelanjaan kursus *Advance Management Development Programme* (AMDP) serta pelaksanaan Program *Cross Fertilization* tahun 2009.

Sebanyak RM318 juta untuk Maksud B.49 – Kementerian Pengajian Tinggi iaitu untuk membiayai bayaran bonus dan emolumen kakitangan IPTA dan *Malaysian Qualification Agency* (MQA) serta kos operasi IPTA dan membiayai pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan teras-teras utama dalam mencapai matlamat Universiti APEX bagi Universiti Sains Malaysia.

Sebanyak RM110 juta untuk Maksud B.12 – Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun iaitu untuk membiayai tabung modal pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi dan membiayai Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara.

Sebanyak RM103 juta untuk Maksud B.6 – Jabatan Perdana Menteri iaitu untuk membiayai pelaksanaan projek *Global Strategic Communication Campaign* bagi tahun 2009, bayaran kemajuan *project manage portal services*, kontrak perkhidmatan dan bekalan serta bil-bil utiliti bagi bangunan lama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Keperluan pengubahsuaian pejabat Mahkamah Persekutuan Malaysia, meningkatkan kualiti program-program terbitan JAKIM, membiayai peruntukan awal kepada pihak berkuasa Koridor Sabah dan membiayai keperluan Biro Tata Negara serta geran pelancaran Sekretariat Malaysia Prihatin. Sebanyak RM86.8 juta untuk Maksud B.60 – Kementerian Pertahanan bagi membiayai peningkatan perbelanjaan bahan api.

Sebanyak RM79.5 juta untuk Maksud B.47 – Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan iaitu untuk membiayai peralatan *mix stage* dan dana penerbitan filem kenegaraan, pelarasan peruntukan kementerian berikutan penyusunan semula kementerian, menampung kos cadangan ekskavasi, konservasi dan pembinaan semula Kota Melaka. Perbelanjaan penerbitan program-program tambahan, membiayai tabung ASWARA dan dana pelancaran ASWARA serta membiayai penganjuran dan penyertaan pelbagai program termasuk perolehan pentas bergerak.

Sebanyak RM75.6 juta untuk Maksud B.22 – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menampung pertambahan bayaran emolumen dan bayaran bantuan khas kewangan untuk kakitangan kontrak Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Sebanyak RM50.6 juta untuk Maksud B.28 – Kementerian Pengangkutan untuk membiayai bayaran subsidi dan insentif untuk perkhidmatan udara luar bandar, tambahan percetakan lesen kenderaan bermotor dan membiayai Kempen Keselamatan Jalan Raya sempena Hari Raya Aidilfitri tahun 2009.

Sebanyak RM37.9 juta untuk Maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri untuk membiayai perbelanjaan utiliti dan bahan api disebabkan pertambahan balai polis dan kereta peronda PDRM.

Sebanyak RM35.5 juta untuk Maksud B.13 – Kementerian Luar Negeri untuk membiayai pertambahan kos disebabkan inflasi kerugian kadar pertukaran mata wang asing, kenaikan kadar sewaan dan pembukaan pejabat perwakilan baru serta untuk membiayai bayaran ganjaran bagi penjawat awam yang bersara dan sumbangan kemanusiaan yang tidak dijangka.

Sebanyak RM26.3 juta untuk Maksud B.48 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membiayai kenaikan kadar skim bantuan segera Kerajaan Persekutuan, program pembangunan kawasan berisiko tinggi di negeri Johor, Program Latihan Perkhidmatan *Home Managers* dan penyediaan jaringan keselamatan sosial yang baru.

Sebanyak RM24.5 juta Maksud B.1 – Parlimen untuk membiayai kos menaik taraf sistem keselamatan Parlimen, pertambahan perbelanjaan bertugas di luar negara dan membiayai kos Sambutan Jubli Emas Parlimen sempena 50 Tahun penubuhannya.

Sebanyak RM20 juta untuk Maksud B.31 – Kementerian Pelancongan bagi membiayai penyertaan Malaysia di Ekspo Shanghai 2010.

Sebanyak RM19.4 juta untuk Maksud B.27 – Kementerian Kerja Raya bagi membiayai bayaran pampasan kepada syarikat konsesi lebuhraya kerana pengurangan kadar tol bas.

Selain daripada itu, tambahan peruntukan juga diperlukan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air iaitu sebanyak RM16.5 juta.

Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM16.4 juta, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak RM7.2 juta, Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM5.1 juta dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebanyak RM1.7 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah RM5,185.7 juta daripada tambahan ini adalah dipohon sebagai tambahan langsung. Manakala sebanyak RM1,288.1 juta adalah bagi *merecoup* semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6 Tahun 2010. Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2009 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2010 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4(a) Tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

#### ■ 1200

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah Mazlan]:** Yang Berhormat, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas cadangan menyokong. Masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Dipersilakan Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

#### 12.01 tgh.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pada setiap persidangan, sudah tentu Akta Perbekalan Tambahan ini akan dibentangkan. Kita minta kepada pihak kerajaan supaya dapat berbelanja dengan berhemah. Saya ingin menarik perhatian dengan beberapa perkara Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang kita lihat keselamatan negeri kita iaitu keselamatan negara kita yang mana tadi telah pun dibentangkan oleh satu usul. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, polis telah banyak menjalankan tugas dan tanggungjawab, polis juga banyak berkorban untuk negara.

Akan tetapi kadang kala kita manusia, sudah tentu banyak kelemahan-kelemahan yang berlaku. Namun begitu kita tidak boleh menuduh semua pasukan polis dan tidak boleh mencemarkan semua pasukan polis. Jadi saya minta kepada pihak-pihak tertentu khasnya rakan-rakan kita daripada pihak.

Saya tidak mahu menyebut pembangkang sebab kita di dalam Dewan Negara ini sebagai satu keluarga. Kepada pihak-pihak tertentu supaya jangan kita memperbesarkan isu-isu ini. Biarlah ada penyiasatan polis yang akan dilakukan, ada suruhanjaya hendak lakukan. Biarlah mereka selesaikan masalah ini, kalau kita lihat ada juga polis mati dilanggar, ada juga polis kena bunuh, ada juga polis kena tembak.

Jadi adakah kita sendiri sebagai pihak politik mengambil berat tentang polis ini? Kebajikan mereka? Oleh itu janganlah kerana isu sekecil-kecil ini - Kita juga simpati, pihak kerajaan juga bersimpati dengan keluarga yang mengalami kematian anak mereka.

Akan tetapi biarlah ada satu jawatankuasa penyiasat untuk menyiasat perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita lihat iaitu tentera telah pun dinaikkan gaji, polis juga telah mendapat kenaikan gaji. Kita lihat pasukan bomba juga memainkan peranan yang penting, kalau polis ada peranannya, tentera ada peranannya, bomba juga memainkan peranan yang penting. Jadi saya minta kepada Kementerian Kewangan, kita lihat ada kementerian tidak ada dalam ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga kita lihat ada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam supaya dapat meneliti.

Kita lihat pasukan bomba, kadang-kadang kebajikan mereka ini dipinggirkan. Ada pasukan bomba yang terpaksa bekerja 8 pagi hari ini sehingga 8 pagi esok, 24 jam. Baru ini kita dapat mengetahui bahawa pejabat ataupun bomba ini hendak dinaikkan taraf, dengan izin, *upgrade*. Apabila *upgrade* ini sepatutnya pangkat dinaikkan, ini ada juga pangkat daripada Sarjan diturunkan ke bawah. Jadi bayangkan bagaimana mereka ini hendak bekerja, kebajikan mereka, pangkat diturunkan, jadi saya berharap supaya kerajaan dapat mengambil pertimbangan dalam perkara ini.

Satu lagi saya minta daripada Kementerian Kewangan, banyak kontrak-kontrak telah diberikan kepada swasta, maka kita hendak swasta juga memainkan peranan seperti *double tracking* Gamuda. Gamuda telah mendapat berbilion ringgit daripada kontrak yang diberikan oleh kerajaan, tidak bolehkah kerajaan memberikan atau mengarahkan mereka ini supaya dapat membantu syarikat-syarikat ataupun kontraktor-kontraktor kecil ini seperti di Pulau Pinang.

Di kawasan saya Bukit Mertajam, Gamuda telah mendapat projek berbilion ringgit tetapi tidak ada seorang pun kontraktor Kelas 'F' yang diberikan peluang untuk menjalankan kerja, takkanlah tidak ada sampai hendak buat parit pun tiada orang Bukit Mertajam hendak buat? Tidak mungkinlah orang kita ini bodoh sampai macam itu. Semua dibawa daripada Kuala Lumpur, jadi saya berharaplah Kementerian Kewangan supaya dapat menyiasat perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi iaitu kita bercakap tentang perbelanjaan, jimatkan perbelanjaan. Yang Berhormat Perdana Menteri cuba menaikkan imej negara kita, Yang Berhormat Perdana Menteri cuba bercakap tentang ketelusan. Hari ini kita begitu sedih sekali dalam *Utusan Malaysia* Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai dengan Pos Malaysia, kerugian RM546 juta.

Kita tidak mahu perkara-perkara ini menjatuhkan imej Menteri kita dan kita tidak mahu juga sebagai CEO dalam Khazanah juga menjatuhkan imej mereka ini, kita tahu mereka menjalankan kerja dan tanggungjawab begitu baik sekali. Kalaulah perkara ini betul, saya berharap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, siasatlah perkara ini sedalam-dalamnya dan kita juga tidak mahu ada CEO-CEO yang tidak berpengalaman. Jika kita baca dalam akhbar hari ini kerana kawan, bukan merit pengalaman, bukan merit kebijaksanaan tetapi merit kawan yang dibawa untuk memegang CEO ini, saya tidak mahu menggunakan kroni Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya berharaplah, ini sebagai satu lagi perkara yang mengaibkan kerajaan, saya percaya perkara ini dapat disiasat dan diumumkan kepada orang ramai. Kalau betul katakan betul, kalau tidak betul kita perlu telus supaya perkara ini dapat diselesaikan. Kita lihat akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, gaji-gaji CEO ini kita bukan hendak cemburu, gaji-gaji CEO dalam GLC ini tinggi sekali... Kita melihat mereka ini, itu saya katakan tadi, mereka ini kebanyakan rakan-rakan mereka daripada dana harta dibawa masuk, kita lihat banyak syarikat-syarikat...

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, boleh saya memohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, ya silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat, terima kasih. Setahu kita Yang Berhormat, Pos Malaysia ini menikmati apa yang kita sedia sebut dalam istilah ekonomi, monopoli ertinya tidak persaingan. Lazimnya jarang kita dengar syarikat ataupun agensi yang berniaga, yang menikmati kedudukan monopoli rugi, Jadi bagaimana kalau keadaan ini boleh berlaku, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Yang Berhormat, kalau saya hendak menjawab soalan ini, saya kena siasat dahululah, saya kena jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perlu jadi Menteriilah.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Perlu jadi Menteri dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat teruskan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas jawapan tadi. Jadi saya berharaplah supaya..., ini kerana saya setuju dengan Yang Berhormat tadi. POS, setem kita bayar, semua kita bayar *cash*, tidak ada hutang pun, tetapi kenapa syarikat ini boleh rugi RM546 juta? Siapa yang bertanggungjawab? Inilah yang patut kita siasat terperinci.

Saya percaya Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya kata tadi gaji-gaji CEO syarikat GLC ini, setahun tidak silap saya iaitu ada yang dapat lebih daripada RM1 juta. Jadi kalau gaji dibayar begitu tinggi, syarikat rugi alangkah kecewanya kita rakyat. Sebab itu tiap-tiap kali, kita tidak mahu dalam Dewan Negara, kita ini tambah duit. Maknanya bajet tidak cukup kita kena luluskan bajet tambahan, jadi yang mendapat nikmat siapa? Ini orang-orang yang merosakkan GLC, merosakkan syarikat-syarikat kerajaan, jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, kepada Timbalan Menteri sebagai Timbalan Menteri Kewangan berpengalaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat ada...

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Sila-sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan orang baru Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia terhadap laporan akbar yang sama, yang bagi saya merupakan satu kenyataan yang serius kerana membabitkan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Di dalam laporan akhbar tersebut menyebut tentang peruntukan kontrak sebanyak RM900 juta, hampir RM1 bilion yang diberikan kepada sebuah Syarikat E-Efficient Solution tanpa tender, secara *direct negotiation*. Jadi bagi saya ia seharusnya dibawa kepada perhatian Dewan, mohon kepada penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dan juga penjelasan...

## ■ 1210

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekarang ini Dato' Musa masih lagi berucap, jadi minta penjelasan boleh. Lepas itu Yang Berhormat boleh bangun untuk membahaskan, so sekarang ini untuk penjelasan apa yang diminta itu, kita ringkaskan dulu.

**Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor:** Ya, cuma saya hendak rujuk tentang hal tersebut dan merujuk kepada perkara yang sama yang disebut oleh Dato' Musa tadi yang membabitkan persoalan LHDN, pemberian kontrak kepada sebuah syarikat sdn. bhd. sebanyak RM900 juta dan membabitkan suatu soalan yang kritikal sebab mengapa tidak membabitkan GLC. Kalau kontrak ini hendak diberikan, mengapa tidak dibabitkan GLC? Mengapa dibabitkan sebuah syarikat sdn. bhd. secara runding terus RM900 juta membabitkan sebuah badan iaitu LHDN yang kritikal dari sudut keselamatan negara? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat Senator Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya setuju Yang Berhormat supaya perkara ini juga dapat disiasat dan kalau tidak di dalam akhbar ini mempunyai hubungan dengan pengendalian iaitu berita *MalaysiaToday* iaitu Raja Petra. Jadi saya minta perkara ini disiasat. Saya tidak mahu syarikat ini mendapat ganjaran bantu pengkhianat negara. Jadi saya percaya Kementerian Kewangan dapat menyiasat perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja terima kasih, pohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak sama-sama membahaskan usul dalam tajuk ini.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** *[Bangun]*

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang kita dalam sesi perbahasan. So, dipersilakan seorang..., boleh kita benarkan beberapa orang, lepas itu saya berikan kepada lain-lain.

12.11 tgh.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, isu berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2010. Saya ingin membawa beberapa isu di sini, yang pertama adalah isu PERMATA Negara. Dari tempoh ia dilancarkan iaitu pada tahun 2007, sebanyak 457 Pusat Anak PERMATA Negara telah ditubuhkan dan dijangkakan penghujung tahun ini akan bertambah kepada 690 pusat PERMATA akan dibina yang melibatkan anggaran seramai 26,885 anak bangsa akan terlibat.

Kesungguhan melaksanakan Program PERMATA Negara ini oleh pencetusnya idea tersebut, adalah Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor untuk membentuk kanak-kanak berusia bawah daripada lima tahun menjadi pintar, matang emosinya dan bijak berkomunikasi harus diberikan kepujian. Tidak keterlaluan juga jika dikatakan negara amat beruntung mempunyai seorang isteri Perdana Menteri yang bijak meletakkan sesuatu tepat pada masanya. Justeru itu penubuhan PERMATA Negara wajar dipercepatkan perkembangannya ke seluruh negara.

Namun begitu, beberapa persoalan yang saya ingin utarakan iaitu mohon penjelasan sehingga sekarang, bagaimanakah respons atau penglibatan pihak ibu bapa, adakah tempoh empat jam sebulan mencukupi bagi program ini dan dari aspek tenaga pendidiknya sehingga sekarang berapa ramaikah jumlah tenaga pendidik yang telah berjaya mendapat diploma, dan terakhir, adakah sasaran kerajaan untuk mengiktiraf Kemas iaitu menggunakan Program PERMATA di seluruh negara?

Di bawah seksyen 42(a), Rang Undang-undang Pengangkutan Awam Darat 2010 iaitu, "*Bahawa kenderaan pelancongan itu diselenggarakan dalam keadaan yang baik dan boleh guna sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.*" Persoalannya, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan pusat-pusat servis, penyelenggaraan khusus bagi bas-bas pelancongan yang efisien di negara ini dan mewujudkan peruntukan undang-undang supaya pusat servis yang disarankan oleh kerajaan sahaja boleh menjalankan servis penyelenggaraan ini.

Kedua, apakah perancangan pemantauan oleh kerajaan bagi memastikan pusat servis yang dilantik efisien dan tidak membebankan pemilik atau pengusaha bas pelancongan dari segi kos penyelenggaraan?

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan rang undang-undang juga saya ingin menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri isu produk dan Sijil Halal. Mencari yang halal adalah fardu atau kewajipan bagi umat Islam. Saya percaya kesedaran mencari produk halal di kalangan umat Islam negara ini semakin tinggi. Namun yang meresahkan banyak makanan atau produk di pasaran mempunyai logo halal yang amat meragukan dari aspek kesahihannya. Sebagai contoh, baru-baru ini di sebuah pasar raya di Damansara terdapat mi segera bakuteh yang mempunyai logo halal, adakah ia sebenar-benarnya halal?

Seperti yang kita maklum, lebih 70% daripada produk makanan di pasaran adalah dihasilkan oleh masyarakat bukan Muslim dan banyak daripada produk-produk ini mempunyai logo halal yang belum tentu kesahihannya daripada JAKIM ataupun dengan kata pendek belum disahkan oleh JAKIM. Begitu juga pensijilan halal yang diperoleh oleh bidang perhotelan dan pengendali makanan seperti restoran-restoran dan sebagainya, bagaimana pihak JAKIM memastikan pelaksanaan mereka benar-benar halal. Bercakap mengenai produk halal ini sebenarnya masih banyak perkara yang perlu dilakukan. Justeru itu sekali lagi saya memohon agar kerajaan lebih bersungguh-sungguh membantu membangunkan industri halal di negara ini bagi memudahkan umat Islam mencari yang halal dengan melaksanakan beberapa perkara yang tersebut di bawah ini:

- (i) mengadakan satu peruntukan dana yang besar bagi membangunkan industri halal negara;
- (ii) mempercepatkan pembangunan dan penguatkuasaan Akta Produk Halal ini;
- (iii) kementerian perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam membuat penyebaran maklumat halal dengan mendidik pengguna mengetahui antara punca-punca sesuatu produk itu halal ataupun tidak seperti penggunaan Kod 'E', apakah Kod 'E' yang sebenarnya? Yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam Islam dalam kandungan sesuatu makanan;



- (iv) saya juga mengucapkan tahniah kepada JAKIM kerana berjaya melaksanakan kempen '1Halal, 1Malaysia'. Namun mohon diperluaskan jika boleh digunakan media masa dan juga media elektronik bagi program-program rakyat yang lain seperti program Jom Heboh sebagai media penyebaran;
- (v) mewujudkan insentif-insentif tertentu kepada mana-mana pihak yang membangunkan produk halal dan memperbanyakkan pasar raya halal. Saya juga mencadangkan agar JAKIM mempromosikan logo halal JAKIM melalui media massa agar kita lebih mengenali logo halal yang sebenarnya yang dikeluarkan oleh JAKIM dengan yang diciplakkan; dan
- (vi) saya mencadangkan kerajaan boleh menyarankan agar pasar raya besar yang ada boleh mewujudkan *scanner* seperti *scanner* harga barang yang boleh membantu pengguna-pengguna Islam menentukan status halal sesuatu barangan yang ingin dibeli.

Tuan Yang di-Pertua Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Antara fokus utama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan adalah menyebarkan maklumat mengenai falsafah, dasar, dan program nasional secara berkesan bagi melahirkan masyarakat berilmu, bermaklumat dan berbudaya luhur ke arah 1Malaysia.

Persoalannya mengapa rakyat kita masih banyak yang tidak menerima maklumat secara tepat terutamanya di kawasan luar bandar. Banyak perancangan kerajaan, *on paper* yang berkualiti amat penting bagi pembangunan negara tidak dapat difahami oleh rakyat kesan daripada kekurangan penerangan dan penghebahan yang menyeluruh ke akar umbi. Sebagai contoh kerajaan terpaksa menangguhkan pelaksanaan GST kerana memberi masa kepada rakyat untuk memahami apakah itu GST.

Padahal pelaksanaan GST telah pun diuar-uarkan semenjak pada tahun 2004. Bagaimana rakyat hendak faham kalau maklumat tentang GST seperti apa itu GST, pengiraan GST, kepentingan GST, kesan pelaksanaan kepada rakyat dan negara tidak sampai kepada rakyat di akar umbi. Mungkin ada tetapi tidak menyeluruh. Justeru itu saya pohon usaha bersungguh-sungguh perlulah dilakukan oleh kementerian supaya rakyat dari akar umbi menerima maklumat yang tepat dan tidak menjadi mangsa kepada diayah pembangkang yang sering kali ingin memutarbelitkan fakta bagi menggagalkan usaha kerajaan.

#### ■ 1220

Isu Bank Data DNA, saya difahamkan antara sebab Bank Data DNA masih belum dibentuk adalah kerana masalah kos yang tinggi iaitu anggaran RM500 ribu seorang. Pada saya, kos yang tinggi bukanlah alasan kalau keperluan dan kepentingan Bank Data DNA ini banyak boleh membantu dan meningkatkan kecekapan dan teknologi sistem keselamatan negara. Ia perlu diadakan dengan kadar segera melihat kepada peningkatan kadar jenayah dan jenis jenayah semakin menakutkan dan berlaku pula dengan cara yang tidak pernah dibayangkan.

Kewujudan Bank Data DNA ini amat diperlukan, dilakukan segera dan ianya boleh dilakukan secara berperingkat-peringkat. Memetik kata-kata seorang pakar perunding DNA dari PDRM, penubuhan Bank Data DNA di negara ini bukanlah sesuatu yang mustahil kerana negara mempunyai kepakaran dan kemudahan yang mencukupi bagi merealisasikannya.

Malah USM sudah lama menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan R&D dalam merekodkan data DNA membabitkan beberapa bidang kajian yang berkaitan seperti penentuan anak kandung dan sebagainya. Kepakaran ini boleh diperkembangkan pada bila-bila masa dalam membantu pihak berkuasa membangunkan pangkalan data DNA untuk tujuan menyelesaikan kes-kes jenayah. Justeru itu, penubuhan di negara ini dilihat tidak wajar dilengahkan. Dengan kata-kata demikian saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana ada seorang lagi, silakan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan.

**12.22 tgh.**

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya dan mengizinkan saya untuk terus mengambil serta dalam perbincangan tambahan peruntukan perbelanjaan ini. Oleh kerana tidak ada orang yang banyak hendak bercakap, maka saya bangunlah sekejap.

Kebiasaannya perkara ini akan dibawa kepada Dewan Negara tiap-tiap kali pertambahan untuk perbelanjaan hendak diadakan. Umumnya pada bulan November atau pun bulan Oktober. Semasa pembentangan belanjawan/bajet. Kebiasaannya bajet ini apabila sampai ke tahap pertengahan tahun ataupun akhir tahun sudah tentu tidak mencukupi ataupun lari daripada anggaran-anggaran yang telah dilaksanakan ataupun dirancangkan.

Pertama sekali saya hendak sentuh ialah berkait sama dengan Kementerian Pengangkutan iaitu di mana sekarang ini kalau kita lihat dalam akhbar kalau tidak silap saya hari ini berlaku satu perbincangan tentang *Port Klang Authority* (PKA), dengan izin, yang mana telah merugikan kerajaan ribuan juta ringgit, yang telah menghakiskan keyakinan kadang-kadang kala di peringkat masyarakat umum. Kenapa sebuah syarikat yang begitu besar boleh merugikan duit rakyat dengan begitu banyak?

Jadi saya mengharapkan supaya pembubaran dengan lebih telus oleh pihak kerajaan di dalam PKA ini akan memberikan keyakinan yang lebih mendalam lagi kepada rakyat agar kita benar-benar mengetahui di mana silapnya, di mana wang ini hilang, takkan wang ini hilang, lenyap begitu sahaja? Dari segi aliran kewangan mesti ada *the money trail* dengan izin, untuk duit ini pergi ke mana-mana sahaja dan masuk di mana, poket siapa?

Perkara kedua yang telah dibangkitkan semalam dalam penggulungan oleh Kementerian Pengangkutan yang mana saya telah membangkitkan bahawa pejabat Keretapi Tanah Melayu yang hendak didirikan oleh sebuah syarikat. Katakanlah di sini iaitu YTL yang telah mencadangkan supaya bangunan ini dijadikan *five star, or six star* hotel, dengan izin. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa ini adalah berita kosong ataupun berita karut, cerita-cerita yang tidak. Akan tetapi ianya keluar di dalam beberapa akhbar. Bukan satu akhbar. Dua atau tiga akhbar yang mengeluarkan kenyataan-kenyataan seperti ini.

Saya rasa begitu bangga kalau ianya betul-betul menjadi satu perkara berita yang kosong tetapi, takut ianya akan menjadi satu kenyataan nanti apabila bangunan ini akan menjadi kepunyaan orang lain, kepunyaan individu yang mana warisan-warisan akan terus tergadai daripada bangunan yang dikatakan ini. Saya harap benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa ini adalah berita kosong dan tidak betul langsung. Memanglah sekarang ini tidak ada lagi hantaran ataupun tidak ada lagi cadangan kepada kementerian tetapi ura-ura sudah ada di dalam akhbar. Maka, kadang-kadang kala *rumors* itu dalam masyarakat Malaysia itu, *rumors* ini akan menjadi *the truth*. Itu yang saya khawatirkan.

Seterusnya saya ingin pergi juga kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kerja Raya dan sebagainya di dalam mengendalikan kerja-kerja. Sekarang ini kita lihat banyak kewangan ataupun tender-tender yang keluar dengan begitu banyak tetapi sekarang ini kurang. Kalau kita lihat dua tahun yang lepas banyak tender dikeluarkan sekarang ini agak kurang. Kenapa ia menjadi kekurangan?

Mungkin kekurangan dari segi projek dan sebagainya atau pada umumnya mendapat satu perasaan bahawa kita kerajaan tidak mencukupi kewangan, *funding* untuk mengendalikan projek-projek yang sedia ada.

Saya harap ini tidak betul, yang menakutkan kita ialah jumlah ataupun sesuatu projek itu adalah terlalu besar. Kalau saya lihat di Kuala Terengganu satu hospital yang sedang dibangunkan di hadapan pejabat saya di Kuala Terengganu beratusan juta ringgit hanya dua kontraktor sahaja. Kalau tidak silap saya lebih daripada RM500 juta kepada dua kontraktor.

Ini yang saya katakan supaya kerajaan lebih memandang kepada *fair*, bukan *affair*, keadilan taburan kekayaan. *Fair distribution of wealth* supaya apabila kalau tender ini diberi kepada RM500 juta kepada RM50 juta seorang, sepuluh orang kontraktor dalam keadaan yang susah sekarang ini boleh minta kerjasama. Kalau dirangkumkan sekali satu orang sahaja mendapat RM500 juta nilai kontrak. Projek pembangunan tetap dilaksanakan tetapi supaya ianya dipecah-pecahkan supaya ianya dapat dirasai oleh ramai orang.

Seterusnya saya ingin juga menyentuh kepada Kementerian Pelancongan. Semalam juga ada mengatakan bahawa sebuah syarikat, 100% anak syarikat Kementerian Pelancongan iaitu dinamakan PAMPENA yang telah digulung. Sebenarnya PAMPENA masih lagi belum digulung, belum *wind up* lagi. Mungkin dalam proses *winding up*. Apa yang menyedihkan, kesemua syarikat di bawah PAMPENA ini rugi dan telah menelan belanja pihak kerajaan saya rasa lebih daripada RM500 juta di seluruh negara, di seluruh dunia, di Chelsea yang saya tahu, di Dubai, di Shanghai dan sebagainya, di Langkawi. Semuanya mengalami kerugian-kerugian. Di manakah silapnya?

Kalau kita lihat bahawa pihak yang mengendalikan perniagaan ini mempunyai satu keistimewaan iaitu *partnemya* iaitu kerajaan dan telah memberi kewangan, modal dan segala-galanya dengan *first class* akan tetapi, masih lagi mengalami kerugian, di mana silap, kenapa orang individu yang lain yang tidak ada *joint venture* dengan kerajaan untung? Inilah saya harap ianya dapat diberi dengan lebih mendalam lagi. Seterusnya saya ingin pergi kepada...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Ya, sila,

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, boleh? Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya pun setuju dengan Yang Berhormat iaitu Datuk Haji Roslan tentang jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan.

■ 1230

Saya juga tanya soalan itu. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sudah pun ditutup. Setahu kami belum lagi ditutup Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya mintalah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau hendak jawab soalan jawablah dengan ikhlas. Tidak perlulah - Kadang-kadang dalam Dewan yang mulia ini kita beri fakta yang tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya minta sebelum datang menjawab soalan, buatlah *homework* dahulu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih. Saya serahkan kepada kementerian untuk menggulung dalam jawapan itu. Saya ingin menyentuh juga berkait sama dengan IWK. Satu ketika dahulu digembar-gemburkan IWK (*Indah Water Konsortium*) ini begitu besar sekali. Saya rasa berbilion ringgit pihak kerajaan telah menyalurkan duit ini daripada satu tangan ke satu tangan. Beri kepada satu orang – rugi, kerajaan ambil balik. Beri balik, kerajaan ambil balik dan sebagainya.

Saya hendak tahu banyak mana IWK ini rugi sebenar-benarnya? Adakah kerana pengurusan yang tidak betul? Ini kerana semasa perancangan begitu baik sekali kertas kerja yang telah diberi dan dicadangkan tetapi apabila pelaksanaannya, tidak memberi satu tahun pun yang menunjukkan keuntungan. Jadi saya harap pihak yang berkenaan boleh memberi jawapan dengan lebih tulus.

Saya ingin juga memohon kepada pihak kementerian yang berwajib tentang tambahan peruntukan kepada OKU. Saya percaya di bawah OKU ini yang sekarang ini dipelopori oleh Datin Seri Rosmah Mansor yang telah banyak memelopori sehingga ke Washington dan sebagainya telah membawa satu semangat bahawa orang-orang OKU ini mempunyai satu keistimewaan di dalam negara kita ini. Saya berharap di dalam kita membentuk tamadun orang-orang kita nanti, orang-orang OKU ini juga boleh diberi satu keistimewaan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam akhbar hari ini kalau kita lihat, ada satu cadangan yang begitu menyeronokkan yang saya katakan daripada sebuah syarikat yang namanya saya lupa sebab terbaca hanya pagi ini, untuk menawarkan dan mengambil kesemua *concession toll* yang memberi satu *guarantee* kepada kerajaan bahawa tol ini tidak akan dinaikkan lagi. Kerajaan akan dapat menjimatkan tidak kurang daripada RM114 bilion di masa yang akan datang. Inilah yang saya katakan digembar-gemburkan. Cadangan begitu elok, apabila pelaksanaannya nanti saya khuatir ianya akan menjadi satu gajah putih di mana kertas kerjanya elok tetapi apabila pelaksanaan kekayaan telah dihisap dan dirasai. Maka ianya akan menjadi satu bebanan kepada negara dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani saya lihat bahawa satu aspek baru sekarang ini, pertanian tidak lagi menyerupai seperti yang dahulunya kita menjuruskan di dalam hal-hal pertanian.

Sekarang ini pertanian telah pergi kepada satu industri yang begitu menguntungkan, satu industri yang boleh kita lihat ianya membawa satu keuntungan. Akan tetapi perkara ini tidak diberi dengan lebih menyerlah kepada khususnya peniaga-peniaga kecil, orang-orang yang ingin menceburi. Hanya kepada orang-orang yang mampu sahaja ianya boleh memberi satu pulangan yang baik. Kepada orang-orang yang baru hendak menyertai hal peniagaan pertanian ini masih lagi tidak dapat dilaksanakan oleh kerana modalnya agak besar.

Peringkat yang pertama dalam hal-hal pertanian ini, modalnya begitu besar dan amat diperlukan. Mungkin pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ataupun Bank Pertanian boleh melihat dan mengkaji dengan lebih mendalam oleh sebab..., sebagaimana yang dikatakan *precision farming* sekarang ini adalah satu benda yang agak unik yang begitu baik dan begitu ekonomi seperti yang telah diterangkan oleh kementerian.

Akhir sekali saya ingin mengatakan bahawa di manakah letaknya sekarang ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Program-program Rumah Mampu Milik? Banyak lagi rakyat kita ini masih tidak ada rumah untuk dimiliki. Apatah lagi di *Klang Valley* ini ataupun di Kuala Lumpur ini rumah semakin hari semakin meningkat. Kalau kita kejar untuk memiliki rumah kepada orang-orang yang sederhana, ibarat kita mengejar lanun ataupun mengejar *rainbow*. Sampai masa hari keluar, *rainbow* itu hilang...

**Datuk Akbar bin Ali:** [Bangun]

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Begitulah pengajaran kita kepada rakyat-rakyat kita ini, orang-orang pertengahan di mana untuk mengejar rumah mampu milik ini sehingga sekarang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh beri laluan?

**Datuk Akbar bin Ali:** Mohon laluan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Sekejap sahaja. Masih lagi menjadi satu kejaran yang sudah tentu tidak akan dapat dimiliki untuk memiliki Rumah Mampu Milik. Silakan Yang Berhormat Datuk Akbar.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Datuk Akbar bin Ali:** Berkenaan dengan *precision farming* tadi Yang Berhormat Datuk Roslan ya. Saya setuju kita buat ini tetapi kalau kita bandingkan negara kita dari segi pertanian khususnya padi, bandingkan dengan Korea Selatan, apa yang dikatakan *precision farming* ini kita sebenarnya kira-kira 25 tahun *behind time*. Akan tetapi *it is better late than never*. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Saya tidak ada apa-apa pandangan, hanya terbaca *precision farming* ini. Ianya begitu mahal oleh kerana memerlukan satelit. Ia memerlukan satelit untuk membuat satu teknikal *precision farming* ini. Saya serahlah kepada orang-orang yang lebih mahir di dalam hal ini. Ini kerana *precision farming* ini yang saya faham, kalau ada satelit jumlah baja yang hendak ditabur banyak mana, setakat mana dia boleh kaji mengikut keadaan, jumlah ini waktu mana dan sebagainya. Itu mikronya tidak perlu kita membincangkan.

Serahlah kepada orang yang layak, pegawai-pegawai kerajaan yang mahir dan layak. Akan tetapi dari segi makronya kita pembuat dasar mesti mengetahui dan mendorong pihak kerajaan untuk membelanjakan dengan lebih banyak lagi kepada industri pertanian agar kita mampu untuk mengeluarkan makanan-makanan kita sendiri.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sekarang ini saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof.

**12.37 tgh.**

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2010 untuk perbelanjaan 2009.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada pilihan untuk meluluskan rang undang-undang ini kerana kewangannya telah dibelanjakan. Akan tetapi saya amat berterima kasih dan bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir tadi yang mengiktiraf kami ini sebagai wakil kerajaan. Ini kerana di dalam Dewan Negara ini sebenarnya tidak ada pembangkang.

Saya selalu apabila sahabat-sahabat sebut pembangkang, sebab saya diberi mandat sebagai wakil kerajaan. 26 orang wakil kerajaan negeri, 46 orang wakil Kerajaan Pusat yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tugas utama kita semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ialah untuk meneliti *Bill-bill* yang dibawa dan diangkat daripada Dewan Rakyat. Jadi tidak ada pilihan yang kita semua harus bersatu untuk menjaga kepentingan rakyat Malaysia. Oleh sebab itu tadi saya dengan tidak segan silu dalam soalan lisan tadi apabila Kementerian Tenaga Manusia mewujudkan satu sistem *JobsMalaysia* yang begitu baik, saya memberi kepujian kepada kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengurusan ataupun sebagai sebuah kerajaan di dalam Dewan yang mulia ini semasa perbahasan bajet yang lalu, saya telah mengemukakan sepuluh perkara yang dipesan oleh Imam al-Ghazali Rahimahullah kepada kerajaan atau penguasa atau pemerintah yang melibatkan kita semua dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hinggalah Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri termasuklah kita Ahli-ahli Yang Berhormat.

■ 1240

Soalnya semua kita akan bercakap dari segi ketulusan tetapi yang menjadi masalahnya ialah pelaksanaan. Dalam rang undang-undang ini, dalam perbelanjaan yang telah dijalankan oleh kerajaan melalui kementeriannya banyakkah benda kalau kita hendak persoalkan.

Tadi Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir menyebut bahawa kita perlu belanja berhemah. Saya setuju yang amat sangat. Akan tetapi kalau kita tengok dalam tajuk B.31 mengenai Kementerian Pelancongan yang memerlukan perbelanjaan RM20 juta hanya kepada satu program membiayai penyertaan Malaysia di *Shanghai World Expo 2010*. Perbelanjaan tambahan RM20 juta ini adalah satu perbelanjaan yang tambahan, tidak termasuk perbelanjaan asalnya. Begitu juga dengan Kementerian Kesihatan - perbelanjaan tambahan sebanyak RM35 juta. Kita mahu perbelanjaan ini dibuat secara telus, sama ada dari segi pembahagian kontraknya dan penjimatan yang sampai peringkat maksimum yang kita boleh jimat kerana ini ialah wang rakyat.

Tadi semasa soal jawab, ada Menteri menyebut bahawa jalan raya - ini pun peruntukan JKR kita tengok banyak jalan raya yang perlu dibaiki, sama ada dari peringkat Kerajaan Persekutuan. Sedangkan kita mengutip cukai kepada rakyat. Rakyat kena bayar cukai jalan. Jalan Persekutuan atau jalan negeri atau mini tar, semua kena bayar cukai. Sudah tentu kewajipan kita semua untuk memberi kemudahan ini kepada rakyat. Begitu juga peruntukan keselamatan Parlimen yang perlu tambahan sebanyak RM23 juta.

Saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini semasa perbahasan yang lalu, dalam Dewan Negara tidak ada pembangkang. Ada peruntukan RM200,000 sepenggal. Apa salahnya diberi kepada kami. Bila pelajar-pelajar dapat masuk belajar ke IPTA atau IPTS, bersusun-susun datang rumah. Ada yang beri nombor akaun, telefon kenapa tidak masuk lagi - duit tidak masuk lagi. Saya kira kalau masuk semua bulan itu, dengan gaji, dengan elaun perjalanan habis semua. Apa salahnya beri Dewan yang mulia ini peruntukan yang seumpama itu diambil kira yang sejumlahnya hanya lapan orang untuk dipertimbangkan oleh kerajaan.

Kawan-kawan semua, kita hendak bekerjasama ini Yang Berhormat Dato' Musa. Sokong atau tidak Yang Berhormat Dato' Musa?

**Dato' Azian bin Osman:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dipersilakan.

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih. Soalan saya ringkas. Saya minta jawapan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat kata dalam Dewan tidak ada pembangkang. Mungkin saya bersetuju tetapi soalan saya hendak tanya Yang Berhormat dari parti mana?

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Tuan Yang di-Pertua, senang saya jawab. Saya bukan dilantik oleh parti tetapi dilantik, dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Kedah. Wakil Kerajaan Negeri Kedah. Bila sebut kerajaan, mewakili rakyat negeri Kedah. Oleh sebab itulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sekarang ini bukan Perdana Menteri UMNO dan Barisan Nasional. Perdana Menteri saya juga. Jadi, kedudukan saya macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Jadi berkenaan dengan keselamatan, berkenaan dengan pasukan polis. Saya telah terlibat secara langsung dengan pasukan polis apabila dua kali dengan ISA setelah saya bercakap banyak kali Dewan yang mulia ini. Akan tetapi, persoalan kita insiden yang berlaku kepada Allahyarham adik kita bukanlah soal kita tidak menghormati polis. Apa yang hendak kita bincangkan ialah sebab polis ada pistol. Di pinggangnya ada senjata api. Kalau silap bertindak, akan membawa maut kepada orang awam.

Jadi apa yang saya hendak sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini, sepatutnya pasukan polis terutama peronda-peronda, terutama yang ada di barisan hadapan, berhadapan dengan masyarakat. Terutama yang menghadapi suasana di negara kita ini yang jenayahnya semakin parah, yang penjenayahnya baru kita baca kerana RM4 pun sanggup meragut sehingga mencederakan orang ramai.

Pasukan polis ini mestilah diberi latihan yang mempunyai taraf profesional di peringkat yang maksimum. Ini kerana tindakan-tindakan polis ini kalau silap langkah menyebabkan kematian orang yang tidak bersalah.

Telah berlaku banyak kes termasuklah di Perlis yang mana pemuda mati di atas riba ibunya, ditembak oleh anggota polis. Kita tahu tekanan yang diterima oleh anggota polis terhadap apa yang berlaku dalam negara ini menyebabkan jiwa mereka juga menjadi kacau. Apa yang saya hendak tegaskan dan bangkitkan di sini ialah, supaya kerajaan memastikan bahawa anggota-anggota polis kita mestilah dilatih secukupnya supaya mereka benar-benar profesional. Ini supaya mereka bijak mengambil tindakan di mana apa yang berlaku sekarang meragukan kita.

Maklumat di antara polis dan maklumat daripada sahabat kanak-kanak yang meninggal ini dan maklumat daripada ahli keluarganya bertentangan. Ini boleh menimbulkan satu keresahan kepada orang ramai dan boleh menimbulkan suatu perasaan tidak percaya orang ramai kepada pasukan polis kita. Malah sebagai manusia, saya pernah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini polis juga harus diberi gaji, ditambah elaun, diberi kemudahan penginapan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya merayu kepada kerajaan supaya anggota polis kita ini bagi mereka yang berada di dalam rondaan dan sebagainya, diberikan latihan yang betul-betul berkemahiran supaya biarlah tindakan mereka itu menepati sasaran kepada penjenayah yang menjadi musuh kita semua. Untuk memberi laluan dan peluang kepada Ahli Yang Berhormat yang lain, saya rasa setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua penyertaan saya dalam perbahasan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setakat itu sahajalah. Kita ada 16 rang undang-undang yang perlu kita selesaikan. Oleh yang demikian, tadi ada Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin hendak bercakap. Okey, saya persilakan. Selepas itu agaknya kita minta Yang Berhormat Menteri bersedia untuk menjawab.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan, saya hendak kemukakan perkara-perkara yang *detail* berhubung dengan kewangan ini, bukan kenyataan-kenyataan umum.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita banyak lagi rang undang-undang. Saya rasa mohon kerjasamalah.

**Dr. Syed Husin Ali:** Sebab ada kesilapan dalam angka- angka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana itu?

**Dr. Syed Husin Ali:** Kesilapan dalam angka-angka, minta penjelasan

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi?

**Dr. Syed Husin Ali:** Tidak, daripada dokumen yang dibentangkan ini. Walaupun kecil tetapi saya rasa itu perlu disebut juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya persilakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin dahulu. Selepas itu nanti saya beri masa yang begitu singkat sahajalah.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.



**12.47 tgh.**

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya membahaskan Usul Perbelanjaan Tambahan 2009 yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi. Seperti mana yang kita semua sedia maklum, peruntukan ini disediakan untuk 23 jabatan dan kementerian berjumlah sebanyak RM6,473,804,960 dan ini dibahagikan kepada 23 jabatan dan kementerian. Saya tidak akan membahaskan semua jabatan dan kementerian, hanya mengambil kementerian yang saya terlibat iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Pada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan telah diberikan peruntukan Perkara B.47 diberikan peruntukan sebanyak RM81,979,300 kepada tujuh jabatan di bawahnya. Saya hanya ingin menyentuh perkara kedua iaitu sebanyak RM20 juta untuk membiayai peralatan *mix stage* dan dana penerbitan filem kewarganegaraan.

**■ 1250**

Jadi ini adalah merupakan yang penting kepada kita untuk membuat filem-filem kewarganegaraan, filem-filem sejarah yang membangunkan negara yang memberikan pengetahuan kepada generasi akan datang berhubung dengan sejarah negara kita, maka itulah peruntukan ini. Saya ingin mendapat penjelasan, berapakah peruntukan yang diberi kepada pembuat filem, memberikan dana kepada filem berbentuk sejarah ini ataupun kewarganegaraan dan berapa pula yang diberikan yang dibahagikan kepada dana yang saya sebutkan tadi iaitu *Mix Stage*. Ini kerana baru-baru ini saya telah membuat peruntukan memohon peruntukan ini telah dimaklumkan oleh kementerian bahawa tidak ada peruntukan. Jadi tidak ada peruntukan untuk membuat filem-filem yang berhubung dengan kewarganegaraan. Maka itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Kewangan daripada peruntukan yang disediakan ini, adakah ini telah dibelanjakan untuk yang lain, bukan untuk kepentingan yang disebutkan dalam senarai ini.

Jadi kerana itu kita ingin juga filem memainkan peranan yang amat penting. Selalu juga kita penonton pelbagai filem, bermacam-macam filem tetapi, filem kewarganegaraan adalah penting bagi kita memberikan pengetahuan kepada anak muda kita. Jadi mereka akan memahami tentang generasi yang akan datang memahami apa yang telah berlaku di negara kita ini. Maka itu filem-filem seperti filem yang pernah kita buat seperti Bukit Kepong umpamanya, perjuangan kita menentang penganas dan filem yang akan saya buat ialah filem Pasir Salak, menentang penjajahan dan di situlah bermulanya kita telah menentang penjajah dan akhirnya kita telah membunuh seorang penjajah yang datang iaitu JWW Birch.

Jadi cerita itu yang berhubung kait dengan sejarah perjuangan bangsa untuk menentang penjajah akhirnya kita menentang British dan akhirnya kita mencapai kemerdekaan. Jadi filem itu penting untuk generasi akan datang. Jadi selain dari itu saya juga ingin menyentuh sedikit perkara lain yang juga ada kaitan. Kita juga selalu menonton filem-filem yang berkaitan dengan pengedaran dadah. Jadi hari ini kita bukan hanya menonton filem, tetapi kita menonton benar-benar pengedaran dadah yang kita tengok.

Lambakan pekerja-pekerja asing yang bekerja di premis-premis strategik seperti di lapangan terbang, pelabuhan-pelabuhan, loji-loji dan premis-premis ini membimbangkan kita rakyat jelata semua kerana ditambah pula dengan berita hampir setiap hari warga Iran dan Afrika menyeludup dadah lokasi strategik ini benar-benar menggusarkan kita.

Oleh yang demikian, bolehkah Kementerian Dalam Negeri barangkali memberikan penjelasan terperinci berapakah bilangan pekerja asing di lokasi strategik seperti ini dan bagaimanakah kerajaan ingin mengambil langkah kawalan dan mencegah agar pekerja-pekerja asing ini tidak diberi pekerjaan di tempat-tempat strategik ini kerana mereka ini tidak tahu apa yang berlaku dan sepatutnya kawasan-kawasan strategik seperti ini mestilah diletakkan warga negara tempatan yang mempunyai pengetahuan dalam bidang-bidang ini.

Semenjak akhir-akhir ini banyak kes mengenai sindiket pengedaran dadah antarabangsa menjadikan Malaysia sebagai hab bagi pengedaran dadah. Kemunculan ramai pelancong dari negara Iran, Afrika Selatan menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi tumpuan untuk sindiket antarabangsa ini. Ramai juga di kalangan rakyat di negara kita ini terpedaya dan sindiket antarabangsa yang juga menjadi keldai pengedaran dadah.

Oleh itu kerajaan perlulah melakukan sesuatu agar imej negara kita tidak tercemar oleh sindiket menjadikan Malaysia sebagai hab pengedaran dadah yang kita semua tahu ramai anak-anak gadis kita telah diperalatkan oleh pengedar dadah membawa mereka ke luar negara, membawa dadah dan hari ini pun masih terdapat ramai di antara mereka berada di pusat tahanan di luar negara kerana mengedar dadah. Jadi ini adalah sesuatu yang harus kita lihat. Maka itu peruntukan-peruntukan yang kita berikan kepada Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, sebanyak RM669,551,700 mungkin boleh dipertingkatkan ini kerana ini adalah penting bagi kita, Kementerian Dalam Negeri mempunyai tugas yang amat penting bagi memelihara keadaan negara kita supaya aman, damai dan tidak ada orang yang melakukan kerja-kerja yang boleh memalukan negara ini. Maka itu, saya tidak akan membincangkan ini lagi lebih panjang kerana masa tidak mengizinkan. Saya dengan ini mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, kerana minta maaf kepada ahli Yang Berhormat sekalian, kerana kita terpaksa mengawal masa dan keadaan dengan rang undang-undang kita banyak. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya minta maaf Tuan Syed Husin Ali kerana sudah terpaksa saya sebutlah.

**12.56 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Barangkali sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih ingin membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan, selepas ini ada lagi satu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu lagi?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Satu Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2010. Jadi tidak semestinya kita habis di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yes, yes.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Saya rasa sesetengah isu itu adalah merentasi kedua-dua *bill* ini. Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak kementerian ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Dan yang masih belum mengambil bahagian telah pun menunjukkan minat yang begitu tinggi untuk mengambil bahagian. Saya akan cuba menjawab sebanyak mungkin persoalan yang telah ditimbulkan tetapi, yang mana yang lebih khusus kepada kementerian-kementerian tertentu, saya kira kementerian tersebut dan pegawai-pegawai yang ada di dalam dan di luar Dewan ini akan mengambil perhatian dan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Peringkat awalnya saya ingin menjuruskan kepada satu dua persoalan yang mungkin penting dan agak menarik minat ramai kerana ianya terkeluar dalam media pada hari ini iaitu mengenai kerugian Pos Malaysia dan juga tentang pemberian kontrak oleh LHDN yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi kerana mungkin ini merupakan perkara yang agak penting. Sudah kelihatan kerap dimuatkan dalam media dan mungkin satu penjelasan perlu dibuat.

Pertamanya mengenai kerugian pos. Kalau kita lihat terdapat kenyataan dalam akhbar hari ini bahawa Pos Malaysia telah mengalami kerugian sebanyak RM546 juta. Saya ingin menjelaskan bahawa jumlah yang disebut tidaklah betul, tidak tepat. Pada maklumat terakhir yang saya peroleh dari pihak Khazanah dan juga Pos Malaysia, jumlah kerugiannya sebenarnya sebanyak RM227 juta, bukannya RM546 juta.

Kerugiannya adalah disebabkan oleh kerugian dalam pelaburan Transmile Group Bhd sebuah syarikat yang dimiliki, yang telah dibeli syernya oleh Pos Malaysia dalam tahun 2004 sebanyak 20%. Pemegangan dalam Transmile Group Bhd dan Transmile Group Bhd ini mempunyai pesawat-pesawat yang digunakan oleh pos untuk membawa bungkusan dan juga mel laju dan sebagainya.

Oleh sebab itu, dilihat pada masa itu, ada sinerginya untuk pos mengambil pelaburan dalam Transmile Group Bhd sebanyak 20%. Akan tetapi apabila pos memasuki atau membuat pelaburan tersebut dalam tahun 2004...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana masa tepat pukul 1.00, saya minta Yang Berhormat terus sambung setelah kita mulakan jam 2.30 petang dan juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat semua, kalau lihat kita punya rang undang-undang itu, kita ada satu lagi Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2010. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas boleh buat selepas ini. Maka itu setakat ini saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

***[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mempersilakan Kementerian Kewangan untuk sambung menjawab.

**2.33 ptg.**

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung jawapan saya pertamanya tadi saya ada menyebut bahawa kerugian yang dikatakan telah dialami oleh Pos Malaysia sebanyak RM546 juta sebenarnya tidak tepat. Ia merupakan penyusutan nilai sebanyak RM227 juta.

Penyusutan nilai akibat pemegangan saham Transmile yang mana harganya telah jatuh dan penyusutan nilai ini sudah pun telah dibuat *provision* dalam akaun Pos Malaysia sebanyak RM227 juta ini yang menyebabkan pada tahun 2007, kerugian Pos Malaysia adalah sebanyak RM33 juta setelah mengambil kira *provision* yang dibuat. Pada tahun 2008, kerugian Pos Malaysia ialah sebanyak RM35.8 juta tetapi pada tahun 2009, sudah kembali untung sebanyak RM75.4 juta.

Bermakna setelah mengambil kira *provision* untuk tahun 2007, 2008 maka Pos Malaysia sekarang sebenarnya telah kembali untung dan dijangka barangkali untung tahun 2010 juga semakin tinggi. Ini kerana penyusunan semula yang telah dibuat seperti mana harga tarif setem sudah pun dinaikkan daripada 30 sen kepada 60 sen dan ini akan memberi hasil yang lebih baik pada Pos Malaysia. Apa masalah Transmile ini kerugiannya disebabkan oleh *fraud*, penipuan yang begitu besar yang menyebabkan pemalsuan akaun sejumlah RM622 juta yang tidak ada tetapi sengaja diada-adakan hasil dan keuntungan. Ini telah dijumpai dan tindakan mahkamah sedang diambil ke atas CEO dan juga CFO (*Chief Financial Officer*) telah dihadapkan ke mahkamah dan sedang dalam perbicaraan. Mengenai LHDN yang disebut RM900 juta yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir itu. Sebenarnya jumlah kontrak yang diberikan kepada syarikat ialah sebanyak RM585 juta.

Ini juga telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Mohamad Ezam bin Mohd. Nor. Ini kontrak yang diberi seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Ezam bahawa ini telah diberi secara *direct nego* pada tahun 2005, dan akan berakhir pada tahun 2010. Ini kontrak untuk projek *imaging* dan *scanning*. Ini fail-fail cukai ini borang-borang cukai ini, semua telah dimuatkan dalam sistem komputer. Jadi semua borang-borang ini, fail-fail ini telah dibuat melalui *imaging* dan *scanning*. Maka inilah projeknya yang sebenarnya RM585 juta, bukannya RM900 juta seperti mana yang dilaporkan dalam akhbar.

Saya mahu teruskan kepada isu-isu lain yang telah ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat lain...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta laluan.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Yang Berhormat tadi iaitu mengatakan bahawa pelabur *investment* yang dibuat oleh syarikat itu mengalami kerugian. Jadi inilah yang saya, dalam ucapan saya tadi, CEO-CEO yang dilantik itu biarlah CEO yang berpengalaman, yang bijaksana. Bukan CEO-CEO yang dilantik ini sebagai kawan kita, sahabat kita. Kita lihat ramai daripada CEO yang ada dalam syarikat GLC ini terdiri daripada yang ada harta. Saya hendak bagi tahu Yang Berhormat satu, iaitu seorang CEO yang memegang jawatan Presiden iaitu Presiden-CEO FELDA Global, boleh juga jadi Pengerusi Bank Islam. Dalam Malaysia tidak ada orang, tidak ada rakyatkah yang bijak, yang boleh jadi sampai seorang itu dia buat CEO, daripada anak syarikat FELDA, dia juga Pengerusi Bank Islam.

Jadi inilah saya minta Yang Berhormat daripada Kementerian Kewangan sendirilah supaya *restructure* balik. Kita bukan hendak cemburu. Kita tidak dapat, tidak apa tetapi, kita hendak CEO yang ada ini betul-betul berpengalaman, yang boleh menjalankan perniagaan. Bukan kita tengok rugi. Yang Berhormat kata rugi RM200 juta, RM300 juta tetapi mungkin lebih.

Yang Berhormat kata sekarang Pos Malaysia sudah pun boleh mengalami keuntungan tetapi keuntungan dari segi mana? Mungkin jual aset macam MAS jugalah, jual aset, jual itu, buang pekerja, untunlah tetapi, sekarang MAS rugi. Begitu juga dengan Pos Malaysia. Hari ini kita kata untung sebab apa? Jual aset dia, naikkan harga setem. Saya pun boleh meniaga macam itu. Suruh Dato' Rashid, boleh meniaga macam itu. Ambil syarikat, jual aset, semua naik. Harga naik, setem naik, apa harga, untung. Ini meniaga apa? Ini duit rakyat, jagalah! Tolonglah! Kita sudah bercakap dalam Dewan Negara ini. Saya sudah tahun yang keenam sudah. Hendak pencen sudah Tuan Yang di-Pertua, hendak pencen tidak lama tetapi, tolonglah!

Ini negara kita, sayanglah! Kalau orang tegur kita, kita marah. Kalau ada orang lain kata kita menyalahgunakan duit rakyat, kita marah tetapi, lihat apa yang berlaku pada hari ini? Tolonglah Yang Berhormat, saya minta. Seriuslah dalam perkara GLC ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah cadangan yang serius, yang semua kita sudah tentu mengambil pandangan ini. Contoh yang telah diberikan oleh Yang Berhormat, bagaimana seorang Presiden sebuah syarikat GLC boleh pula memegang jawatan-jawatan lain. Ini juga akan saya bawa kembali ke Kementerian Kewangan untuk dikaji. Sama ada ini adalah sesuai ataupun perubahan perlu dibuat pada masa-masa akan datang.

Yang Berhormat Senator Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed ada menimbulkan pertamanya, apakah respons ibu bapa terhadap Program PERMATA Negara yang mengambil masa empat jam sebulan, dan adakah tempoh ini mencukupi?

■ 1440

Tempoh yang ditetapkan adalah mencukupi selaras dengan kurikulum PERMATA yang juga merupakan kurikulum pengasuhan awal kanak-kanak. Penglibatan ibu bapa adalah diwajibkan dan pihak ibu bapa perlu tandatangani surat Akujanji yang meminta mereka melibatkan diri bersama anak-anak di pusat tersebut. Barangkali kalau terlalu panjang ibu bapa bersama anak-anak, susah juga ibu bapa untuk buat kerja-kerja lain. Berapa ramaiakah pendidik di PERMATA Negara yang mempunyai diploma? Seramai 49 perjawatan pendidik yang mempunyai kelulusan setaraf diploma telah ditempatkan di PERMATA Negara.

Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengiktiraf KEMAS melalui pendekatan PERMATA? Tahun 2009, PERMATA telah menyalurkan sejumlah RM77 juta kepada KEMAS untuk memperluaskan Program PERMATA di KEMAS meliputi latihan mempertingkatkan prasarana, peralatan dan guru-guru. Tahun 2010, yang telah disalurkan kepada KEMAS untuk memperkasakan Program PERMATA di KEMAS.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin ada menimbulkan peruntukan sebanyak RM20 juta, sebanyak manakah yang diagihkan untuk *Mix Stage*, *Studio Digital Mix Stage* dan sebanyak mana pula yang diperuntukkan untuk Dana Filem Kenegaraan. *Mix Stage* menerima RM15 juta, Dana Filem Kenegaraan RM5 juta. Sekarang ini permohonan untuk dana tersebut dalam proses di mana saya telah difahamkan, dua syarikat telah disenarai pendekkan untuk dipertimbangkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan Awang Chik ada menimbulkan beberapa isu meminta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau Bank Pertanian menyediakan peruntukan atau pinjaman kepada peniaga-peniaga atau pengusaha pertanian baru dan peniaga kecil yang berminat dalam *precision farming*. Pada masa ini kementerian atau Bank Pertanian, Agrobank tidak menyediakan pinjaman khusus bagi *precision farming*. Walau bagaimanapun, Jabatan Pertanian dan MARDI memang menyediakan khidmat nasihat dalam bidang berkaitan. Peniaga atau pengusaha pertanian baru dan perniagaan kecil, memohon pinjaman dan bantuan sedia ada melalui jabatan-jabatan serta agensi Agrobank di bawah Skim 3F, Skim Belia Tani dan lain-lain lagi. Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya disediakan peruntukan atau pinjaman untuk aktiviti *precision farming*, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil maklum cadangan tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Roslan juga menyentuh tentang cadangan pengambilalihan konsesi lebuhraya bertol oleh Syarikat Asas Serba Sdn. Bhd.. Kerajaan perlu mengkaji secara mendalam agar tidak timbul masalah di kemudian hari. Sebarang cadangan mengenai pengambilalihan lebuhraya perlu mengambil kira kepentingan semua pihak termasuk kerajaan, agensi am, syarikat konsesi dan pengguna lebuhraya. Ini masih terlalu awal. Mungkin ada cadangan tetapi tidak ada apa-apa pertimbangan serius pada masa ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Roslan juga meminta kesahihan mengenai cadangan bagi membangunkan bangunan KTMB sebagai *trade commercial center* sama ada benar atau tidak. Terdapat syarikat yang mengemukakan cadangan kepada Unit Kerjasama Awam/Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri tetapi ianya masih di peringkat kajian.

Berhubung dengan pertanyaan mengenai Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. yang dibangkitkan, saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa jumlah kerugian terkumpul IWK sehingga Mac 2010 adalah RM700 juta. Kerugian ini adalah disebabkan oleh penambahan loji-loji kecil yang tidak mematuhi piawaian hingga menyebabkan kos operasi yang tinggi, pemaksaan pengambilalihan loji baru yang tidak menguntungkan dan caj tarif rendah yang tidak mencukupi untuk membiayai kos operasi. Kerajaan sedar dan bersetuju bahawa caj perkhidmatan pembetulan air IWK yang dikenakan sekarang ini adalah tidak munasabah kerana terlalu rendah. Caj tersebut sebenarnya tidak mampu menampung kos operasi syarikat yang telah disyaratkan untuk memenuhi dan mematuhi standard-standard tertentu bagi pembersihan kumbahan. Berikutan itu kerajaan bukan sahaja telah membiayai keperluan modal kapital bagi prasarana pembetulan malah terpaksa juga menampung kekurangan *out tax* IWK.

Orang ramai di negara ini masih belum dapat menghargai kepentingan merawat kumbahan yang dihasilkan oleh mereka sendiri sebagai usaha untuk mengawal kesihatan dan juga memelihara alam sekitar. Sikap ini juga telah menyebabkan kebanyakan pengguna enggan menjelaskan bil-bil IWK, walaupun perkhidmatan telah diberikan melalui sistem pembetulan yang disambung di premis-premis. Jadi itulah sahaja jawapan saya. Terima kasih kepada semua. Kalau ada yang saya tidak jawab dengan secara langsung, barangkali di lain kali dan di lain ruang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2009, dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dipersetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2010) 2010**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**2.48 ptg**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, silakan.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, persekitaran ekonomi kini semakin pulih dengan ekonomi dunia melepasi kesan krisis kewangan global yang paling teruk sejak Perang Dunia Kedua. Pemulihan ekonomi di kebanyakan negara bermula pada separuh kedua 2009 disokong oleh kesan positif tindak balas dasar yang pantas dan bersepadu di seluruh dunia. Ini termasuk langkah suntikan fiskal langsung yang besar antara 1% hingga 12% daripada KDNK serta penyelarasan usaha Bank Pusat utama untuk meningkatkan kecairan pasaran kredit, untuk mengekalkan kadar faedah yang rendah bagi menggalakkan pelaburan serta penggunaan. Perkembangan turut digalakkan oleh keberkesanan pakej rangsangan serta kenaikan semula harga pasaran komoditi.

Sebagai sebuah negara ekonomi terbuka, Malaysia telah berjaya mencatatkan pertumbuhan di luar jangkaan sebanyak 4.5% dalam tempoh suku keempat 2009 berbanding pertumbuhan (-1.2%) dalam suku ketiga 2009. Ini disumbangkan sebahagiannya oleh pertumbuhan memberangsangkan sektor pembuatan, perkhidmatan, pembinaan dan pertanian. Di samping kesan positif pemulihan eksport, pertumbuhan KDNK yang menggalakkan ini juga disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri hasil daripada pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi yang berkesan. Secara keseluruhan ekonomi Malaysia hanya menguncup sebanyak 1.7% pada tahun 2009, jauh lebih baik berbanding jangkaan awal penguncupan 3% yang dibuat sebelum ini.

#### ■ 1450

Momentum pertumbuhan dijangka ketara dalam tahun 2010. Harga komoditi juga telah pulih dengan harga minyak sehingga 30 Mac 2010 mencatat USD83.76 se tong, minyak sawit RM2,659 se tan dan getah RM10.53 sekilogram. Keyakinan pelabur juga telah pulih dengan Bursa KLSE mencatatkan peningkatan 46.6 mata atau 3.7% kepada 1,319.35 mata pada 30 Mac berbanding 1,272.78 mata pada 31 Disember 2009.

Kedudukan terkini rizab antarabangsa negara ialah pada 15 Mac 2010, kekal kukuh sebanyak RM331.7 bilion atau USD96.8 bilion berbanding paras terendah pada tahun 2008 iaitu RM317.5 bilion atau USD91.5 bilion. Paras rizab terkini tersebut mampu menampung 9.2 bulan import tertangguh dan 4.3 kali lebih tinggi daripada hutang luar jangka pendek.

Dengan perkembangan ekonomi yang positif, adalah diunjurkan ekonomi Malaysia berkembang kukuh di antara 4.5% hingga 5.5% bagi tahun 2010. Berikutan persekitaran luaran yang bertambah baik dan prestasi ekonomi yang melebihi jangkaan pada suku keempat, kerajaan telah menyemak semula anggaran pertumbuhan pada tahun 2010. Dengan semakan semula ini, kerajaan telah mengenal pasti beberapa keutamaan baru dan permohonan tambahan daripada kementerian dan agensi yang kesemuanya berjumlah RM12.1 bilion.

Permohonan ini termasuk bagi perkara yang telah diberi keutamaan kepada negara seperti NKRA dan keperluan mendesak lain daripada kementerian. Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan masih lagi dijangka berada di bawah paras sasaran defisit 5.6%.

Tuan Yang di-Pertua, Peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2010 ini adalah dibentangkan menurut Perkara 100, dan 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2010 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Jumlah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2010 yang dibentangkan adalah sebanyak RM9,264.8 juta dan jumlah anggaran ini merupakan tambahan langsung. Jumlah ini merupakan tambahan bagi perbelanjaan bekalan yang antara lain bertujuan menampung program-program yang diputuskan sebagai program inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Area* (NKRA).

Perkara-perkara baru yang diputuskan oleh kerajaan dan tidak diperuntukkan dalam Bajet 2010 menampung kenaikan kos operasi institusi-institusi yang baru siap dan pertambahan perjawatan serta perkara-perkara yang merupakan bantuan dan subsidi kerajaan kepada rakyat.



Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya tambahan peruntukan bagi perbelanjaan bekalan adalah diperlukan untuk tujuan seperti berikut:

Sebanyak RM1,251.9 juta untuk Maksud B.26 – Kementerian Dalam Negeri bagi menampung perkhidmatan dan bekalan bagi agensi di bawah kementerian itu termasuk Polis Diraja Malaysia, penjara, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, imigresen dan pendaftaran negara, kenaikan gaji kakitangan PDRM dan program inisiatif di bawah NKRA *crime*.

Sebanyak RM972.6 juta untuk Maksud B.41 Kementerian Pelajaran diperlukan untuk melaksanakan pelbagai program pendidikan termasuk program inisiatif NKRA, pendidikan, skim bantuan tuisyen, perbelanjaan utiliti dan sewaan, bantuan makanan asrama, program di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris, perolehan perabot dan peralatan ICT serta pembelian buku teks.

Sebanyak RM883.8 juta untuk Maksud B.48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi membiayai pelaksanaan program inisiatif di bawah NKRA, *low income household* yang melibatkan golongan miskin dan kurang upaya, Program Pemulihan Dalam Komuniti, Perolehan ICT dan program-program yang melibatkan pembangunan kekeluargaan.

Sebanyak RM802.2 juta untuk Maksud B.11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan, bagi menampung kos pembayaran *medium term note* (MTN) bagi pembinaan projek Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (CIQ), bayaran subsidi bagi pengecualian pembayaran bil elektrik bulanan RM20 dan ke bawah kepada pengguna domestik sehingga Disember 2010 dan pelaksanaan Skim Persaraan 1Malaysia yang diuruskan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Sebanyak RM784.2 juta untuk Maksud B.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi pelaksanaan Skim Sistem Rawatan Air Pelbagai Sumber di seluruh perkampungan Orang Asli di Malaysia di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama, membiayai biasiswa dan pinjaman kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam dan luar negara serta menampung kekurangan peruntukan belanja operasi Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Sebanyak RM755.4 juta untuk Maksud B.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bagi membiayai bantuan kewangan bagi gula dan tepung gandum, kegunaan am supaya harga pasaran barangan tersebut tidak terus meningkat di samping mengurangkan beban rakyat, menampung program penandaan nano tag, diesel bersubsidi dan menampung program pengedaran barangan perlu petrol dan gas petroleum cecair (LPG) ke kawasan luar bandar dan pedalaman.

Sebanyak RM600 juta untuk Maksud B.60 Kementerian Pertahanan untuk menampung elaun pelbagai misi pengaman di luar negara, menampung kekurangan peruntukan bagi program-program di bawah Program Pertahanan Udara, Pertahanan Darat, Jabatan Latihan Khidmat Negara, Pertahanan Maritim dan pentadbiran pertahanan yang meliputi emolumen, perkhidmatan dan bekalan serta bayaran perubatan.

Sebanyak RM510 juta untuk Maksud B.42 Kementerian Kesihatan bagi membiayai kos tambahan penyediaan ubat-ubatan, menambah bilik ICU, bilik tekanan negatif dan *personnel protective equipment* di bawah Program Perubatan Am Anestesiologi, rawatan rapi, farmasi di hospital-hospital kerajaan, menampung keperluan tambahan emolumen pembelian ubat bagi kawalan penyakit kanser dan penyelidikan kanser serta membiayai kos tambahan penyediaan ubat-ubatan dalam menangani pandemik H1N1 di semua klinik kerajaan.

Sebanyak RM454.6 juta untuk Maksud B.23 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk bayaran tunggakan primer dan pampasan tanah bagi projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan oleh kementerian, jabatan kepada pihak-pihak berkuasa negeri, menampung kos operasi kerja-kerja ukuran hak milik tanah dan membiayai kos operasi aktiviti jabatan yang melibatkan pengurusan Paya Indah Wetlands, Taman Negara Pulau Pinang dan Pejabat PERHILITAN Wilayah Persekutuan.

Sebanyak RM400 juta untuk Maksud B.21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi menampung perbelanjaan di bawah Insentif Pengeluaran Padi tahun 2010, insentif kepada pengusaha pertanian dan bayaran-bayaran lain termasuk emolumen, utiliti dan sewaan serta penyelenggaraan.

Sebanyak RM400 juta untuk Maksud B.49 Kementerian Pengajian Tinggi bagi membiayai kekurangan emolumen yang melibatkan sepuluh buah universiti, menampung kos pembelian alat ganti di Pusat Perubatan Universiti Malaya dan peralatan klinikal baru bagi menggantikan yang sedia ada tetapi telah usang dan tidak *economical* untuk dibaiki di hospital Universiti Sains Malaysia dan membiayai pelaksanaan Program Pembudayaan Keusahawanan Pelajar di institusi pengajian tinggi dengan tujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran.

Sebanyak RM299.5 juta untuk Maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri bagi menampung kos program di bawah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), membiayai geran pengurusan pelancaran Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), menampung kos pelaksanaan program inisiatif di bawah NKRA 1Malaysia dan membiayai program-program di bawah Jabatan Perangkaan.

Sebanyak RM251 juta untuk Maksud B.27 Kementerian Kerja Raya bagi membiayai perbelanjaan penyelenggaraan jalan Persekutuan di Sabah, Sarawak dan Labuan, penyelenggaraan bangunan guna sama Persekutuan dan kuarters Persekutuan serta menampung kos penyelenggaraan jalan Persekutuan dan pembaikan cerun jalan di Semenanjung Malaysia.

Sebanyak RM193.7 juta untuk Maksud B.28 Kementerian Pengangkutan, sebagai geran kepada Dana Khas Senai *Airlines, Road Incentive and Support Enterprise*, dengan izin, yang bertujuan menjadikan Lapangan Terbang Sultan Ismail Senai Johor sebagai hab kargo udara, menampung bayaran subsidi dan insentif kepada MASwings untuk perkhidmatan udara luar bandar dan membiayai kos kontrak penyelenggaraan dan sewaan talian *fiber optic* dan sistem radar Jabatan Penerbangan Awam.

**■ 1500**

Sebanyak RM171.4 juta untuk Maksud B.10 Perbendaharaan bagi menampung perkhidmatan dan bekalan agensi bahagian di bawah Perbendaharaan termasuk sewaan dan utiliti, membiayai keperluan penstrukturan semula Kastam Diraja Malaysia, menampung kos penyelenggaraan perkhidmatan dan utiliti bangunan pejabat dan perumahan baru KDRM yang telah siap di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, membiayai perbelanjaan operasi Lembaga Hasil Dalam Negeri yang tidak mencukupi dan menampung pembelian harta modal termasuk aset, perabot dan kenderaan.

Sebanyak RM133.3 juta untuk Maksud B.7 Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membiayai kenaikan kadar sewa ruang pejabat, menampung peningkatan perbelanjaan tuntutan rawatan perubatan bagi pesara perkhidmatan awam, veteran Angkatan Tentera Malaysia dan pembayaran tunggakan khas kepada pesara dan penerima pencen tahun 2009, membiayai kenaikan emolumen berikutan penstrukturan semula JPA dan menampung pelaksanaan *Program Cross Fertilization*.

Sebanyak RM132.5 juta untuk Maksud B.12, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi menampung perbelanjaan Tabung Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah di Sabah dan keperluan Tabung Amanah Lembaga Peperiksaan dan sebanyak RM110.1 juta untuk Maksud B.13, Kementerian Luar Negeri bagi membiayai bekalan dan perkhidmatan seperti pembayaran gaji pegawai dan Penjawat Awam Tempatan kontrak dan perkhidmatan keselamatan di negara berisiko tinggi, sumbangan berkanun untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan bayaran lebih masa, menampung penganjuran Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), bantuan kemanusiaan kepada Kerajaan Haiti dan pembiayaan Program Seranta Diplomasi Awam dan Penerangan yang bertujuan membendung laporan-laporan negatif tentang Malaysia.

Selain daripada itu, tambahan peruntukan juga diperlukan oleh Kementerian Pelancongan iaitu sebanyak RM64 juta, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebanyak RM42 juta, Parlimen sebanyak RM23 juta dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebanyak RM15 juta manakala tambahan sebanyak RM14.6 juta adalah diperlukan untuk lain-lain kementerian. Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2010 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7, Tahun 2010 dan memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7A, Tahun 2010. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Datuk Akbar bin Ali.

**3.04 ptg.**

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan tentang perbincangan berkenaan dengan peruntukan tambahan bagi tahun 2010 ini. Pertama sekali saya hendak gunakan ruang yang agak sesuai berbanding yang sebelum ini ialah saya ingin melengkapkan pantun sahabat saya dari Melaka berkenaan dengan pelantikan Tuan Yang di-Pertua kita yang baru, memang itu semua kehendak Allah dan kita tidak dapat menahan kehendak Allah.

*Patah galah haluan perahu,  
Di Subuh hari menziarah makam,  
Kehendak Allah siapa yang tahu,  
Hanya jauhari mengenal manikam.*

Pada masa yang sama, kita harus atau wajar merakamkan setinggi penghargaan terhadap perkhidmatan yang telah diberikan oleh Yang di-Pertua yang lalu, iaitu Dato' Ir. Wong Foon Meng dan saya ingin rangkumkan dalam sebuah pantun ini.

*Tenang-tenang air di laut,  
Sampan kolek mudik ke tanjung,  
Hati terkenang mulut menyebut,  
Budi jasa memang hendak junjung.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Orang Melaka ya, memang pandai berpantun.

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih di atas penghargaan itu Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada empat rakan baru kita, saudara baru kita yang kita kata "Welcome Abroad". Kita yakin seperti mana yang dihasratkan oleh ucapan Yang Berhormat Tan Sri semalam, semua ini akan dapat menyumbang ke arah memartabatkan lagi, meningkatkan lagi maruah kita sesuai dengan Dewan yang mulia ini. Sehubungan dengan mempertingkatkan martabat itu, seperti mana dalam perjumpaan kita semalam, ini kata orang selatan, kata orang Utara kelmarin. Di mana Tuan Yang di-Pertua mahu mengajak kita semua bersama-sama mengangkat, melonjakkan lebih tinggi lagi Dewan ini. Maka kita sama-sama berusaha ke arah itu dan satu pihak itu ialah kita sendiri.

Ini telah diucapkan banyak kali dan diakui sendiri oleh Tan Sri bahawa kita sebagai ahli Dewan ini telah berjaya menunjukkan manifestasi keupayaan kita dalam berhujah dan sebagainya, yang mana sudah darjatnya, tahapnya meningkat jauh lebih tinggi daripada yang lalu. Saya rasa Dato' Musa antara orang yang senior tentu dapat melihat perubahan ini. Kita sama-sama gembira kerana kita sama-sama dapat menyumbang ke arah itu. Satu pihak lagi ialah pihak Menteri dan Timbalan Menteri, pihak Menteri dan Timbalan Menteri yang menjawab juga akan membantu meningkatkan lagi maruah dan martabat Dewan. Kita berterima kasih dan gembira bila kita dapat jawapan daripada Menteri dan Timbalan Menteri yang memang sesuai dengan soalan yang diutarakan dan juga pembentangan rang undang-undang. Contohnya apa ditunjukkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Awang Adek sendiri, kawan baik saya.

Kalau boleh saya mengakulah Dato', sebab Dato' orang besar, saya orang kecil hendak mengaku itu kadang-kadang malu juga. Namun demikian, kita juga sedar ada beberapa tokoh Menteri atau Timbalan Menteri yang kita harap dapat menjawab soalan-soalan kita sesuai dengan soalan yang dikemukakan. Saya dan rakan-rakan yang lain antara orang yang menerima hakikat bahawa tidak semua soalan boleh dijawab dengan fakta-fakta pada masa yang singkat.

Kita lebih gembira sekiranya Menteri atau Timbalan Menteri mengaku tidak ada fakta dan akan dijawab secara bertulis. Itu lebih baik daripada kata hari ini dalam *Strait Times*, daripada merapu. Ada satu artikel dalam *New Strait Times* hari ini. Kalau sudah janji hendak menjawab, jadilah macam Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon, jawablah, hantarlah jawapan itu. Jangan pula tidak menghantar. Jadi *phrase* yang mengatakan mana-mana yang tidak dijawab akan dijawab kemudian sudah jadi *cliché* sahaja dan ini tidak akan dapat membantu meningkatkan martabat Dewan ini.

Seterusnya saya ingin menarik kepada isu sekarang yang sedang hangat, iaitu berkaitan dengan kes Aminulrashid Hamzah. Memang dari segi media, kalau "anjing menggigit manusia", *it's not news*, dengan izin tetapi, kalau "manusia menggigit anjing", *it is news*. Jadi kita harap kes Aminulrashid ini janganlah dijadikan kes seperti, "manusia menggigit anjing". Manakala kes Sarjan Roslan Bachik yang mana saya tidak pasti berapa ramai yang tahu, dia pula menjadi kes "anjing menggigit manusia", *it's not news*.

Jadi saya haraplah kedua-dua pihak sama ada pihak polis *versus* Aminulrashid dan pihak Sarjan Roslan *versus* seorang penunggang motosikal yang melanggarnya mengikut berita hari ini. Kedua-dua pihak ini haruslah diberikan keadilan untuk diadili, didengari dan diadili.

#### ■ 1510

Kita sebagai orang awam, pihak media dan sebagainya tolonglah jangan membicarakannya melalui media dan berilah kesempatan kepada semua pihak untuk membuktikan kebenaran masing-masing. Apa yang dikatakan, '*victim innocent until proven guilty*', dengan izin. Jadi, di sini saya ingin merakamkan kesedihan, rasa terharu terhadap keluarga Amirulrashid yang mana beliau telah kehilangan anak yang disayangi. Pada masa yang sama, kita harus beri ruang kepada pihak polis untuk membuktikan kes yang sedang berlaku ini, mana pihak yang betul. Begitu juga kepada Sarjan Roslan Bachik, kita harap beliau akan pulih segera dan tidak hilang semangat untuk terus berkhidmat demi menjaga keselamatan kita juga dan kita harap pihak yang melanggarnya itu akan diadili seadil-adilnya.

Seterusnya saya ingin pergi kepada Peruntukan Tambahan yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Awang Adek Hussein. Ianya berjumlah RM12 bilion. Pada saya kalau dilihat secara makro, RM12 bilion campur dengan RM191.5 bilion yang diluluskan awal itu hanyalah baru berjumlah dari segi *percentage* nya, kenaikannya hanyalah 6% berbanding dengan RM215.7 bilion yang diluluskan pada tahun 2009 tetapi, apa yang uniknyanya pada kerajaan Malaysia ialah – Yang Berhormat Datuk Dr. Awang Adek Hussein ya, kita sebenarnya telah melakukan penarikan *stimulus package*, pakej rangsangan tetapi kita lakukan secara diam-diam, tidak heboh untuk mengelakkan masalah psikologi.

Sebenarnya pada tahun 2009, kerajaan telah meluluskan sebanyak lebih kurang RM287 bilion iaitu peruntukan asal RM215.7 bilion, kita campur dengan RM62 bilion tambahan dan kita campur lagi RM9 bilion baru kita luluskan tadi tambahan, berjumlah RM287 bilion berbanding peruntukan tahun 2010 sebanyak RM191.5 bilion campur RM12 bilion, lebih kurang RM204 bilion. Ini bermakna kita telah mengurangkan bajet kita kira-kira 30% kalau kita ambil dua angka tadi yang begitu besar.

Di sini saya lihat betapa *prudent*nya kerajaan dalam konteks menguruskan dasar fiskalnya. Kerajaan sedar bahawa kita tidak boleh bersama-sama negara-negara lain sekali gus menarik pakej rangsangan. Ini bermakna, semua negara akan bergantung kepada negara lain *in order to stimulate demand to increase export* dan ini tidak boleh dilakukan sekali gus semua pada satu masa yang sama kerana *it is an absurdity* dari segi ekonomi, dengan izin.

Jadi, apa yang dilakukan oleh kerajaan mengambil kira tadi bahawa ada tanda-tanda pemulihan tetapi pada masa yang sama kita harus *cautiously optimistic*, dengan izin. Ini ayat yang digunakan oleh Datuk *at one time* dahulu dan saya *quote* di situ. Ini adalah satu yang *prudent* saya katakan kerana ada juga kemungkinan-kemungkinan akan berlaku *double deep recession* atau *W-shape recession*, dengan izin, seperti mana yang dibimbangi oleh Perdana Menteri China sendiri.

Dengan demikian, penambahan sebanyak RM12 bilion ini adalah suatu yang untuk memastikan bahawa tidak berlakunya *double deep recession* itu. Pada saya, ia masih lagi munasabah mengambil kira dasar fiskal kita kerana *national debt* kita kalau tidak silap Yang Berhormat Datuk Dr. Awang Adek Hussein, hanyalah baru 34%. Jadi, 34% ini melihat sejarah yang lalu adalah agak rendah dan kalau kita bandingkan dengan *current situation* sekarang, dengan izin, kalau kita ambil negara-negara Eropah tertentu seperti Belgium, Itali, peratus *national debt* nya berbanding dengan GDP sekitar 180%. Di Jepun sekarang 200%. So, 34% dari segi ekonomi, bukanlah sesuatu yang boleh membawa kita kepada kebangkrapan. Ini disokong pula oleh *debt service ratio* kita hanyalah baru 6.5%. Kalaulah *benchmark rule of thumb* yang *prudent level* itu adalah 20%, maka 6.5% itu adalah suatu tahap yang jauh di bawah *threshold* yang kita tidak mahu lepiasi itu.

Namun demikian, kita tidak boleh berterusan dalam melaksanakan amalan defisit fiskal. Ini tidak *prudent* jangka panjang, Jadi, apa yang dibuat sekarang untuk memastikan *double deep recession* tidak berlaku, dalam masa yang sama mengambil kesempatan daripada potensi ekonomi akan berkembang. Ini bermakna cukai akan meningkat, maka kita bermodal sekarang, berjagung-jagung dahulu sementara padi masak adalah sesuatu yang baik. Itu adalah secara menyeluruh dari segi makro Tuan Yang di-Pertua.

Sekarang saya mahu pergi kepada beberapa kementerian secara individu. Pertama sekali, sama ada di bawah Jabatan Perdana Menteri atau pun Kementerian Luar Negeri, saya ingin menarik perhatian kepada isu yang sedang hangat diperkatakan iaitu Blok 'L' dan Blok 'M' di Brunei. Saya tidak mahu membuang masa dari segi sejarah, bila ia diputuskan di Kabinet, bila ia di *sign* LOE nya tetapi saya ingin menarik perhatian kenyataan Yang Amat Berbahagian Tun M.

Pertama sekali saya baca dalam blog nya, dua hari selepas itu baru keluar dalam surat khabar. Kenyataan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi, kenyataan Kerajaan Brunei dan kenyataan Kementerian Luar pada hari ini. Apa yang saya lihat, ia tidak ada keseragaman atau pun konsistensi dari segi fakta yang dilaporkan. Mungkin bukan salah mereka yang memberikan maklumat tetapi mungkin ada *truncating* dari segi maklumat yang dilaporkan dalam akhbar. Okey. Isunya ialah kalau kita mengikut pandangan Tun Dr. Mahathir Mohamad, seolah-olah kita kerugian Blok 'L' dan Blok 'M' ini dan kita juga tidak mendapat Limbang. Kalau kita mengikut pula pandangan Pak Lah, kita tidak rugi apa-apa terutama dari segi *commercial consideration*. Kalau kita mengikut pandangan Brunei, ia tidak akui bahawa Limbang itu sudah diselesaikan.

Jadi, kita nampak percanggahan. Kemudian, kalau kita ikut Kementerian Luar Negeri, segala urusan *delimitation of boundary* sudah selesai. Saya bacakan secara pendeknya, “..had established the final delimitation of territorial sea, continental shelf and Exclusive Economic Zone for both country”. Sudah selesai.

Namun pula, kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, “*Negotiation over the two blocks were ongoing*”. Jadi, ini adalah kenyataan yang agak *contradictory* dan sebagai rakyat, apa yang paling saya bimbang apabila membaca kenyataan-kenyataan ini, ia mengingatkan saya kepada sejarah Islam apabila pihak Sayidina Ali cuba berunding dengan pihak Muawiyah untuk mewujudkan keamanan tetapi, selepas perundingan itu, Sayidina Ali seperti mana yang kita tahu tertipu dek pihak Muawiyah. Kita haraplah kita tidak jadi pihak Sayidina Ali dan Brunei pula bukan jadi pihak Muawiyah. So, kita harap perkara ini akan dijelaskan di Dewan ini mengambil kesempatan Dewan sedang bersidang.

Seterusnya, saya ingin menarik kepada GTP. Ini mungkin *favorite* Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan Yang Berhormat Dato’ Sri Idris Jala. Apa pun kita luluskan ini, yang penting akhirnya ialah pelaksanaan. Dasar boleh dibuat tetapi yang menentukan akhirnya memberi faedah kepada rakyat dan negara ialah pelaksanaan, *delivery system*.

Di sinilah saya harap Tuan Yang di-Pertua, GTP segera digerakkan dan ia tidak perlu menunggu begitu lama. Kita harap masing-masing kementerian, jabatan daripada tiga peringkat iaitu Federal, negeri dan tempatan mestilah melaksanakan segera. Kalau tidak, apa yang kita luluskan ini tidak akan bergerak. Sebagai contoh sekarang, macam saya sebut hari itu sekurang-kurang di Melaka, projek PIA dan PIAS belum turun lagi dan sekarang sudah habis bulan April. Jadi, contohnya lagi saya katakan, ini bukan hanya khusus untuk Kementerian Luar Bandar yang saya sering cakap bagi kali ini.

#### ■ 1520

Saya berterima kasih dan ucap tahniah kepada Dato’ Haji Hasan bin Malek di mana kerajaan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah pun mengubah konsep *housing*, perumahannya yang mana dibina *core housing*, dan *core housing* ini pula, dengan izin, boleh dikembangkan mengikut kemampuan pendapatan pada masa yang akan datang. Ini satu konsep yang baik dilaksanakan yang kita harus ucapkan tahniah. Namun demikian, semua keputusan sekarang adalah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa untuk Ahli-ahli Yang Berhormat cuma diberi 15 minit sahaja tetapi tidak mengapa, saya beri lebih lima minit untuk Yang Berhormat.

**Datuk Akbar bin Ali:** Aduh!

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lima minit lagi, ya.

**Datuk Akbar bin Ali:** Lima minit lagi. Saya cubalah. Akan tetapi sebentar lagi saya minta lagi lah, ya. Yang Berhormat, ia masih diluluskan di bawah kerangka dasar sekarang iaitu semuanya diputuskan di Putrajaya.

Saya mohonlah dan saya rayu, tolonglah dilakukan proses *decentralization* di mana kuasa ini diturunkan ke negeri, jabatan, dan seterusnya ke daerah supaya ia boleh diputuskan *in-situ* dan maka cepatlah *delivery system* kerajaan. Kalau tidak, ia akan terus *on paper* dan kita cakap *empowerment* hanya *on paper*.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian berkenaan *high income country* yang kita mahu jadi ini. Saya memang sarankan dan saya sokong seperti mana yang pernah diucapkan oleh kawan-kawan yang sebelum ini ialah gaji wajar dinaikkan sama ada di swasta ataupun di dalam sektor awam. Saya berani katakan bahawa pegawai kerajaan sekarang memang wajar diberi kenaikan gaji kerana label produktiviti sudah meningkat. Contohnya bagi lima tahun dari tahun 1999 hingga 2003, sumbangan *labour* sebab dalam GDP ada tiga komponen, buruh, kapital, dan TFP sudah meningkat daripada 23% kepada 26% pada tahun 2004 hingga 2008. Maka wajarlah kenaikan itu kerana kenaikan itu dikaitkan dengan peningkatan produktiviti. Maka inflasi tidak harus berlaku kerana gaji itu didorong oleh produktiviti yang meningkat. Saya sokong dan tidak lupa gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri juga yang mana tidak ada berapa sen pun kalau beliau bekerja di luar, termasuk gaji Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya saya ingin pindah ke MITI lah. Saya haraplah agensi-agensi di bawah MECD yang dipindahkan ke MITI, saya rasa sekarang ia seperti ada berlaku *stagnation* dari segi pelaksanaannya. Mungkin kita perlu lihat, pegawai MITI yang melaksanakannya tidak sesuai *world view* nya dengan jawatan baru yang datang daripada MECD. Ataupun dikembalikan pegawai lama yang sudah ditukarkan supaya dikembalikan ke INSKEN dan agensi-agensi yang berkaitan. Ataupun berkemungkinan Tok Pa terlalu sibuk mengendalikan MITI yang begitu besar itu. Mungkin seksyen pembangunan perniagaan Majlis Pembangunan Usahawan dan yang lain-lain berkaitan dipindahkan ke kementerian lain, misalnya ke MARA supaya dia boleh memberikan perhatian yang lebih. Oleh yang demikian, Tok Pa tidak bimbanglah KPI nya terjejas.

Berhubung kementerian ini saya ingin tanya, wakil Pemudah biasanya dilantik dari Pengerusi FMM. Saya ingin tanya, mengapakah Pengerusi FMM sekarang tidak menjadi wakil sektor swasta dalam Pemudah? Bekas Pengerusi FMM masih lagi kekal di situ. Jadi kita ingin tahu kenapa tidak diganti?

Okey, tentang *green technology economy*, saya ingin tahu sejauh mana DOS (*Department of Statistic*) sudah pun bersedia ke arah untuk mengukur ekonomi berpandukan *green GDP*? Apakah persediaan yang sudah dibuat? Oleh sebab masanya cukup terhad, saya hendak tarik perhatian kepada perkara yang agak besar yang akan melanda negara kita kalau kita tidak mengambil *preventive action*. Ini saya hendak tarik perhatian kepada apa yang berlaku di Iceland pada 14 hari bulan lepas. Semua orang tahu gunung berapi itu letupannya telah menyebabkan 95,000 *flight* tergendala. Walaupun kita jauh dari sana tetapi kita menerima kesannya. Kerugian sebanyak RM400 juta sehari. Apa yang saya hendak katakan di sini khusus...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Akbar bin Ali:** Izinkan saya habiskan ini. Ini masalah hidup mati Tuan Yang di-Pertua juga, ya. Walaupun kita jauh dari sana, saya ingin tahu, apa Kerajaan Malaysia khususnya Kementerian Sumber Asli buat untuk jangka panjang? Saya ingin menarik perhatian kesannya. Pada tahun 1783, gunung berapi di Iceland sudah meletup. Tahun berikutnya pada tahun 1784, seluruh Eropah mengalami *winter* yang cukup buruk. Ia memberi kesan kepada ekonomi. Maka, ada kemungkinan letupan kali ini akan menimbulkan semula musim sejuk yang cukup teruk dan ini sudah tentu kalau lah salji di lapangan terbang bermeter-meter tingginya, ia akan ada kesan kepada *air traffic* dan MAS pun juga akan tergendala. Jadi ini semua ada kaitan.



Saya ingin menarik perhatian pada tahun 1991, gunung berapi Pinatubo di Filipina telah meletup dan ia telah menyebabkan kenaikan *min world temperature more than 0.5 degree Celsius*. Ia telah membesarkan lubang ozon di Antartika tetapi, itu semua jauh dari kita. Ia telah menyebabkan kemarau panjang di *Sahara Desert*, Afrika dan ia telah menyebabkan banjir besar di Mississippi. Apa yang saya hendak tarik perhatian di sini, kita adalah *on the ring of fire*. Sejauh mana letupan itu dan tsunami 2004 telah boleh menganjakkan kita semakin dekat kepada *ring of fire*?

Ini ada kesan kepada masa depan kita kerana contohnya – adakah kita bersedia bangunan Parlimen ini untuk menerima gegaran dan *pressure* hasil volkano itu? Bangunan kita tidak seperti di Jepun. Jadi ini kita perlu mengambil tindakan preventif supaya keburukan malapetaka ini tidak berlaku kepada kita kerana kita bukan sahaja ada bangunan yang tinggi, kita ada jalan dan monorel di atas dan semua ini adalah berbahaya kepada rakyat. Jadi kita perlu bersedia sekarang untuk mengambil tindakan-tindakan tertentu untuk mengatasi masalah ini.

Begitu juga saya ingin menarik perhatian oleh kerana masa cukup terhad, apa kita buat dengan *plastic container*? Botol ini adalah salah satu... [Menunjukkan sebiji botol] Kita perlu tahu *plastic container* ini ia *wasting air* dan *energy* untuk mengeluarkannya. Di Amerika sahaja ia memerlukan 17 bilion *barrel to produce this, equivalence* 100,000 kereta menggunakannya dan mengeluarkan 2.5 *million ton of carbon dioxide* yang mana ini antara lain boleh menyebabkan kanser atau barah dan seterusnya setiap *second*, 150,000 botol ini dibuang dalam *landfill*. Ini bermakna 30 juta botol dibuang satu hari. Ini semua merosakkan *environment* dan memberi keburukan kepada kita kerana antara lain ia ini tidak *bio degradable* dan boleh menyebabkan kanser dan sebagainya. Jadi, apakah tindakan Kementerian Kesihatan dan Kementerian MOSTI dalam menangani masalah ini selain daripada membicarakan HIV, AIDS, H1N1, BINI? Akan tetapi kalau bini satu tidak mengapa.

Jadi saya ada perkara lain yang hendak saya sebut tetapi keadaan tidak mengizinkan. Benarkan saya bercakap satu sahaja lagi berkenaan subsidi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Saya ingin tahu, apakah kajian yang telah dibuat oleh kementerian ini yang dilaporkan dalam akhbar bahawa pelaksanaan penstrukturan semula subsidi minyak dan gula di tangguhkan kerana kehendak rakyat, apakah *survey* itu telah dilaksanakan?

Kalau dilaksanakan, badan mana yang berwibawa melaksanakannya dan sejauh mana tepatnya? Ini kerana jangan momok kan rakyat. Apabila kita kata kerajaan pada bulan September tahun lalu hendak menstrukturkan semula subsidi yang pada tahun lepas sahaja bernilai RM24.5 bilion, tujuan ini cukup baik supaya kita tidak mahu melakukan *miss allocation of gas resources*, dengan izin.

#### ■ 1530

Apabila kita kata menstrukturkan semula ini, kita tidak kata rakyat miskin tidak dapat. Rakyat miskin terus dapat, yang tidak dapat ialah rakyat kaya, industri dan sebagainya. Jadi kalau contohnya subsidi gula bernilai RM1.3 bilion, kalau diberikan hanya kepada orang miskin, lingkungannya adalah sekitar RM60 juta. Subsidi tepung adalah RM1.8 bilion. Kalau hanya untuk orang miskin, ia juga sekitar RM70 juta. Jadi menstrukturkan semula subsidi ini hanya untuk orang miskin tetapi, orang kaya, industri, *bottling industry*, kilang roti tidak diberikan subsidi.

Sepatutnya ia tidak menyusahkan rakyat miskin dan dalam masa yang sama ia menguntungkan negara. Mengapakah tidak dilaksanakan? Mengapa ditangguh-tangguhkan kerana ia memberikan imej yang buruk kepada kerajaan. Ini kerana seolah-olah kita takut kepada *big brothers*, pada *big business*. Jadi kita perlu hapuskan salah sangka ini. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun telah agak bertimbang rasa kepada saya dan kerana kawan-kawan yang lain biarlah saya berhenti di sini sahaja. Jadi saya mengucapkan terima kasih banyak-banyak. Terima kasih daun keladi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

**3.31 ptg.**

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut berdebat di dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2010 ini.

Saya hanya ingin menyambung sedikit apa yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali tentang *global warming*, dengan izin, ataupun pemanasan global. Kita tidak perlu melihat jauh untuk merasa bahang ataupun suhu dunia ini telah naik. Oleh sebab kita yang ada di dalam Parlimen ini, di sebelah sana Dewan Rakyat sudah cukup seperti gunung berapi juga panasnya kadang-kadang. Itulah yang saya lihat di dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2010 ini, saya lihat peruntukan tambahan untuk Parlimen RM23 juta. Dengan maklumat ringkas yang saya lihat adalah untuk menambah taraf keselamatan di dalam Parlimen.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah ciri-ciri penambahbaikan taraf keselamatan di Parlimen ini? Adakah ia desakan kerana siulan daripada Yang Berhormat Pasir Salak kepada seorang Ahli Yang Berhormat Pakatan Rakyat? Atau desakan daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor kerana tempoh hari telah dikerumuni oleh anak-anak Pemuda? Atau adakah ini desakan daripada semua?

Kita ada 222 orang Ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat dan di sini ada lebih kurang 70 orang Ahli Yang Berhormat. Kiranya ada seramai 300 orang Ahli Yang Berhormat memerlukan penjagaan. Adakah ini desakan kerana untuk menjaga keselamatan bangunan Parlimen termasuk dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada di sini atau bagaimana? Itu saya ingin hendak tahu.

Akan tetapi saya rasa ini semuanya tidak akan menjadi begitu hebat peruntukan tambahan yang dituntut ini. Kiralah Ahli-ahli Parlimen semuanya, baik di *Lower House* dengan izin, ataupun di *Upper House* ini. Kita berkelakuan, beretika dan mempunyai sikap kelas pertama iaitu kita harus melambangkan yang sebaik-baiknya apa yang Tuan Yang di-Pertua katakan, kita harus menunjukkan yang kita betul-betul layak dipanggil Yang Berhormat. Saya rasa oleh kerana sikap-sikap tertentu inilah maka keadaan keselamatan kita di Parlimen ini menjadi begitu isu yang besar - RM23 juta. Itu satu yang ingin saya ketengahkan mengenai pautan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2010) 2010 ini.

Perkara kedua yang ingin saya ketengahkan tentang peruntukan tambahan yang dituntut untuk Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) - RM3 juta. Ini mungkin angka yang tidak begitu tinggi dibandingkan dengan yang lain tetapi, saya rasa menyentuh tentang SPR ini sebab kita telah melihat di Hulu Selangor dan juga di PRU-12 iaitu SPR telah betul-betul bekerja dengan *independent* dengan izin, dengan cara profesional.

Namun beberapa pihak mempertikaikan mereka. Pihak yang saya maksudkan khususnya ialah MAFREL. Ada isu tentang MAFREL (*Malaysians for Free and Fair Election*). Sebenarnya dengan apa yang saya ada, saya lihat MAFREL diwujudkan oleh beberapa individu sebagai pengarah sebuah syarikat yang bergelar MAFREL Sdn. Bhd pada beberapa tahun yang lepas. Mereka menggelar diri mereka ini sebagai NGO, berbentuk sebuah syarikat persendirian di bawah Akta Syarikat ataupun *Companies Act*, dengan izin.

Peliknya ialah, walaupun ia sebuah syarikat menggelar mereka sendiri ini NGO dan mempunyai objektif memerhati atau sebagai pemerhati pilihan raya yang bebas. Saya sangat sedih apabila melihat mereka ini hanya sebenar-benarnya bukan bebas, hanya telah mengelirukan rakyat Malaysia dengan perkataan bebas itu. Ini kerana individu yang ada menjadi *founder*, dengan izin, syarikat ini adalah orang-orang rapat kepada ketua ataupun pemimpin PKR itu sendiri. Lihatlah. Saya tidak hendak menyebut nama mereka tetapi seorang daripada mereka pernah menjadi Timbalan Ketua Angkatan Muda Pakatan Rakyat (PKR) di Wilayah Persekutuan ataupun Selangor. Itu mungkin dapat kita cari faktanya di dalam Internet, begitu mudah sekali.

Peliknya sebagai sebuah syarikat MAFREL tidak di *regulate*, dengan izin, oleh mana-mana undang-undang untuk membentangi perbelanjaan atau belanjawan mereka. Pertama, sumber kewangan mereka. Dari mana datang sumber kewangan mereka?

Sebuah syarikat *non-profit making body*, dengan izin, RM2 syer sahaja dapat mengambil beribu-ribu orang pekerja pada setiap pilihan raya ataupun beratus-ratus orang ataupun mungkin beribu-ribu orang pekerja di setiap *bi-election* ataupun pilihan raya kecil, dengan izin.

Jadi mereka - kiralah seorang itu dibayar lebih kurang dalam seorang sukarela yang bekerja untuk menjadi pemantau bebas dengan mereka, diambil bekerja, digaji RM50 sehari untuk selama sepuluh hari berkempen, mungkin RM500. Untuk 2,000 orang, berapakah jumlahnya? Itu hanya RM50 - sewa, kenderaan, sewa tempat tidur lagi. Kalau dikira itu semua MAFREL sebagai *RM2 paid-up company*, dengan izin, tidak mampu. Dari mana datang sumber ini, adakah mereka mempunyai geran dari luar negara, dan siapakah yang dari luar negara yang berpaut dengan mereka, tempat mereka berpaut? Itu adalah satu tanda tanya.

#### ■ 1540

Adakah mereka menjadi suara, mata dan telinga daripada luar negara tentang apa yang berlaku di Malaysia ini? Kalau mereka dari mulanya bukan bebas, bagaimana boleh mereka menjadi pemantau bebas. Saya rasa ini adalah sandiwara yang begitu ketara sekali yang mengelirukan rakyat jelata. Tiap-tiap laporan di akhbar oleh MAFREL mesti dan tetap menghentam Barisan Nasional, menghentam kerajaan.

Tiada satu yang bagus. Tiap-tiap perkara akan menghentam Suruhanjaya Pilihan Raya, seolah-olah Suruhanjaya Pilihan Raya itu adalah ejen kepada Barisan Nasional dan sebagainya. Mereka menggunakan nama sebagai pemantau, pemerhati bebas untuk mendapat keyakinan iaitu apa juga yang mereka lapor atau sebutkan tetap diterima oleh rakyat. Tetap mendapat simpati rakyat. Ini adalah satu penipuan yang sangat besar. *One of the biggest lie ever told*, dengan izin.

Jadi saya minta pihak yang berwajib, kementerian yang berwajib pastikan MAFREL itu sebuah syarikat yang mempunyai keanggotaan yang tidak bebas dari mulanya, memberi laporan mengisahkan mereka tidak bebas. Kita lihat di Singapura, kita mempunyai NGO-NGO yang berdaftar di bawah syarikat persendirian sebagai syarikat persendirian di bawah Akta Syarikat dan juga di bawah akta pertubuhan mereka, *Society Act* mereka.

Pada kita ini, di Malaysia Akta Pertubuhan, memang ada. Akan tetapi mereka mewujudkan satu undang-undang yang mengiktirafkan ataupun mendefinisikan NGO-NGO sebegini sebagai *charity*. Kalau dia bukan *profit making body*, dengan izin, mereka harus melaporkan kepada *registrar* ataupun *Commissioner of Charity*. Di situ undang-undang mungkin di bawah akta kewangan di Singapura itu menghendaki NGO sedemikian untuk membentangkan belanjawan mereka, dari mana sumber mereka dapat, bagaimana mereka membelanjakan tiap-tiap *dolar* duit yang mereka ada. Sumbangan kah, atau apa juga, *revenue*.

Kita tidak ada *regulation* ataupun aturan undang-undang sebegini. Itulah sebabnya maka itu terlepas tanpa dapat..., mereka tidak perlu membentangkan kepada SSM. Sebab tidak ada undang-undang. Mereka yang cakap. Kita tidak ada dikehendaki di bawah itu. *Just non-profit making body* sahaja. Mereka pun tidak dikehendaki di bawah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** *Registrar of Society*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cuma tiga minit sahaja...

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Lima minit, lima...

**Timbalan Yang di-Pertua:** ...Lagi masa untuk Yang Berhormat.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** *Insya-Allah*, terima kasih. Jadi di situ mereka ini *neither there, no here, neither here, no there* dengan izin. Jadi saya mintalah pihak yang berwajib lihatlah kedudukan seperti ini. Memang betul SPRM mereka tidak mengiktiraf MAFREL lagi. Saya harap pilihan raya kecil di Sibul, MAFREL ini tidak diberi kemudahan untuk masuk ke tempat peti undi, tempat dalam tempat mengundi dan sebagainya. Mereka masuk di sana itu hanya bersandiwara untuk melaporkan dan kalau boleh lapor apa sahaja asalkan ianya mencurigakan sistem kita.

Itu yang satu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baru satu?... *[Ketawa]*.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Dua, dua. *Last* sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah saya ingin hendak menyentuh tentang NKRA yang mengurangkan jenayah di *hot sport*, dengan izin. Pihak RELA walaupun mereka ini sukarelawan akan tetapi mereka diambil oleh banyak agensi-agensi untuk menolong mereka masuk polis dan imigresen dan kastam juga. Saya harap pihak kementerian yang berkenaan yang telah menaik gaji PDRM dan sebagainya harus juga mengingat pihak RELA perlu juga diambil kira. Bagilah elaun mereka yang setimpal dengan keadaan sekarang. Sekarang saya dengar sukarela biasa RM4 sejam, pegawainya RM5.80. Kalau boleh *doublekanlah, doublekanlah* kerana mereka pun bergandai nyawa. Kalaulah apa-apa berlaku kita juga yang sedih akan mendengar berita. Jadi biarlah mereka diberi peluang, RELA tetap RELA. Akan tetapi kalau boleh juga naikkan taraf nama mereka. Janganlah dibilang Ikatan Relawan Rakyat dan sebagainya.

Mintalah nama yang sebaik-baiknya. Kalau boleh wujudkan di bawah akta sendiri. Biarlah mereka wujud sebagai satu identiti yang tidak menumpang di dalam *Emergency Ordinance 1972*, dengan izin. Jadi saya rasa pihak yang wajib harus memberi RELA ini satu pengiktirafan yang sebaik-baiknya supaya NKRA yang kita maksudkan tadi lebih berkesan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita bagi peluang kepada Yang Berhormat Senator yang baru ya. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Silakan.

### 3.47 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

Ini pasal baru, *mike* pun tidak tahu macam mana hendak guna ini... [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab saya ini orang baru saya hendak bercakap berhubung dengan satu topik sahajalah yang *very close to my heart*.

Berhubung kait dengan *Supplementary Budget* yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi. Perkara ini telah juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan tadi secara imbas iaitu berhubung dengan peruntukan bagi rumah ataupun pembinaan rumah mampu milik.

Nampaknya dalam bajet seperti *Supplementary Budget* ini tidak ada pun peruntukan tambahan untuk pembinaan rumah mampu milik. Seperti yang kita tahu banyak daripada rakyat di negara ini, banyak lagi rakyat di negara ini tidak mampu membeli rumah yang dibina oleh *ordinary developers*. Oleh sebab-sebab tertentu, sebab pendapatan dan sebagainya. Oleh sebab itulah kerajaan telah menubuhkan satu syarikat yang diberi nama SPNB tetapi malangnya, setahu sayalah sekarang ini peruntukan SPNB ini tidak mencukupi untuk membina rumah mampu milik iaitu rumah-rumah yang kurang daripada RM100,000 untuk memberi peluang kepada rakyat untuk membeli. Saya ada juga buat rumah di Kelantan misalnya. Kalau rumah itu dibuat dan dijual dengan lebih daripada RM100,000, banyak rumah itu tidak laku secara *ordinary* kerana mereka tidak mampu membeli.

Oleh sebab itu, saya fikir peruntukan untuk SPNB membina rumah mampu milik ini patut ditambahkan. Saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk membincangkan perkara ini. Satu lagi perkara..., embargo dibuat kepada SPNB supaya SPNB tidak boleh *joint venture* dengan tuan-tuan tanah untuk membina rumah tetapi, mereka hanya dibenarkan membuat rumah di atas tanah-tanah kerajaan. Kalaulah *state government* tidak bagi tanah itu nampaknya *function* SPNB tidak ada apalah. Tidak boleh buat rumah mampu milik. Saya fikir embargo ini *direlease*kan sebab tugas mereka itu membina rumah.

### ■ 1550

Macam mana hendak membina kalau tidak ada tanah? Tidak semestinya tiap-tiap negeri mempunyai tanah, *state land* untuk membina rumah ini, oleh sebab itu saya fikir tambahlah sedikit bajet untuk SPNB ini dan juga *lift* "embargo", supaya membolehkan SPNB *joint venture* dengan tuan-tuan tanah dengan syarat kaji selidik yang sempurna dibuat sebelum SPNB membina rumah-rumah ini. Janganlah sampai tidak dapat bayar kontraktor seperti yang kita dengar dahululah. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Dr. Syed Husin Ali.

**3.51 ptg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membincangkan perbelanjaan tambahan ini daripada dua segi.

Pertamanya adalah komen-komen umum dan keduanya pergi kepada *detail*, beberapa *detail* yang dianggap penting. Tentang yang umum pertama sekali ialah mengenai kesan perbelanjaan ini terhadap defisit.

Tadi ada disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya percaya dengan tambahan-tambahan ini defisit akan bertambah, bertambah besar. Kita sudah banyak tahun mempunyai belanjawan yang berdefisit sentiasa. Kalau misalnya keadaan ekonomi sekarang ini bertambah baik usaha pun harus dijalankan untuk mengurangkan defisit ini dan saya lihat ada dua kemungkinan untuk berbuat demikian.

Pertama ialah dengan *mobilize capital*, modal terutama sekali di kalangan rakyat dan di sini saya merujuk terutama sekali modal yang keluar daripada negara ini untuk dilaburkan di negara-negara lain. Memang dahulu digalakkan dan mungkin mereka melabur ke luar negara kerana keuntungannya besar. Jadi oleh sebab itu mesti ada insentif-insentif yang harus diberikan oleh kerajaan supaya dapat menarik balik pelaburan yang keluar itu. Kita tidak harus hanya bergantung kepada pelaburan asing.

Satu lagi ialah berkaitan dengan hasil yang diperoleh daripada minyak. Saya sebenarnya tidak begitu senang kalau misalannya perbelanjaan terutama sekali perbelanjaan tambahan digunakan dengan mengambil hasil daripada minyak tetapi, saya tidak tahulah apa sumber yang kita gunakan untuk mendapat tambahan perbelanjaan ini. Tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Akbar Ali mengenai Blok 'L' dan Blok 'M'. Saya memang setuju dengan beliau bahawa mesej yang kita hantar tidak selaras bahkan bercanggah di antara satu sama lain. Manakala yang lebih penting pula, saya rasa tidak disebut di dalam hubungan, kedudukan di dalam Perlembagaan.

Kawasan ini memang kawasan bertikai tetapi kita harus menganggapnya sebagai kawasan kita. Kalau mengikut Perlembagaan, fasal 2, untuk mengubah sempadan mana-mana. Ini kita boleh anggap sebagai mengubah sempadan kerana kita memberikan sempadan kepada Brunei. Harusnya diperolehi persetujuan daripada negeri dan ini dinyatakan melalui undang-undang yang dibuat oleh badan perundangan negeri itu. Ini tidak dilakukan. Mesti disetujui oleh Majlis Raja-Raja dan ini tidak dilakukan. Apa yang dilakukan sekarang ini adalah bertentangan dengan Perlembagaan. Lebih penting bagi saya, bahawa ini adalah satu sumber kekayaan iaitu RM320 bilion seluruhnya dinilai dengan pengeluaran satu hari 500,000 tong bernilai USD12.4 juta. Jadi ini melibatkan wang yang banyak dan boleh digunakan sebenarnya kalau kita mahu untuk mengurangkan defisit.

Kemudian saya merasa gembira kerana nampaknya kementerian-kementerian yang mendapat lebih daripada RM500 juta adalah kementerian-kementerian yang ada kaitan dengan urusan-urusan kemiskinan, menghapuskan kemiskinan dan di sini saya ambil Kementerian Pertanian, Kementerian Luar Bandar, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita dan sebagainya. Semua kementerian ini mendapat lebih daripada RM700 juta peruntukan tambahan.

Akan tetapi, apa yang saya harapkan ialah bahawa oleh sebab kementerian-kementerian ini juga mempunyai bidang kuasa terhadap soal-soal berkaitan dengan kemiskinan, maka hendaklah sama ada dalam pelajaran ataupun kesihatan, ataupun luar bandar, pertanian dan sebagainya tumpukan lebih banyak perbelanjaan kepada golongan-golongan miskin ini untuk menaikkan taraf hidup mereka.

Sehubungan ini saya ingin mengesyorkan bahawa kalau ada projek-projek yang dijalankan hendaklah banyak projek yang tidak merupakan fizikal. Untuk projek pembangunan dan infrastruktur sama ada bangunan baru ataupun baik pulih ataupun bangunan pejabat, perabot dan sebagainya perlulah kita fikirkan terutama sekali kontraktor-kontraktor yang kecil yang telah dirintih semalam oleh sahabat saya daripada sebelah sana. Perkara yang penting di sini ialah kita mesti memastikan dalam projek-projek yang menggunakan perbelanjaan-perbelanjaan besar ini tidak akan berlaku satu perkara dan akan berlaku satu perkara yang lain.

Perkara yang tidak harus berlaku ialah *rent-seeking* sebab kerja kontrak melibatkan banyak soal *rent-seeking*. Soal *rent-seeking* ini sudah banyak diperkatakan oleh pimpinan dan ia berkaitan dengan korupsi dan kronisme. Jadi saya rasa ini perlu diambil perhatian.

Satu lagi ialah bahawa kita harus memastikan kontrak yang diberikan itu ialah secara adil dan boleh juga membantu golongan kontraktor yang lemah. Ada baiknya untuk telus, kita mempunyai sistem *open tender* ataupun tender terbuka, tapi dalam masa yang sama harus juga kita perkirakan bagaimana kedudukan kekuatan misalnya golongan yang dalam masyarakat yang lemah untuk mendapatkan tender tersebut. Jadi mesti ada keseimbangan di antara kedua itu.

Akhir sekali tentang penjelasan umum ini, saya lihat bahawa penambahan ini wajar juga berkaitan dengan NKRA dan ini adalah kaitannya juga kemiskinan. Banyak kementerian yang saya sebutkan tadi tetapi, saya ingin fokus kepada satu kementerian iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dalam soal ini bukan sahaja soal kementerian wanita ini tetapi juga kementerian-kementerian yang lain tadi ada tiga perkara yang saya syorkan patut dilakukan. Pertama ialah kita harus selesaikan masalah kemiskinan tegar. Ertinya bantuan yang dikeluarkan hendaklah bersifat bantuan yang boleh mengeluarkan mereka yang mengalami kemiskinan tegar ini dapat mengatasinya.

Kedua, perlu diutamakan bantuan kepada golongan miskin tegar dan berpendapatan rendah dengan tidak mengira kaum. Kita tidak harus bimbang tentang hal ini kerana seperti yang dinyatakan terlebih awal semalam bahawa lebih daripada 70% golongan yang miskin dan berpendapatan rendah ini adalah terdiri daripada golongan bumiputera. Kalau kita mengambil golongan miskin, bukan sahaja kita memuaskan hati golongan bumiputera ini tetapi kita tidak menimbulkan kemarahan daripada golongan bukan bumiputera yang menganggap diri mereka seolah-olah dipersampingkan.

Ketiga, perlu dipastikan bukan sahaja tidak ada diskriminasi atau prejudis kaum dalam menentukan bantuan itu, tetapi juga tidak ada faktor politik. Ertinya jangan diberi hanya bantuan kepada orang politik yang sama dengan kita dan tidak mempedulikan yang lain ataupun menggunakan perbelanjaan-perbelanjaan ini terutama sekali untuk menghadapi pilihan raya...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Ya.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat tadi bercakap berkenaan dengan kita jangan pilih kaum untuk kita memberikan bantuan kemiskinan ini.

■ 1600

Adakah Yang Berhormat ada bukti mengatakan setakat ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat cuma mementingkan suku sakat dia sahaja atau pun kaum-kaum tertentu sahaja? Akan tetapi memandangkan saya datang dari Pulau Pinang Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat perlu memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dahulu yang menjadi Pakatan Rakyat dalam naungan Yang Berhormat punya parti bahawa jangan kita mementingkan orang kita sahaja dan berilah kepada semua. Nasihatkan kepada mereka dahulu sebelum kita membawa perkara ini untuk memberi nasihat kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat oleh sebab Yang Berhormat tidak ada bukti. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau hendakkan bukti banyak tetapi tidak perlulah saya kemukakan di sini. Kalau hendak masa yang lain nanti boleh. Keduanya, tentang Pulau Pinang itu sebenarnya orang Melayu di sana sudah 50 tahun lebih tidak diselesaikan. Ini baru dua tahun dan yang penting bukan itu, yang penting ialah kita harus menerima prinsip, tidak kira di pihak sini atau di pihak sana, di pihak Selangor atau di pihak Terengganu, misalnya. Kedua-duanya mesti berpegang kepada prinsip. Kita hendak menolong orang miskin yang banyaknya adalah orang Melayu bumiputera dan tidak kira...[Disampuk]

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju Yang Berhormat kata 50 tahun diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional dan dua tahun bagi Pakatan Rakyat. Yang Berhormat boleh bandingkan 50 tahun kemajuan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan dua tahun yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Kalau tahun 2008, semasa Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih, FDI dari segi pelaburan yang kita buat selama RM10.2 bilion tetapi tahun 2009 Pakatan Rakyat, kerajaan Yang Berhormat sendiri hanya RM2 bilion sahaja. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional sudah lakukan. Jangan kata 50 tahun, Kerajaan Barisan Nasional tidak melakukan apa-apa. Ini satu tuduhan yang tidak betul, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya tidak pernah mengatakan bahawa tidak ada yang dilakukan tetapi saya tidak mahu terseret dengan debat ini, ya. Apa yang saya katakan ialah bahawa selama 50 tahun, masalah-masalah kemiskinan di kalangan orang Melayu tidak dapat diselesaikan di Pulau Pinang. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi kepada beberapa *detail*. Tadi ada disebutkan mengenai bantuan kepada perumahan orang miskin. Saya rasa tidak benar kalau dikatakan tidak ada peruntukan. Kalau kita tengok pada B.12, ada peruntukan misalnya tabung pinjaman perumahan untuk golongan berpendapatan rendah sebanyak RM132 juta tetapi, yang menjadi masalah di sini ialah soalan saya, mengapa hanya Sabah, mengapa tidak di Semenanjung, mengapa tidak di Sarawak. Adakah sumbangan ataupun peruntukan di negeri-negeri tersebut sudah mencukupi ataupun adakah sesuatu sebab mengapa Sabah diutamakan?



Selain daripada itu, saya ingin pergi kepada B.07. Maksud B.07 menyebut tentang soal menampung kenaikan kadar sewa, ruang pejabat dan sebagainya. Ini adalah salah satu perkara yang saya sebutkan tadi yang boleh menimbulkan soal *rent-seeking* dan saya harap perkara ini akan dapat diperhatikan.

Maksud B.10 pula – maafkan saya, saya banyak tinggalkan yang tidak penting. Saya ambil yang penting sahaja. Maksud B.12 saya ada sebutkan tadi tentang perumahan.

Kemudian B.21 iaitu menampung perbelanjaan di bawah insentif pengeluaran padi tahun 2010, ada peruntukan RM400 juta di sini. Saya tidak percaya semuanya untuk padi, tentu ada barang-barang lain lagi ataupun komoditi lain yang dipertimbangkan. Perkara yang saya hendak tumpukan di sini ialah adakah penambahan perbelanjaan ini bersama dengan perbelanjaan sebelumnya dapat mengetengahkan ataupun memajukan lagi usaha untuk mendapat *self sufficiency*, dengan izin, dari pengeluaran padi. Saya rasa pengeluaran makanan merupakan satu soal sekuriti yang sangat penting, *food security*. Kita harus fikirkan juga tentang masalah mendapat sekuriti dari segi ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang kah lagi?

**Dr. Syed Husin Ali:** Barangkali dalam tiga minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong ringkaskan, ya.

**Dr. Syed Husin Ali:** Kemudian tambahan B.25 sebanyak RM775 juta. Ini adalah tambahan untuk biayai bantuan kewangan bagi gula dan tepung. Saya ingin mendapat penilaian daripada Menteri dan daripada kerajaan, sejauh manakah telah berjayanya pengawalan kenaikan harga ini. Ini sebab kita lihat, tiap-tiap kali nampaknya makin naik harga gula dan tepung. Tidak ada gunanya kita belanja begitu banyak tetapi tidak ada kesannya.

Kemudian B.27 tentang penyelenggaraan jalan persekutuan di Sabah dan sebagainya sebanyak RM251 juta. Ini adalah masalah yang berkaitan, saya katakan tadi dengan soal *rent seeking*. Kemudian pendidikan pula ada peruntukan sebanyak RM972 juta dan ini termasuk juga perbelanjaan untuk pelajaran tinggi. Dalam soal ini, ada disebut dalam bekalan yang lebih awal, kita memberikan bantuan sebanyak RM132 juta kepada Universiti Sains.

Jadi kalau misalnya ada cadangan hendak menjadikan lain-lain Universiti APEX, bagaimanakah misalnya tertinggal universiti-universiti lain atau adakah kita perlukan perbelanjaan tambahan pula untuk itu? Yang paling menimbulkan soalan kepada saya ialah mengapakah di dalam perbelanjaan tambahan ini, terdapat kira-kira lebih daripada RM400 juta yang perlu dibayar untuk penambahan emolumen universiti-universiti? Saya ingin tahu sama ada begitu banyak sekali sekarang ini penambahan perbekalan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh kita rumuskan?

**Dr. Syed Husin Ali:** Saya rumuskan. Jadi berbalik kepada yang umum, yang saya katakan tadi, soalnya ialah berkaitan dengan yang awal tadi iaitu soal *rent-seeking*, soal menumpu kepada kemiskinan dan sebagainya tetapi, akhir sekali kalau dibenarkan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tadi tentang angka yang berbeza.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya

**Dr. Syed Husin Ali:** Angka yang berbeza, saya lihat terutama sekali dalam... [*Menyemak dokumen atas meja*] Sebenarnya apa yang hendak disebutkan ialah angka dalam rang undang-undang yang diluluskan tadi iaitu bekalan yang kesembilan. Angkanya ialah RM6,473,804,960, "...960" hujungnya tetapi, kalau kita lihat di muka 3, Memorandum Perbendaharaan. Pada Kertas Perintah 4, muka surat 3, para enam, angkanya berbeza sedikit sahaja iaitu bukannya "960" tetapi "860". Walaupun perbezaan ini adalah RM100, saya rasa ini perlu diperbaiki, dibetulkan supaya nanti tidak timbul, walaupun di dalam keadaan kecil, kita seolah-olah cuai. Saya harap ini bukanlah kerana kecuaiian tetapi kerana *typographical error* ataupun kesalahan menaip. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana masa terlalu suntuk mencemburui kita, kita ada banyak rang undang-undang lagi, kalau boleh saya minta maaf agaknya. Setakat ini kita minta Menteri beri jawapan.

#### 4.09ptg.

**Dato' Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan mereka dan boleh dikatakan hampir kesemua pandangan ini adalah pandangan yang bernas, yang boleh diambil kira untuk memperbaiki lagi prestasi dan juga amalan kewangan negara kita.

Pertamanya, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali. Sebenarnya beliau merupakan sahabat sayalah. Beliau bimbang kalau saya tidak mengiktiraf dia sebagai sahabat. Sebenarnya saya dan dia lama semasa beliau di Jabatan Statistik, saya di Bank Negara dahulu, memang persahabatan wujud. Banyak daripada hujah beliau adalah menyokong secara makronya pendekatan yang telah diambil oleh kerajaan.

#### ■ 1610

Barangkali apa yang hendak saya sebutkan di sini ialah apa pun yang kita buat dalam peningkatan atau meningkatkan perbelanjaan tambahan, Bekalan 2010, ini ialah berdasarkan kepada prestasi kewangan negara kita. Kita dengar sebelum ini barangkali bahawa banyak kementerian yang merasa kesuntukan dengan bajet yang diluluskan kepada mereka.

Oleh kerana mereka tidak dapat menjalankan setengah-setengah aktiviti dan program seperti mana yang dijalankan sebelum ini. Sebenarnya memang wujud usaha untuk mengurangkan peruntukan lebih kurang 10% atau 11% *across the board*, dengan izin, supaya kita dapat mengawal defisit yang berada pada tahap 7% dalam tahun 2009 kepada tahap 5.6% 2010. Ini cukup-cukup penting kerana ramai Yang Berhormat menimbulkan perlunya kita bersifat *prudent*, menjaga pengurusan kewangan kita dengan baik kerana kalau tidak sekiranya defisit kelihatan tinggi dan di luar kawalan kita, maka kesan ke atas ekonomi kita adalah cukup besar.

Kesan dari segi rating yang dibuat syarikat-syarikat rating umpamanya, bukan sahaja di dalam negara tetapi di luar negara menimbulkan kesan ke atas kos pinjaman oleh syarikat-syarikat Malaysia dan juga oleh Kerajaan Malaysia sendiri untuk meminjam wang di pasaran antarabangsa. Sekiranya rating yang diberikan kepada negara kita itu tidak baik seperti mana kita lihat hari ini berlaku di setengah-setengah negara di Eropah. Jadi pengawalan defisit pada tahap yang dirasakan lebih baik dari sebelumnya, 5.6% cukup-cukup penting.

Jadi apabila ekonomi kita berkembang saya sebut dalam ucapan saya tadi bagaimana ekonomi bertambah baik, maka kelihatan ruang wujud untuk kita menambahkan kembali perbelanjaan ini. Walaupun pada peringkat awal 2010, baru tiga dan empat bulan kita sudah tingkatan perbelanjaan. Awal-awal lagi kita sudah ada Tambahan Bekalan 2010, Tambahan I. Biasanya tidaklah secepat ini biasanya, tetapi oleh kerana ruang yang kita lihat dan ini berhubung kait dengan *point* yang dibuat oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali tadi, bagaimana kita membiayai defisit ini?

Pertamanya, apakah defisit semakin besar apabila kita meningkatkan perbelanjaan tambahan? Tidak. Defisit kita kontrol pada tahap 5.6%. Pembiayaannya dan sumbernya bukan daripada minyak, tetapi dari pertumbuhan ekonomi, peningkatan kegiatan ekonomi yang akan memberikan hasil yang lebih besar. Percukaian yang lebih tinggi, kita ambil kira semua itu. Dari situlah maka dilihat peningkatan yang dikira oleh sahabat kita tadi 6% peningkatan, ini semua mengambil kira supaya defisit kita. kekal pada tahap 5.6% seperti mana yang kita jangka di peringkat awal.

*There is no compromise.* Kita tidak boleh kompromi, kerana kita bimbang kalau kita kompromi dari segi tahap defisitnya maka banyak masalah lain yang boleh. Jadi tentang yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Akbar Ali tadi, maklumat-maklumat yang kelihatan tidak selaras mengenai Blok 'L', Blok 'M' ini, saya rasa ini adalah masalah begitu teknikal.

Kalau kita tidak mempunyai maklumat yang lengkap, kita seharusnya tidak boleh bercakaplah kerana apa yang kita katakan mungkin salah, kerana ini melibatkan dua negara, perbincangan yang bertahun-tahun. Isu tuntutan yang tidak selesai sebelum ini, sekarang kita rasa kita sudah selesai dan ada lagi pihak yang mengatakan belum selesai.

Jadi saya rasa saya sendiri tidaklah mahu menambahkan kepada kekalutan ini kerana hanya pihak yang betul-betul tahu Petronas, Jabatan Perdana Menteri dan saya yakin penjelasan isu ini akan dibuat pada dan ketika yang sesuai nanti. Saya tidak mahu campur sangat walaupun saya tahu melalui perbincangan, melalui bacaan tetapi kalau saya cakap nanti ia mungkin menimbulkan masalah lagi.

Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang menimbulkan soal ciri-ciri keselamatan Parlimen. Apa dia soalan keselamatan ini? Sebenarnya saya pun ada bertanya dahulu. Ini sebenarnya ialah memasang CCTV di luar Parlimen di kawasan, supaya kawasan Parlimen ini dapat dipantau dengan lebih baik. Jadi ianya saya rasa tidaklah dilaksanakan ekoran apa yang terjadi tetapi, lebih kepada mewujudkan satu sistem keselamatan yang lebih menyeluruh, yang lebih rapi dan yang lebih terkawal supaya keselamatan institusi sebuah institusi yang mulia, Parlimen Malaysia ini dapat dijamin.

Kita tidak mahu apa-apa yang berlaku yang boleh menimbulkan kemaluan, malu kita... *[Ketawa]* Maaflah saya pun boleh tersasul. Boleh saya tarik balik perkataan "kemaluan" itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Makna Yang Berhormat itu lain, tidak apa. Tarik balik... *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Awang Adek Hussein:** Maknanya malu kita. Malu - Yang memalukan kalau-kalau - Saya tarik balik ya, tadi yang "kemaluan" itu. Memalukan kalau ada apa-apa insiden kejadian yang menampakkan kelemahan kita, CCTV pun tidak pasang. Kita berada dalam abad yang sedemikian.

Jadi ini yang sebenarnya banyak perbelanjaan yang digunakan. Tentang MAFREL ini, Suruhanjaya Pilihan Raya, saya pohon kepada pihak-pihak yang lebih mengetahui, yang lebih arif mengenai soal ini untuk mengambil kira pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang tadi supaya dapat dilihat mana-mana tindakan susulan yang boleh diambil...

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Minta laluan sekejap Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Hanya untuk rekod Yang Berhormat, pihak kementerian harus ambil kira ada laporan dalam *internet* yang mengatakan MAFREL menerima wang yang daripada luar negara juga. Satunya daripada Finland, satu daripada United State. Mohon penyiasatan ke atas ini juga kalau boleh, walaupun ianya perkara yang lepas tetapi untuk keselamatan negara, saya rasa ini harus diambil kira. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek Hussein:** Okey terima kasih. Kita juga akan mengambil maklum dan tindakan lanjut perlu dibuat oleh kementerian atau jabatan yang berkenaan. Banyak perbincangan tertumpu kepada soal perumahan mampu milik.

Disebut oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, memang ada sedikit peruntukan, akan tetapi di Sabah. Yang Berhormat baru kita sahabat saya Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman menimbulkan tentang perlunya dibangunkan lebih banyak lagi Rumah Mampu Milik.

Sebenarnya, walaupun kita tidak nampak peruntukan ini diberikan dalam peruntukan tambahan, ada yang mengatakan mengapa tidak nampak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan? Sebenarnya peruntukan ini sudah banyak diberi melalui agensi-agensi yang tertentu, SPNB umpamanya sehingga hari ini sudah RM1.3 bilion diperuntukkan kepada SPNB. Itu pun keperluan masih banyak lagi. Baru-baru ini diperuntukkan lagi...

**Dato' Azian bin Osman:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Awang Adek Hussein:** Ini kita ada Pengerusi SPNB.

**Dato' Azian bin Osman:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Awang Adek Hussein:** Ya.

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab sentuh saya pengerusi itu sebenarnya bekas mantan Pengerusi. Saya hendak perbetulkan sedikit Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat sudah tahu tetapi mungkin tersasul sedikit. RM1.3 bilion itu bukan peruntukan tetapi ia pinjaman yang dikenakan kadar faedah seperti orang-orang lain juga. Walaupun SPNB ini agensi kerajaan. Jadi hanya pinjaman Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek Hussein:** Maksud saya betul-betul itu. Bukan saya tersasul. Maksud saya sejumlah wang yang digunakan oleh SPNB untuk membangunkan Rumah Mampu Milik dan juga Rumah Mesra Rakyat.

#### ■ 1620

Akhirnya siapa yang hendak bayar? Akhirnya kerajaan juga perlu bayar. Jadi kalau SPNB tidak dapat menjual semua rumah yang dibangunkan ini, maka kerajaan oleh kerana SPNB ini adalah syarikat kerajaan, maka kerajaan perlu bertanggungjawablah. Itu yang menyebabkan kelicinan kegiatan SPNB tergugat sedikit hari ini kerana masalah pembiayaan dan keperluan yang begitu banyak.

Soal pembinaan Rumah Mampu Milik ini ada diberikan kepada SPNB, kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui rumah PPRT dahulu, Rumah Kesejahteraan Rakyat masih ada walaupun tidak sebanyak yang diperlukan. Memang banyak yang diperlukan di peringkat bawah tetapi ini memang saya rasa kita bersetuju semualah dalam Dewan ini, bahawa ini adalah satu bidang yang mana kita perlu menumpukan untuk membantu golongan miskin mendapat pembelaan dari segi pembinaan rumah-rumah untuk kediaman mereka.

Kita menerima baik Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali begitu gembira melihat peruntukan yang diberikan kepada kementerian-kementerian untuk tujuan membasmi kemiskinan, dan mengesyorkan supaya kita jangan lupa kepada kontraktor-kontraktor kecil seperti mana yang juga telah disuarakan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

Memang ini adalah merupakan sesuatu yang tidak dapat dielakkan oleh kerajaan kerana jumlah kontraktor Kelas 'F' yang kita ada hampir 40,000 hari ini. Tadi Yang Berhormat Datuk Haji Roslan kata nampaknya macam kontrak-kontrak pun kurang sekarang ini, *slow* sedikit. Barangkali kerana ini penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan. Peruntukan yang telah kita buat untuk Rancangan Malaysia Kesembilan boleh dikatakan hampir habis. Kerja-kerja sudah pun di *award* kan, dengan izin. Jadi barangkali tahun 2010 ini, kita akan melihat rancak kembalilah pemberian kontrak-kontrak terutama sekali di kalangan kontraktor kecil.

Akan tetapi soal *risk taking* adalah satu soal yang penting yang akan diambil kira. Kerajaan juga telah menjanjikan dalam Model Ekonomi Baru nanti bahawa ini adalah sesuatu yang perlu ditangani, dan ini boleh ditangani umpamanya kalau di kalangan kontraktor yang kecil sendiri pun mereka perlu lebih bersaing. Bukan sahaja menerima tetapi perlu bersaing sesama mereka melalui *competitive bidding* supaya mereka juga boleh memperbaiki diri dan prestasi mereka. Tentang tiga perkara penting yang disebut oleh Yang Berhormat Dr. Syed Husin harus selesai kemiskinan tegar, memang ini menjadi satu matlamat kerajaan menyelesaikan masalah miskin tegar menjelang akhir tahun 2010.

Ini dilakukan melalui beberapa kementerian bukan sahaja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Bahkan sudah ada satu koordinasi supaya bantuan-bantuan yang diberikan akan membolehkan kita mengeluarkan nama mereka ini dari senarai miskin tegar iaitu senarai e-Kasih. Jikalau tidak beri bantuan macam-macam pun nama mereka masih kekal. Jadi sampai bila kerajaan boleh menghapuskan miskin tegar.

Keduanya, tidak mengira kaum. Memang kalau pun tidak kelihatan sebelum ini tetapi dengan usaha-usaha seperti mengiktiraf peri pentingnya usaha untuk menghapuskan kemiskinan di bandar. Bukan sahaja di luar bandar yang biasanya merupakan orang-orang Melayu peribumi tetapi juga di bandar-bandar. Ini juga akan mengambil kira golongan miskin tanpa mengira kaum, siapa sahaja yang miskin perlu kita bantu kerana kemiskinan adalah kesusahan tidak mengira siapa yang membebaninya. Jangan ada faktor politik, betul. Saya rasa kalau kita lihat senarai e-Kasih, saya tidak taulah di negeri lain saya tidak teliti tetapi kalau di Kelantan e-Kasih ini, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz pun tahu memang masuk semua. Bahkan ada yang marah pula, sesetengah kumpulan tanya mengapa beri kepada orang ini? Saya kata ini kerana nama mereka ada dalam e-Kasih maka mereka juga berhak.

Jadi saya rasa tidak ada. Kalau ada sedikit sebanyak itu benda ini tidaklah besar. Jadi kita tidak mahu dalam Dewan yang mulia ini pun kita timbulkan perkara ini sehingga menjadikan ia satu isu politik. Sebenarnya ia tidaklah ketara. Kalau di mana tidak ketara jangan kita ada-adakan kerana ini akan menaikkan semangat masing-masing. Jadi tujuan kita untuk kebaikan nantinya akan tercalar dan tercemar.

Tentang subsidi saya akan melihat secara peribadi tentang perbezaan angka yang disebutkan oleh Profesor tadi, walaupun RM100 saya memang bersetuju kalau kesilapan maka kita wajib memperbetulkan. Saya tidak tahu dalam masa yang singkat ini banyak sangat kertas-kertas yang dihantar kepada saya ini. Saya hendak teliti pun tidak boleh. Jadi saya akan tengok, mungkin silap, mungkin tidak silap tetapi apa pun kita akan pastikan yang betul sahaja yang akan dikekalkan dalamnya. Tentang subsidi gula, tepung memang banyak subsidi ini. Ini merupakan sebahagian daripada subsidi-subsidi yang telah diberikan oleh kerajaan yang kesemuanya RM30 atau RM40 bilion setahun.

Cuma ditanya berapa kesan jika tidak diberi subsidi apa jadi kepada gula? Saya dimaklumkan kalau harga gula, saya tidak tahu sekarang berapa tetapi kalau kita tidak beri subsidi sepatutnya sudah RM2 satu kilo. Sekarang RM1.70 sen? Saya sudah lama tidak beli gula jadi saya tidak tahu berapa harganya. Memang ada kesan 30 sen atau 40 sen pun bagi rakyat di luar bandar.

Tentang subsidi padi pula, subsidi padi ini penting kerana ia merupakan satu insentif. Memang kerajaan banyak memberi bantuan kepada penanam padi ini, macam-macam subsidi. Sekali saya kira subsidi dicampurkan dengan bajanya, dengan harga padinya, macam-macam subsidi inputnya dan sebagainya satu hektar kalau tidak silap subsidiya RM2,500 dan jumlah hasil yang diperoleh oleh petani lebih kurang RM5,000. Maknanya kalau tidak ada subsidi itu petani hanya dapat separuh sahaja hasilnya. Jadi ini yang membuatkan industri padi ini masih berterusan dan ini selaras dengan usaha kita untuk meningkatkan *self sufficiency*. Padi yang dahulunya 60%, saya sekarang difahamkan sudah sampai 76% kalau tidak silap, semakin tinggi. Ini adalah satu usaha yang baik.

Saya mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana saya sedar tentang masa yang agak suntuk untuk kita semua dan saya harap apa yang telah saya jelaskan sedikit sebanyak memberi keyakinan bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan ini adalah yang terbaik untuk masa ini. *Insyah-Allah* yang lebih penting kita mahu melihat supaya ekonomi kita berkembang dengan baik, usaha untuk membantu golongan yang tidak bernasib baik, golongan yang miskin ini dapat diteruskan dan segala ketirisan, kegiatan yang sudah jelas tidak sihat hari ini dapat kita banteras demi kebaikan kita semua. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Dr. Awang Adek Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dipersetujukan tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan iaitu mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Mesyuarat Majlis Dewan Negara, bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Puan Heng Seai Kie]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada usul yang hendak kita kemukakan lagi. Saya persilakan.

### **USUL**

#### **MEMINDA ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 13(2)**

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Puan Heng Seai Kie]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2) Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009 yang dijadual sebagai nombor 4 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hendaklah dijadualkan sebagai nombor 3”.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk T. Murugiah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya, ada usul lagi satu Yang Berhormat.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.32 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Murugiah a/Thopasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam ini dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 5 Mei 2010.”

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya kemukakan kepada kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2009

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.33 ptg

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Puan Heng Seai Kie]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Heng Seai Kie:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi merupakan salah satu daripada perundangan siber yang berkaitan dengan pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Undang-undang ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran elektronik yang selamat untuk meningkatkan keyakinan di kalangan pengguna kemudahan rangkaian dan bukan rangkaian bahawa maklumat-maklumat peribadi mereka adalah dilindungi.

Perundangan ini dijangka dapat mempercepatkan pembangunan hubungan elektronik berangkaian serta transaksi-transaksi seperti e-Dagang dan e-Niaga. Malahan ia telah menjadi satu syarat perdagangan dua hala peringkat antarabangsa seperti di Australia dan China. Justeru itu, Perlindungan Data Peribadi juga merupakan elemen yang penting dalam proses membangunkan industri komunikasi dan multimedia negara.



Ia boleh menjadi faktor penarik kepada pelabur-pelabur terutamanya dari luar negara untuk sama-sama membangunkan industri berkenaan di Malaysia.

Matlamat dasar yang kesepuluh dan terakhir seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu, "*bagi menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian memerlukan negara menggubal satu perundangan mengenai Perlindungan Data Peribadi*". Kini lebih daripada 85 buah negara telah atau sedang memperkenalkan perundangan yang serupa. Selain dari tujuan melindungi data peribadi dan mempromosikan perdagangan elektronik, usaha ini juga menumpukan kepada keperluan mematuhi piawaian antarabangsa. Kewujudan perundangan ini dapat membantu Malaysia:

- (i) menjadikan pusat komunikasi dan perdagangan elektronik;
- (ii) menjadi lokasi pelaburan dalam industri komunikasi dan multimedia yang menarik; dan
- (iii) rakan perdagangan antarabangsa yang boleh memberi jaminan perlindungan data peribadi mengikut piawaian antarabangsa.

Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi ini mengandungi 11 bahagian dan 146 fasal. Bahagian-bahagian berkenaan adalah seperti berikut.

Bahagian I terdiri dari fasal 1 hingga 4 yang memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk menentukan tarikh kuat kuasa akta ini. Ia terpakai kepada mana-mana orang yang memproses dan mana-mana orang yang mempunyai kawalan atau membenarkan pemprosesan apa-apa data peribadi berhubung transaksi komersial.

Bahagian II pula terdiri dari fasal-fasal 5 hingga 44. Fasal 5 hingga 12 mengandungi prinsip-prinsip perlindungan data peribadi yang wajib dipatuhi oleh pengguna data, iaitu prinsip am, prinsip notis dan pilihan, prinsip kezaharan, prinsip keselamatan, prinsip penyimpanan, prinsip integriti data dan prinsip akses.

Fasal 13 hingga 20 memperuntukkan keperluan pendaftaran bagi pengguna data dan prosedur yang berkaitan dengan pendaftaran.

Fasal 21 hingga 29 menyentuh mengenai forum pengguna data. Data amalan perlindungan data peribadi, dan hukuman bagi ketidakpatuhan tata amalan.

Fasal 30 hingga 44 pula menyentuh hak individu mengakses, membetulkan dan menarik balik persetujuan pemprosesan data peribadinya.

Bahagian III pula terdiri daripada fasal 45 dan 46. Ia memperuntukkan perkara-perkara yang dikecualikan daripada akta seperti hal ehwal peribadi, keluarga atau rumah tangga individu, termasuklah maksud-maksud rekreasi.

Bahagian IV terdiri daripada fasal 47 hingga 60 yang menyentuh tentang pelantikan fungsi dan kuasa Pesuruhjaya Data Peribadi. Menteri berkuasa untuk mengeluarkan arahan kepada pesuruhjaya.

Bahagian V terdiri daripada fasal 61 hingga 69 yang menyentuh penubuhan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi. Punca kumpulan wang yang diperolehi daripada dana kerajaan, kutipan *fee* bagi pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran.

Bahagian VI pula terdiri daripada fasal 70 hingga 82 yang menyentuh tentang Jawatankuasa Penasihat Perlindungan Data Peribadi. Ia memperuntukkan bagi penubuhan dan fungsi Jawatankuasa Penasihat termasuklah menasihatkan Pesuruhjaya mengenai semua perkara berhubung perlindungan data peribadi dan pentadbiran serta penguatkuasaan akta.

■ 1640

Bahagian VII terdiri daripada fasal 83 hingga 100 yang memperuntukkan bagi penubuhan Tribunal Rayuan yang mempunyai kuasa untuk mengkaji semula keputusan Pesuruhjaya. Bahagian ini juga menjelaskan perkara-perkara mengenai kuasa, keanggotaan dan hal-hal pentadbiran tribunal rayuan.

Bahagian VIII pula terdiri daripada fasal 101 hingga 109 yang memperuntukkan pemeriksaan sistem data peribadi bagi memastikan pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak akta. Pesuruhjaya bertanggungjawab menerbitkan laporan perakuan pemeriksaan bagi pematuhan akta oleh pengguna data. Pesuruhjaya berkuasa untuk menyiasat aduan yang diterimanya dan menjalankan siasatan.

Bahagian IX pula terdiri daripada fasal 110 hingga 127 yang memperuntukkan penguatkuasaan akta ini. Pemberian kuasa oleh Pesuruhjaya kepada mana-mana pegawai pesuruhjaya atau pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan termasuk kuasa menggeledah dan menyita dengan waran atau tanpa waran.

Bahagian X terdiri daripada fasal 128 hingga 144 yang menjelaskan supaya Pesuruhjaya menyenggara daftar-daftar yang dikehendaki di bawah akta ini iaitu daftar pengguna data, forum pengguna data dan tata amalan. Bahagian ini juga menyentuh tentang pengawalan pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia dan menjelaskan pengumpulan data peribadi yang menyalahi undang-undang. Bahagian ini juga menjelaskan pendakwaan bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan terletak di bawah Mahkamah Seksyen dan perlindungan kepada pemberi maklumat.

Bahagian XI terdiri daripada fasal 145 hingga 146 yang menjelaskan peruntukan berhubung dengan peralihan akta. Ia menyentuh tentang kedudukan data peribadi yang diperolehi sebelum tarikh penguatkuasaan operasi akta ini dan pendaftaran pengguna data yang meneruskan pemprosesan data peribadi selepas penguatkuasaan operasi akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, peranan dan fungsi pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi adalah perkara asas bagi pelaksanaan akta ini. Adalah menjadi harapan kerajaan agar pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dapat berfungsi sebagai sebuah badan kawal selia yang berkesan untuk memastikan tiada penyalahgunaan data peribadi yang dijadikan komoditi yang boleh diniagakan serta menceroboh privasi seseorang. Akta ini lebih merupakan undang-undang pematuhan dengan menumpukan kepada usaha untuk mewujudkan jentera penguatkuasaan. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat ingin melihat pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dapat menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan bagi memastikan data peribadi rakyat dilindungi dengan selamat, selari dengan matlamat dasar yang digariskan dalam Rang Undang-undang PDP ini. Secara ringkasnya, fungsi Rang Undang-undang PDP merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) melindungi data peribadi individu supaya tidak disalahgunakan;
- (ii) mematuhi Undang-undang Perlindungan Data Peribadi supaya hak rakyat terpelihara; dan
- (iii) tindakan penguatkuasaan untuk membanteras penyalahgunaan data peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini telah dibincangkan dan dibahaskan di dalam pelbagai forum. Pada awal tahun 1998, kementerian telah menubuhkan satu pasukan antara agensi yang terdiri daripada wakil-wakil Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Multimedia Development Cooperation (MDeC) dan MIMOS.

Pasukan ini membantu kementerian dalam menentukan isu-isu dasar dan operasi untuk memudahkan Jabatan Peguam Negara menggubal draf rang undang-undang tersebut. Dalam pada itu, taklimat juga diberi kepada wakil-wakil industri yang juga dipelawa untuk memberi ulasan terhadap prinsip-prinsip utama yang menjadi asas kepada peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini. Selain itu, kementerian juga telah mengadakan sesi perundingan awam bagi memberi peluang kepada pihak-pihak yang berkepentingan seperti NGO, persatuan-persatuan pengguna, persatuan insurans dan sebagainya, untuk memberikan pandangan dan cadangan mengenai rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi mampu memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, termasuklah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada sesiapa yang menyokong usul Yang Berhormat?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Murugiah a/l Thopasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahaskan.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Datuk Rizuan.

**4.47 ptg.**

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009.

Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, Kerajaan Malaysia khususnya kerana berjaya menggubal dan mewujudkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2009 ini. Saya juga hendak ucap tahniah kepada Malaysia kerana satu-satunya negara di ASEAN ini, negara yang pertama untuk mewujudkan akta ini. Berbanding dengan Singapura, Singapura hanya menggunakan kod, tidak ada undang-undang khusus. Negara-negara jiran lain seperti Indonesia, Philippine dan juga Thailand belum ada lagi undang-undang ini.

Di Asia, undang-undang ini telah pun ada seperti di Hong Kong, Jepun, Korea dan Taiwan. Persoalan pertamanya yang saya ingin timbulkan, tujuan utama akta ini diwujudkan sekiranya ia menjadi undang-undang nanti adalah untuk melindungi data peribadi dalam transaksi perniagaan atau komersial seseorang itu. Tujuan lain saya tidak pasti.

Persoalan kedua, akta ini sangat mementingkan tentang istilah, kita tengok muka surat 9, macam-macam tafsiran dan istilah, dan juga pengertian peribadi serta data peribadi sensitif disebut dalam muka surat 9 ini yang mana definisinya, "*Data peribadi sensitif ertinya apa-apa data peribadi yang mengandungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya.*"

#### ■ 1650

Pentingnya di sini, data peribadi sensitif seperti ini tidak terlepas ke tangan atau ke pihak orang lain. Punca data ini datang daripada pelbagai punca atau pelbagai sumber. Salah satu ialah kegiatan menguruskan perniagaan kita, kegiatan memberi maklumat apabila kita dikenakan tindakan mahkamah. Apabila kita dikenakan notis bankrap dicetak dalam media massa, dalam surat khabar. Contohnya yang saya ingin nyatakan di sini iaitu CTOS. Maklumatnya digunakan oleh pelbagai pihak termasuklah pihak-pihak bank. Walaupun kerajaan sedikit masa dahulu menyatakan bahawa kita hanya menggunakan CCRIS yang diwujudkan Bank Negara, tetapi CTOS ini masih diguna secara meluas.

Pengalaman saya..., saya hendak cerita pengalaman pahit sayalah. Apabila kita berniaga zaman meleset dahulu, zaman kejatuhan dahulu. Bukan banyak pun hutang dengan pihak bank, membeli mesin untuk berniaga tetapi apabila tidak boleh bayar dengan pihak bank nama kita disenaraihitamkan oleh pihak bank. Apabila kita dapat menjelaskan tuntutan mahkamah tersebut dan menyelesaikan segala hutang-hutang ini, pihak CTOS masih lagi menyimpan data tersebut. Selepas itu kita hendak pinjam hendak buat berniaga yang baru, memulakan hidup baru katakanlah bila kita sudah selesai hutang kita. Kita sudah *fresh*, mulakan hidup baru, kita pun hendak pinjam duit dengan bank, kita hendak buat *overdraft*. Nama kita masih ada di dalam CTOS.

Jadi pihak bank atau pihak yang mengeluarkan pinjaman terus menyatakan kita gagal mendapat pinjaman tersebut. Bukan sahaja *overdraft*, kad kredit pun sama. Kad kredit bukan banyak, RM10,000 atau RM20,000. Permohonan kita gagal disebabkan nama kita masih ada dalam CTOS, *overdraft* apatah lagi. Kadang-kadang kita hendak berniaga kita perlu *overdraft*. Kita juga - orang baru berniaga tahun 1985. Masa itulah kita pun hendak beli rumah, hendak pinjam duit daripada bank ataupun institusi kewangan tetapi, gagal disebabkan nama kita masih disenaraihitamkan. Saya hairan, semasa kita berhutang dengan bank maklumat masuk dalam CTOS.

Akan tetapi masa kita bayar hutang, jelaskan hutang, tindakan mahkamah dikeluarkan dan ditarik balik, CTOS tidak mengeluarkan maklumat tersebut. Masih menyimpan data ini. Ini tidak adil, tidak adil sama sekali. Sebab itu saya hendak mencadangkan hari ini kepada pihak kerajaan. Kita kena hapuskan CTOS ini, tutup sahaja CTOS ini. Kalau kerajaan kata pakai CCRIS, pakai CCRIS. Ini Bank Negara, arahan Bank Negara. Kenapa kita masih pakai CTOS?

Selain daripada itu saya juga ingin mengutarakan penyakit-penyakit yang lain. Apabila maklumat ataupun data peribadi kita diketahui oleh orang lain. Kita sentiasa tiap-tiap hari dikejar. Dikejar oleh pihak-pihak tertentu, pihak-pihak yang hendak menawarkan khidmat. Dahulu semasa kita tidak ada duit dalam bank, simpanan kita tidak ada duit, mereka tidak kejar. Akan tetapi apabila kita ada sedikit simpanan dalam bank, kita dikejar siang malam. Macam kita ini banyak duit sangat dikejar siang malam. SMSlah, telefonlah. Modus operandinya siapa?

*"Tuan..."*. dia tidak tahu, kita sudah "Datuk".

*"Tuan, saya hendak jumpa tuan 15 minit boleh tidak?"*... Sebab dia masih pakai maklumat lama - maklumat lama kita masih "tuan", tetapi ia tidak tahu kita sudah "Datuk."

*"Tuan, saya hendak jumpa..."*. Kita dengar. Eh! "Tuan" pula dia panggil kita.

*"Tuan, saya hendak jumpa 15 minit."*

*"Hendak jumpa apa, untuk apa?"*

*"Saya hendak menawarkan khidmat pelaburan yang akan menguntungkan tuan."*

*"Oh, hebatnya. Pelaburan apa?"*

*"Skim insurans. Insurans yang melabur lapan tahun dapat keuntungan ataupun dapat faedah 15%."*

*"Oh hebat!",* saya kata. Jawapan saya, *"Minta maaf. Dahulu hangpa tidak cari saya, sekarang hangpa kejar saya ke hulu ke hilir. Saya sudah ada insurans, ada pelaburan seperti ini."*

Selain daripada itu mereka ini menawarkan pelbagai jenis pelaburan. Kalau hendak sebut pelaburan amanah saham, *unit trust* Public Bank, Public Mutual, Bank Islam, macam-macam bank. Semua hendak menawarkan. Jadi saya percaya, dengan terlepasnya maklumat peribadi ini pada pihak-pihak tertentu, ia bukan sahaja pergi ke bank tetapi menjalar ke tempat-tempat yang lain. Sehingga kita tidak senang duduk setiap hari.

Ada yang menawarkan pakej pelancongan. Oh, cukup hebat bercuti di luar negara, di Eropah. Pakej pelancongan hanya membeli kad keahlian hotel yang tidak perlu bayar yuran. Hanya setuju sahaja, bagi nombor kad kredit maka dipotong terus dalam akaun kita di dalam kad kredit. Cukup senang mereka buat berniaga. Hari-hari kita tidak larat tepis. Sebab itu saya percaya dengan wujudnya Akta Perlindungan Peribadi ini, selepas ini tidak ada lagi orang hendak mengganggu kita. Mengganggu *call* lagi tengah malam, kadang-kadang dia SMS. Ia tidak peduli kita tengah tidur. Peduli apa, dia fikir dia hendak cari berniaga.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, maklumat peribadi ini digunakan secara SMS yang menawarkan pelbagai khidmat. Tadi ia telefon ini, ia pakai SMS. Peliknya, *Ah long* pun cari kita. *Ah long* SMS hendak bagi pinjaman segera.

"Anda memerlukan bantuan segera? Sila hubungi nombor-nombor sekian." Bukan *Ah long* saja, rumah urut pun sama. Rumah urut pun SMS nombor kita. Maklumat peribadi kita pergi ke rumah urut, pergi ke *Ah long*. Tidak dilindungi. Hendak urut apa?... [Ketawa]

Kadang-kadang mereka menggunakan kod Tuan Yang di-Pertua, kod ini bila kita hendak *trace* balik pun susah. Dengan 60203 hendak *trace* pun tidak boleh. Siapa yang menghantar ini? Khidmat rumah urut pakai 60203, kita hendak *trace* rumah urut mana? Sebab itu saya percaya - saya amat berterima kasihlah kepada kerajaan. Ini kerana akta ini amat perlu pada masa kini kerana ia melindungi kita dari diganggu oleh pihak-pihak yang berkenaan.

#### ■ 1700

Persoalannya nanti Menteri jawablah, SMS ini bukan termasuk dalam Akta Perlindungan Data Peribadi. Ia termasuk dalam Akta Komunikasi dan Multimedia tetapi, ia ada berkaitan. Menteri tolong tengok apabila SMS ini digunakan, dua-dua akta ini boleh...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Ya, sila.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Saya tertarik kepada dua perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat. Pertama yang berkaitan bersama dengan CTOS. CTOS ini telah lama wujud, ia adalah merupakan..., saya rasa sudah beberapa kali Yang Berhormat berulang kali di Dewan yang mulia ini telah membangkitkan hal CTOS ini. Akan tetapi sampai sekarang masih lagi tidak berjalan apa-apa. Pihak kerajaan menjawab bahawa CTOS ini sudah tidak pakai. Bank sudah tidak pakai lagi tetapi, hakikat sebenarnya bank-bank masih lagi menggunakan khidmat CTOS. Yang menjadi masalahnya, ia merupakan satu syarikat yang mengaut keuntungan yang operasinya. Sesiapa yang hendak maklumat ini, bank terpaksa kena bayar.

Apabila nama dimasukkan tanpa keizinan kita, atau memang hak dia hendak masukkan kita, saya tidak tahu macam mana dalam akta ini perlu kah ia mendapat kebenaran daripada kita untuk memasuki nama-nama kita dalam senarai yang dikatakan tadi tetapi, yang lebih menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, apabila selesai masalah yang kita ini, nama ini tidak pernah dipadam, 20 tahun kah, 30 tahun kah, begitulah adanya. Sebagaimana yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta penjelasan daripada Datuk Haji Rizuan. Tolong pendekkan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih. Yang keduanya ialah yang berkait sama dengan yang dikatakan SMS tadi. Saya pun menerima SMS begitu banyak daripada yang hendak menjual, terutamanya daripada AmBank. Tidak tahu waktu, hendak jual apa entah, tidak tahu. Kiri kanan, lelaki, perempuan, lelaki perempuan, besar... Hendak jumpa, hendak jual ini. Saya pun tidak bagi nombor-nombor ini tetapi telefon malamkah siangkah. Macam manakah maklumat-maklumat ini boleh sampai kepada perkara-perkara ini supaya boleh diaturkan supaya maklumat peribadi kita ini dapat dirahsiakan, apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Itulah saya setujulah pandangan tersebut.

Pertama sekali CTOS. Kita kena ambil tindakan dengan kerajaan. Pihak kerajaan kena ambil tindakan tegas. Kalau sudah sebut guna CCRS Bank Negara, CTOS tidak payah pakai lagi. Ini kita kena tegas. Jangan kita buat satu keputusan, selepas itu kita *double standard*. Selepas ini kita tidak mahu dengar lagi CTOS. Tutup sahaja *company* ini, cadangan saya.

Kedua, Tuan Haji Roslan bin Awang Chik menyebut tentang SMS ini. Memang apabila data peribadi ini pergi ke CTOS, pelbagai pihak akan mendapat maklumat daripada CTOS dengan hanya membayar yuran tertentu, RM300 atau RM200. Dapatlah maklumat, cukup senang. Jadi maklumat ini digunakan dalam SMS. Sebab itu saya cadangkan supaya biarlah maklumat ini menjadi rahsia peribadi. Kalau kita ada rahsia peribadi, kita ada penyakit disebut kesihatan, penyakit mental disebut dalam itu, penyakit jantunglah. Kita pun tidak hendak beritahu orang kita ada penyakit mental, sakit jantung. Itu yang kita hendak beritahu. Sebab itu saya percaya dengan adanya rang undang-undang ini, saya percaya akan datang ini, kehidupan kita akan lebih terjamin. Oleh sebab itu saya menyokong. Jadi akhir sekali saya dengan rasa rendah diri, menyokong usul untuk Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi 2009. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tidak ada sesiapa - Oh, minta maaf! Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

#### 5.07 ptg.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri. Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi 2009. Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi adalah penting dan amat diperlukan di Malaysia untuk melindungi maklumat-maklumat peribadi setiap rakyat memandangkan kemajuan dalam penggunaan teknologi multimedia dan teknologi komunikasi *internet* sudah menjadi salah satu keperluan asas semua manusia. Kerajaan harus teliti semasa melaksanakan Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi ini kerana ia melibatkan segala maklumat penting peribadi seseorang. Kerajaan juga harus melaksanakan undang-undang ini dengan cekap dan telus. Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa fasal di mana saya ingin menarik perhatian kementerian.

Fasal pertama yang saya tidak setuju ialah fasal 3. Fasal 3(1) menyatakan bahawa "*Akta ini tidaklah terpakai bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.*" Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan adalah agen pengumpulan data peribadi yang terbesar di Malaysia iaitu melalui pelbagai pendaftaran yang dibuat oleh rakyat dan pengutipan pelbagai cukai dari rakyat. Oleh itu, pengecualian Kerajaan Persekutuan dan negeri di bawah akta ini akan menjejaskan tujuan utama akta ini diperkenalkan.

Fasal kedua yang saya tidak setuju ialah fasal 10. Fasal 10(1) menyatakan bahawa "*Data peribadi yang diproses bagi apa-apa maksud tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan bagi memenuhi maksud itu.*" Fasal ini membolehkan agen pengumpulan data menyimpan data peribadi seseorang untuk jangka masa yang mereka suka dan saya cadangkan bahawa pembetulan fasal ini dan mencontohi akta perlindungan data peribadi di UK di mana ia telah menyatakan bawah agen-agen hanya dapat menyimpan data maklumat peribadi untuk jangka masa 40 hari sahaja.

Selain itu fasal 59, menyatakan bahawa suruhanjaya yang bakal ditubuhkan untuk mengurus dan menyelia harus bertanggungjawab kepada Menteri.

Saya sekali lagi tidak setuju dengan cadangan ini sebab suruhanjaya ini harus ditubuhkan sebagai satu badan yang bebas dan tidak bertanggungjawab kepada mana-mana Menteri supaya mereka dapat menjalankan tugas mereka tanpa sebagai pengaruh dari mana-mana pihak.

Fasal 39(1)(e) menyatakan penzahiran - *disclosure*, dengan izin, itu berjustifikasi oleh sebab ia berkepentingan awam dalam hal keadaan yang ditentukan oleh Menteri. Di bawah fasal ini berkepentingan awam tidak disenaraikan dan ia akan ditentukan oleh Menteri. Fasal ini memberi banyak kuasa kepada Menteri untuk menentukan apakah itu berkepentingan awam mengikut situasi dan ia membolehkan Menteri menyalahgunakan fasal ini terutamanya apabila ia melibatkan data maklumat peribadi ahli-ahli politik. Seperti istilah "berkepentingan awam", istilah "data sensitif" juga disenaraikan atau diberi panduan. Oleh itu saya minta dan cadangkan kepada Dewan ini untuk memberi garis panduan kepada suruhanjaya dan menyenaraikan contoh-contohnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah binti Hamat.

**5.09 ptg.**

**Puan Hajah Fatimah binti Hamat:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam*

**Puan Hajah Fatimah binti Hamat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009 ini. Saya difahamkan draf undang-undang ini telah dibuat sejak tahun 2000 lagi tetapi hanya dapat dibentangkan ke Dewan Negara sekarang kerana dikatakan mempunyai pelbagai kelemahan.

■ 1710

Apa yang mendukacitakan ialah ia mengambil masa yang agak lama iaitu sepuluh tahun sebelum dapat dibentangkan di Parlimen ini. Kenapakah kerajaan mengambil masa yang begitu lama untuk diperbaiki kerana ramai individu yang telah teraniaya khususnya disebabkan maklumat yang telah diberikan oleh CTOS kepada institusi perbankan dan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia agak terlewat memperkenalkan rang undang-undang ini kerana Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi ini telah diperkenalkan dan diamalkan di 90 buah negara. Walau bagaimanapun, saya difahamkan Malaysia tidaklah terlalu lewat kerana Malaysia adalah negara yang pertama sekali mewujudkan rang undang-undang ini di kalangan negara ASEAN. Malah Singapura juga dikatakan tidak mempunyai rang undang-undang seumpama ini. Saya juga berbangga kerana rang undang-undang yang diperkenalkan ini juga berdasarkan kepada piawaian antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dapat menghasilkan satu rang undang-undang yang amat penting dan memberikan manfaat kepada setiap rakyat di negara ini. Saya menyokong rang undang-undang ini kerana:



- (i) rang undang-undang ini melindungi data peribadi supaya data peribadi kita tidak lagi dapat di manipulasi oleh orang-orang ataupun agensi-agensi yang tidak bertanggungjawab;
- (ii) saya turut menyokong rang undang-undang ini akan dapat memastikan maklumat yang dibekalkan betul, lengkap, terkini dan tidak mengelirukan. Sehubungan itu saya ingin mendapatkan penjelasan apakah mekanisme yang akan diperkenalkan selari dengan rang undang-undang ini bagi melindungi *privacy*, dengan izin, dan keselamatan data peribadi individu;
- (iii) membolehkan setiap individu sebagai subjek data untuk mengambil tindakan atau akses ke atas data dan maklumat yang disimpan dan dimasukkan ke dalam pangkalan data supaya ia tidak mengelirukan. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar setiap individu dikecualikan dari sebarang fi jika untuk dirinya sendiri;
- (iv) rang undang-undang ini boleh membantu individu mengawal maklumat yang dimasukkan oleh pihak yang berkenaan dan kalau sekiranya terdapat kekeliruan dalam maklumat yang diberikan, ia boleh menjadi satu kesalahan jenayah; dan
- (v) individu secara peribadi boleh mengambil tindakan di mana sebelum ini kita tidak mempunyai peluang untuk mengambil tindakan dan sebelum ini juga kita tidak ada ruang untuk bertindak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya tentang perlindungan data peribadi ini, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung manfaatnya rang undang-undang ini dengan inisiatif kerajaan untuk menjadikan MyKad yang dikatakan mempunyai tujuh aplikasi dan menyimpan pelbagai maklumat peribadi terutamanya dari segi aspek *privacy*, dengan izin, dan *security*, dengan izin.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 18 Januari 2010 yang lalu telah melancarkan MyID yang menggunakan nombor MyKad sebagai rujukan tunggal untuk warganegara Malaysia yang berurusan dengan agensi kerajaan sebagai usaha untuk meningkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan dan memudahkan semua urusan dengan kerajaan. Oleh itu, saya ingin mendapatkan kepastian sama ada rang undang-undang ini hanya untuk tujuan komersial sahaja. Saya juga ingin mendapatkan sama ada ia juga diguna pakai untuk tujuan urusan kerajaan dan sebagainya. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat terima kasih. Cukuplah agaknya kerana kita banyak rang undang-undang lagi. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.14 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [Puan Heng Seai Kie]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas segala cadangan dan juga teguran yang telah diberikan untuk tujuan penambahbaikan.

Dan juga menjadikan rang undang-undang ini lebih sempurna dan kompeten. Keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat amat dihargai dan segala kemusykilan yang dibangkitkan tadi akan cuba saya jawab sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama iaitu yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan tentang selain daripada melindungi data peribadi dalam transaksi komersial, adakah rang undang-undang ini diwujudkan untuk tujuan yang lain? Jawapannya ialah tidak. Skop rang undang-undang ini adalah khusus untuk transaksi komersial sahaja.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bersama dengan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan di mana selama ini ramai rakyat Malaysia telah menjadi mangsa akibat daripada tiadanya perlindungan data peribadi.

Oleh itu, kini adalah tiba masanya perlu kita meluluskan rang undang-undang ini secepat mungkin demi kepentingan rakyat kita. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat Datuk, isu CTOS dan kad kredit adalah di bawah bidang kuasa Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit di bawah Kementerian Kewangan iaitu dengan izin, *Credit Reporting Agency* (CRA) sebagaimana yang ditafsirkan mengikut seksyen 4, Rang Undang-undang Data Perlindungan Peribadi seperti yang dinyatakan di muka surat 13, para yang terakhir.

Mengikut Jabatan Peguam Negara, sebenarnya CTOS tidak perlu berdaftar dengan Pesuruhjaya PDP. Untuk makluman Yang Berhormat juga, CRA telah pun diluluskan di Dewan Rakyat pada sesi yang lalu dan ia akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini selepas ini.

Bagi menjawab soalan yang dikemukakan serta dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan iaitu berkenaan dengan kenapakah rang undang-undang ini tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri? Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seperti mana yang sedia maklum, mana-mana negara di dunia seperti Britain, Australia, New Zealand dan sebagainya, sektor kerajaan mempunyai perundangan dan peraturan sendiri untuk mengawal dan menyelia data-data peribadi warganya seperti Akta Rahsia Rasmi, Perintah-perintah Am dan Akta Keselamatan. Ini adalah demi menjaga kepentingan dan keselamatan kenegaraan dan orang awam.

Tentang fasal 10 di mana Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan telah membangkitkan isu tentang tempoh penyimpanan data. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya fasal 10, memang didrafkan sedemikian rupa bagi membolehkan fleksibiliti. Ini adalah kerana terdapat keperluan yang berbeza-beza mengikut sektor di mana tempoh waktu bagi penyimpanan data adalah berbeza mengikut keperluan masing-masing. Contohnya, bagi bank ataupun pinjaman perumahan – data peribadi itu mungkin perlu disimpan selagi akaunnya masih aktif dan belum selesai pinjamannya. Oleh itu apa yang diamalkan di UK itu di mana data itu hanya boleh disimpan untuk 40 hari adalah tidak sesuai dan tidak munasabah.

#### ■ 1720

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan juga telah menyentuh tentang penyalahgunaan data di mana data itu tidak dilupuskan setelah ia digunakan. Jadi berkenaan dengan ini, berdasarkan kepada tujuh prinsip perlindungan data peribadi iaitu khususnya prinsip penyimpanan di bawah seksyen 10(2):

*“Setiap pengguna data wajib untuk melupuskan data peribadi individu sekiranya tujuan asal data tersebut tercapai dan tidak relevan atau tidak diperlukan lagi. Sekiranya pengguna data gagal mematuhi prinsip-prinsip ini, mereka boleh dikenakan denda sebanyak RM300 ribu atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali di bawah seksyen 5(2).”*

Maka dengan itu saya berharap saya telah dapat menjawab semua kemusykilan ataupun persoalan yang telah dibangkitkan oleh semua Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Bagi pihak kementerian dan kerajaan, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bersama-sama membahaskan rang undang-undang ini untuk tujuan penambahbaikan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

**Fasal-fasal 1 hingga 146** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PELAPORAN KREDIT 2009**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.26 ptg**

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009 iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan pengawal seliaan orang yang menjalankan perniagaan pelaporan kredit dan bagi perkara-perkara berkaitan dan bersampingannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. Awang Adek Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, dalam ekonomi moden ini, industri pelaporan kredit merupakan satu komponen penting dalam sistem kewangan negara. Perkongsian maklumat kredit yang efektif membawa manfaat bukan sahaja kepada peminjam dan pemberi pinjaman tetapi juga kepada negara dan rakyat. Perkongsian maklumat kredit telah mempermudah dan mempercepatkan proses permohonan pinjaman, meningkatkan akses kepada pinjaman, menurunkan kos pinjaman bagi majoriti peminjam serta meningkatkan keupayaan pengurusan risiko kredit institusi-institusi kewangan. Selain itu sistem perkongsian maklumat kredit yang efektif dan efisien dapat memupuk budaya serta amalan kredit yang baik serta membantu memastikan orang ramai tidak menanggung bebanan hutang yang berlebihan.

Walau bagaimanapun, kewujudan aktiviti agensi pelaporan kredit di Malaysia buat masa ini tidak tertakluk kepada undang-undang khusus. Ketiadaan undang-undang khusus untuk mengawal selia operasi serta tatacara perniagaan agensi pelaporan kredit telah menimbulkan masalah kepada peminjam dan orang ramai. Antara masalah-masalah utama yang dikenal pasti adalah seperti maklumat yang tidak tepat atau tidak dikemas kini, maklumat yang tidak lengkap seperti tiada nombor kad pengenalan yang boleh mengakibatkan kesilapan identiti. Ketiadaan ketetapan mengenai hak-hak peminjam dan orang awam dengan agensi pelaporan kredit dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh agensi pelaporan kredit di Malaysia. Masalah-masalah ini telah menjejaskan akses kepada pinjaman bagi segelintir masyarakat. Pada masa yang sama, peminjam dan orang ramai yang mempunyai masalah dengan agensi pelaporan kredit swasta tidak mempunyai tempat atau saluran yang khusus untuk membuat aduan serta mendapatkan pembelaan, melainkan melalui proses mahkamah yang mungkin melibatkan kos yang tinggi.

Sehubungan dengan itu, Jemaah Menteri telah memutuskan supaya dibuat kajian untuk menggubal undang-undang bagi mengawal agensi pelaporan kredit. Rang undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009 yang dicadangkan ini akan melengkapkan rangka kawal selia perlindungan data dengan memperluaskan skop perlindungan maklumat kepada maklumat kredit berhubung individu serta entiti bukan individu seperti syarikat perkongsian, koperasi dan lain-lain entiti perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009 adalah untuk menjamin perlindungan pengguna serta hak-hak privasi maklumat individu dan lain-lain entiti peminjam dengan mewujudkan rangka kawal selia bagi agensi-agensi pelaporan kredit swasta.

Pada masa yang sama, Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009 bertujuan untuk terus membolehkan perkongsian maklumat kredit secara efisien dan adil, pengurusan risiko kredit yang lebih baik serta budaya kredit yang berhemah. Berdasarkan matlamat-matlamat tersebut, Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009 mengandungi ciri-ciri utama seperti berikut:

- (i) rang undang-undang ini akan berkuat kuasa ke atas maklumat kredit individu, perniagaan, syarikat dan lain-lain entiti peminjam;
- (ii) agensi pelaporan kredit perlu berdaftar dengan Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit sebelum menjalankan perniagaan, rujukan kredit di Malaysia;

- (iii) agensi pelaporan kredit berdaftar tidak boleh menjalankan lain-lain bentuk perniagaan melainkan dengan kebenaran pendaftar; dan
- (iv) keperluan minimum untuk modal berbayar dikenakan ke atas agensi pelaporan kredit ditetapkan;

■ **1730**

- (v) Ketua Eksekutif dan Pengarah Agensi Pelaporan Kredit perlu memenuhi keperluan kriteria *fit and proper*.

Pelantikan pendaftar agensi pelaporan kredit bagi memantau dan mengawal selia agensi-agensi pelaporan kredit. Kriteria dan peranannya seperti berikut:

- (i) pegawai awam yang dilantik oleh Menteri Kewangan – memproses, meluluskan atau menolak permohonan pendaftaran agensi pelaporan kredit atau membatalkan pendaftaran agensi pelaporan kredit;
- (ii) menerima dan menyelesaikan sebarang aduan mengenai agensi pelaporan kredit atau pelanggaran peruntukan akta; dan
- (ii) melakukan penyiasatan terhadap agensi pelaporan kredit dan menyediakan tata amalan, garis panduan, pekeliling atau lain-lain apabila perlu.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kuasa Menteri Kewangan di bawah Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009, antara lainnya adalah seperti berikut:

- (i) menetapkan bayaran yang boleh dikenakan oleh agensi pelaporan kredit bagi sesetengah produk dan perkhidmatan yang diberikan;
- (ii) menerima rayuan dari agensi pelaporan kredit atau orang ramai yang tidak bersetuju dengan keputusan pendaftar;
- (iii) membuat apa-apa peraturan yang perlu bagi maksud pelaksanaan peruntukan akta;
- (iv) mengecualikan mana-mana orang daripada mana-mana peruntukan akta jika ianya selaras dengan maksud akta atau demi kepentingan awam; dan
- (v) peruntukan penalti dari segi denda berbentuk kewangan dan hukuman penjara ke atas mana-mana pihak yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah akta ini.

Dengan adanya Akta Agensi Pelaporan Kredit ini kelak, aktiviti-aktiviti agensi pelaporan kredit dan industri pelaporan kredit dapat dikawal selia dengan lebih teratur lagi. Masalah-masalah yang timbul sebelum ini ekoran daripada aktiviti agensi pelaporan kredit dapat diselesaikan dan sebarang masalah atau isu berkaitan maklumat kredit boleh disalurkan kepada pendaftar agensi pelaporan kredit untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan Rang Undang-Undang Agensi Pelaporan Kredit 2009, mengandungi sebanyak 77 fasal dalam sembilan bahagian dan empat jadual. Peruntukan-peruntukan rang undang-undang adalah diringkaskan seperti berikut:

Bahagian I merangkumi fasal 1 dan 2 memperkatakan perkara permulaan seperti tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa serta tafsiran bagi ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam akta.

Bahagian II akta yang mengandungi fasal 3 hingga fasal 10 memperkatakan pelantikan, fungsi-fungsi dan kuasa pendaftar agensi pelaporan kredit yang dipanggil pendaftar. Fasal 3 menerangkan pemberian kuasa kepada Menteri untuk melantik mana-mana pegawai awam sebagai pendaftar agensi rujukan kredit dan pelantikan berkenaan akan dimaklumkan melalui Warta Kerajaan.

Fungsi-fungsi dan kuasa pendaftar, pelantikan timbalan pendaftar, penolong pendaftar dan pegawai-pegawai juga dinyatakan dalam bahagian ini. Bahagian ini juga menetapkan tanggungjawab pendaftar untuk menyediakan Buku Daftar Agensi Rujukan Kredit yang mengandungi maklumat agensi-agensi rujukan kredit yang berdaftar di bawah rang undang-undang ini, serta mempertahankan kerahsiaan maklumat kredit pelanggan dengan melarang Menteri dan pendaftar daripada menyiasat secara khusus ke dalam hal ehwal kredit mana-mana pelanggan.

Bahagian III akta ini mengandungi fasal 11 hingga fasal 19 memperkatakan pendaftaran agensi pelaporan kredit. Ia juga mengandungi peruntukan mengenai rayuan terhadap keputusan yang telah dibuat oleh pendaftar dan apa yang boleh dilakukan dengan pangkalan data agensi pelaporan kredit yang dibatalkan pendaftaran yang telah diambil alih oleh pendaftar.

Bahagian IV akta yang mengandungi fasal 20 dan fasal 21, memperkatakan perkara-perkara berkaitan dengan pengurusan agensi pelaporan kredit. Antaranya ialah keperluan minimum modal berbayar sebuah agensi pelaporan kredit dan pelantikan ketua eksekutif dan pengarah sesebuah agensi pelaporan kredit.

Bahagian V akta yang mengandungi fasal 22 hingga fasal 31, memperkatakan peruntukan yang mengawal selia perjalanan perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh sesuatu agensi pelaporan kredit dan menghuraikan hak pelanggan yang maklumat kreditnya sedang diproses oleh agensi pelaporan kredit itu. Bahagian ini juga menjelaskan prinsip-prinsip memberi notis atau memohon kebenaran, *consent* yang perlu diikuti apabila agensi pelaporan kredit mengumpul, memproses, menggunakan dan menzahirkan maklumat kredit.

Peruntukan mengenai tanggungjawab agensi pelaporan kredit yang menyimpan maklumat kredit untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang berpatutan untuk memastikan maklumat kredit yang dikumpulkan adalah tepat, terkini, lengkap, relevan dan tidak mengelirukan juga dijelaskan dalam bahagian ini. Bahagian ini juga membuat peruntukan bagi pelanggan mendapat akses kepada maklumat kredit mereka yang disimpan oleh agensi pelaporan kredit. Hak pelanggan untuk memohon pembetulan dibuat ke atas maklumat kredit yang disimpan oleh agensi pelaporan kredit dan keadaan di mana agensi pelaporan kredit boleh menolak permohonan pembetulan berkenaan.

Bahagian VI yang mengandungi fasal 32 hingga fasal 40 memperkatakan peruntukan yang berhubung dengan pemeriksaan, aduan dan penyiasatan. Bahagian ini memberi kuasa kepada pendaftar untuk melakukan penyiasatan ke atas sistem maklumat yang digunakan oleh agensi pelaporan kredit. Ia juga menyatakan peruntukan mengenai aduan yang boleh dibuat oleh mana-mana pihak mengenai sebuah agensi pelaporan kredit atau maklumat kredit yang disimpan. Seterusnya memberi kuasa kepada pendaftar untuk membuat penyiasatan berkaitan aduan yang telah dibuat.

Bahagian VII akta yang mengandungi fasal 41 hingga fasal 58, memperkatakan peruntukan penguatkuasaan undang-undang ke atas agensi pelaporan kredit yang boleh dilakukan oleh pendaftar.

Bahagian VIII yang mengandungi fasal 59 hingga fasal 76, memperkatakan mengenai peruntukan pelbagai.

Bahagian ini antara lainnya mengandungi peruntukan mengenai rayuan kepada Menteri, pengecualian dan pemindahan maklumat kredit keluar Malaysia serta mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah rang undang-undang ini dengan persetujuan bertulis oleh pendakwaraya. Selain daripada itu, bahagian ini turut memperjelaskan tanggungjawab pendaftar berhubung pemeliharaan kerahsiaan.

Terdapat juga peruntukan mengenai imuniti kepada pegawai atau sesiapa yang dilantik untuk bertindak bagi pihak pendaftar dengan suci hati daripada tindakan guaman dan pendakwaan. Di samping itu, terdapat peruntukan yang memberi kuasa kepada Menteri untuk mengeluarkan peraturan meminda Jadual Pertama dan Kedua, dan pengecualian daripada Akta Perlindungan Data Peribadi.

Bahagian IX akta yang mengandungi fasal 77 memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan. Jadual Pertama memperkatakan butir-butir mengenai maklumat kredit.

Jadual Kedua memperkatakan pemberi kredit.

Jadual Ketiga memperkatakan kriteria ketua eksekutif dan pengarah hendaklah orang yang layak dan sesuai, *fit and proper*.

Jadual Keempat memperkatakan perjanjian langganan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Ada.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi, dan Kebudayaan II [Puan Heng Seai Kie]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran dan pengawalseliaan orang yang menjalankan perniagaan pelaporan kredit dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar.

**5.38 ptg.**

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut sama dalam membahaskan Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009.

Pembentangan Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009 ini adalah tepat masanya bagi membolehkan semua agensi pelaporan atau rujukan kredit diletakkan di bawah pengawasan kerajaan.

Ini kerana sebelum ini tiada akta yang khusus bagi mengawal agensi pelaporan kredit ini yang mana kredibilitinya bukan sahaja dipertikaikan tetapi telah menyusahkan ramai orang awam. Ini kerana maklumat yang diberikan kepada bank dan institusi kewangan tidak tepat dan tidak dikemaskinikan.

Langkah kerajaan memperkenalkan rang undang-undang ini amatlah dinanti-nantikan oleh rakyat kerana akan dapat mengatasi masalah orang awam yang teraniaya. Ini kerana institusi kewangan menggunakan khidmat syarikat rujukan status kewangan peminjam yang didapati tidak dikemaskinikan dan tidak bertanggungjawab kepada maklumat yang diberikan kepada bank dan institusi kewangan seperti CTOS.

**■ 1740**

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, berapakah jumlah agensi pelaporan kredit sedia ada termasuk yang diwujudkan oleh Bank Negara. Tuan Yang di-Pertua, akta ini dengan jelas bertujuan untuk memastikan semua agensi pelaporan kredit didaftar dan pengawalseliaan dapat dilaksanakan oleh kerajaan. Dalam hubungan ini fasal 3 akta ini akan membolehkan kerajaan akan melantik pendaftar agensi pelaporan kredit supaya dapat memainkan peranan pengurusan dan pentadbiran yang merangkumi tugas dan tanggungjawab antaranya melaksana dan menguatkuasakan akta ini dan bertanggungjawab bagi pemantauan, pengawalan, penyeliaan, dan pengawalseliaan agensi pelaporan kredit.

Peranan dan tanggungjawab ini amatlah penting bagi memastikan semua agensi pelaporan kredit didaftarkan sebagai mana fasal 2 dan agensi pelaporan kredit juga dilarang dari menjalankan perniagaan selain perniagaan perniagaan pelaporan kredit sebagaimana fasal 12 bagi memastikan agensi pelaporan kredit ini lebih profesional, cekap, dan bertanggungjawab.

Sebelum ini ada agensi rujukan kredit telah memberikan maklumat yang tidak dikemaskinikan menyebabkan walaupun seseorang individu itu telah bersih dari segala tanggungjawab tanggungan hutang, tetapi namanya masih ada dalam senarai CTOS menyebabkan tidak layak mendapat pinjaman. Saya percaya akta ini mampu mengatasi masalah ini apabila agensi pelaporan kredit akan lebih bertanggungjawab. Sehubungan dengan ini, saya ingin mencadangkan agar pendaftar agensi pelaporan kredit dibekalkan dengan kuasa untuk memeriksa maklumat agensi pelaporan kredit sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi memastikan maklumat yang diberikan sentiasa dikemaskinikan supaya tidak ada orang awam yang teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga akan menghilangkan kebimbangan orang awam mengenai kerahsiaan maklumat dan status kewangan individu yang kemudiannya disebar secara meluas kepada bank dan institusi kewangan kerana Bahagian V akta ini berhubung pengumpulan maklumat kredit.



Menyentuh fasal 22 akta ini yang menjamin bahawa agensi pelaporan kredit hanya boleh mendapatkan maklumat kredit seseorang itu jika:

- (i) ada maksud yang khusus dan tidak akan diproses tanpa sebab tertentu; Ini berbeza sebelum ini yang mana agensi rujukan kredit telah mengambil atau mendapat maklumat secara bebas dan memasukkan dalam pangkalan data yang kemudiannya dapat dirujuk oleh institusi kewangan.
- (ii) pengumpulan maklumat kredit itu mestilah atas keperluan atau tujuan yang dibenarkan; dan
- (iii) maklumat yang dibekalkan adalah sekadar yang wajar dan tidak berlebihan dengan maksud asal maklumat berkenaan diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama institusi kewangan tidaklah wajar hanya bergantung pada maklumat yang dibekalkan oleh agensi pelaporan kredit sahaja walaupun setelah akta ini diluluskan dan dikuatkuasakan. Saya ingin mencadangkan agar institusi kewangan dibenarkan menubuhkan agensi pelaporan kredit atau pangkalan data pelanggan atau bakal pelanggan sendiri bagi memastikan maklumat yang diperolehi tepat dan lengkap. Selain itu, akta ini juga wajar untuk melihat dari sudut hak individu yang mana kebenaran mestilah diperolehi dari individu atau pelanggan sebelum agensi pelaporan kredit mencari dan mendapat maklumat status kewangan individu kerana, walaupun pendaftaran agensi pelaporan kredit mempunyai bidang pengawal dan menyelia kegiatan agensi pelaporan kredit.

Akhirnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah merangka akta ini dengan lengkap dan teliti terutamanya untuk mengawal selia agensi pelaporan kredit ini supaya orang awam dapat dilindungi dari agensi pelaporan kredit yang tidak bertanggungjawab. Sekian, saya pohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

#### 5.46 ptg.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri saya ingin menarik perhatian kepada beberapa fasal sebelum keputusan dibuat. Pertama ialah fasal 22 (1) menyatakan prinsip-prinsip asas untuk pengumpulan maklumat-maklumat kredit seseorang. Fasal 22(3) menyatakan bahawa, "*Pengumpulan dan penggunaan maklumat kredit oleh suatu agensi pelaporan kredit di bawah subseksyen (1) tidak menghendaki persetujuan pelanggan yang berkenaan.*" Akan tetapi di fasal 23(1), ia menyatakan:

*"23(1) Suatu agensi pelaporan kredit hendaklah melalui notis bertulis memaklumkan seseorang pelanggan -*

- (a) *bahawa maklumat kredit mengenai pelanggan itu sedang diproses oleh atau bagi pihak agensi pelaporan kredit. .."*

Persoalan saya di sini ialah, mengapakah persetujuan seseorang pelanggan itu tidak dikehendaki tetapi notis akan diberi kepada seseorang pelanggan itu selepas maklumat-maklumat kredit mereka dikumpulkan dan sedang diproses oleh pihak agensi pelaporan kredit.

Persetujuan seseorang adalah sangat penting dan saya mendapati fasal 23 adalah sia-sia sahaja sedangkan fasal 22(3) tidak memerlukan persetujuan pelanggan berkenaan. Oleh itu, saya mencadangkan bahawa persetujuan seseorang pelanggan perlu dikehendaki di bawah fasal 22(3) di samping fasal 23. Selain itu, ringkasan hak seseorang pelanggan tidak disenaraikan di dalam Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit. Ia menyatakan bahawa ringkasan hak ini akan ditentukan oleh pendaftar iaitu kerajaan.

Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit yang dibentangkan ini telah mencontohi kod-kod di New Zealand. Akan tetapi di New Zealand ringkasan hak seseorang akan disertakan dalam notis bertulis semasa notis tersebut dihantar kepada pelanggan berkenaan. Disebabkan itu, saya minta ringkasan hak disenaraikan juga dalam permintaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi.

#### 5.49 ptg.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma mahu ambil satu soalan sahaja berkenaan dengan perbahasan Rang Undang-undang Agensi Pelaporan Kredit 2009 berkenaan dengan seksyen 16(1)(d) di mana terjemahan untuk di sini dibuat agensi pelaporan kredit itu sedang digulung atau selainnya dibubarkan yang mana merupakan terjemahan kepada "*revocation of registration a credit reporting agency is in the course of being wound up or otherwise dissolved.*" Saya minta sangat dalam keadaan kita mengatakan kita memartabatkan bahasa Melayu dan penterjemahan untuk rang undang-undang perkataan yang tidak perlu ini perlu dibuang.

Saya rasa cukup kalau kita kata agensi pelaporan kredit sedang digulung atau dibubarkan. Ini kerana perkataan yang "*otherwise dissolved*" itu bermaksud sedang. Jadi, dalam konteks ini saya minta terjemahan jangan dibuat verbatim untuk perkataan-perkataan undang-undang kerana ini akan mengelirukan. Itu sahaja. Terima kasih.

#### ■ 1750

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyokong sebenarnya kecuali satu atau dua permintaan supaya dikaji semula. Kita akan melihat cadangan-cadangan ini. Cuma apa yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar, berapakah syarikat pelaporan kredit sekarang. Ia sebenarnya ada lima buah syarikat, dengan lulusnya rang undang-undang ini nanti mereka mesti mendaftarkan diri.

- (i) CTOS Sdn. Bhd,
- (ii) RAM Credit Information Sdn. Bhd,
- (iii) Financial Information Services (FIS) Sdn. Bhd,
- (iv) SME Credit Bureau Sdn. Bhd; dan,
- (v) Dun & Bradstreet Malaysia Sdn. Bhd.

Ada sebuah di bawah Bank Negara Malaysia iaitu CCRIS. Ini tidak tertakluk kerana ini di bawah Bank Negara dan tidak tertakluk pada rang undang-undang ini. Jadi, ini diberi masa untuk mengemas kini operasi mereka selaras dengan rang undang-undang ini dan mereka mesti mendaftar dan memenuhi keperluan modal yang minimum dan seterusnya. Jadi, dalam jangka masa selama enam bulan tersebut mereka mesti mengguna pakai peruntukan-peruntukan yang telah dibuat.

Mengenai cadangan supaya terjemahan lebih dititikberatkan supaya tidak menimbulkan kekeliruan dan juga cadangan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi kita mengambil maklum cadangan-cadangan tersebut. Kita lihat bagaimana kita dapat memperbaikinya untuk pelaksanaan rang undang-undang ini nanti. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada semua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 77** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Jadual** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) (PINDAAN) 2010**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.56 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976, dibacakan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 yang diwujudkan bagi mengawal selia tatatertib pelajar dan kakitangan di institusi pendidikan.

Institusi pendidikan yang dimaksudkan ialah termasuklah Institut Pendidikan Guru, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Matrikulasi, Politeknik dan Kolej Komuniti iaitu seperti yang dinyatakan dalam Jadual pertama akta ini.

Walaupun Akta 174 ini menyediakan peruntukan perundangan berkaitan etika dan disiplin pelajar namun ia tidak terpakai ke atas universiti dan kolej universiti awam di Malaysia. Hal ini kerana kedua-dua jenis institusi tersebut adalah di tadbir di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU). Di samping itu, Akta 174 ini juga tidak terpakai ke atas Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah dikecualikan kerana ditubuhkan di bawah triti antara kerajaan Malaysia dengan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC). Dalam hal ini tadbir urus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia adalah berdasarkan pada Perlembagaannya sendiri yang bersumberkan pada Akta Syarikat 1965.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 174 ini telah diwartakan pada 31 Mei 1976 dan mula berkuat kuasa pada 1 Jun 1976. Sejak mula Akta 174 ini berkuat kuasa, ini adalah kali pertama Akta 174 ini dipinda dengan tujuan untuk memastikan akta ini kekal relevan dengan perkembangan pendidikan semasa khususnya dalam memantapkan pengurusan tatatertib pelajar di institusi-institusi pendidikan yang berkaitan. Pada masa ini, peruntukan AUKU yang berkaitan dengan etika dan disiplin pelajar telah dipinda dan diluluskan oleh Parlimen yang mulia ini.

Selaras dengan pindaan yang dibuat terhadap AUKU tersebut bagi tujuan konsistensi, Akta 174 juga perlu dipinda sebagai usaha untuk memastikan hak dan keistimewaan yang sama dapat dimanfaatkan oleh pelajar di Institut Pendidikan Guru, UiTM, kolej matrikulasi, politeknik dan kolej komuniti. Amalan semasa bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan tatatertib kakitangan di UiTM seperti yang dinyatakan dalam seksyen ini adalah dikawal selia oleh Akta Badan-badan Berkanun (*Discipline & Surcharge*) 2000, [Akta 605].

#### ■ 1800

Manakala bagi institusi pendidikan lain seperti yang dinyatakan dalam jadual pertama Akta 174, undang-undang yang berkuat kuasa untuk mengawal selia tata tertib kakitangannya adalah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Oleh itu, pindaan ini mencadangkan supaya peruntukan pada seksyen 4 yang berkaitan dimansuhkan daripada Akta 174 memandangkan ianya tidak lagi relevan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat terhadap peruntukan berkaitan dalam Akta 174 ini adalah selaras dengan pindaan yang telah dibuat dalam AUKU berhubung hak dan kebajikan pelajar terutamanya dalam usaha untuk menjamin hak pelajar dalam pengendalian kes-kes disiplin.

Pindaan ini akan memantapkan lagi tatatertib pengendalian kes tatatertib pelajar di institusi kerana pelajar akan diberi hak-hak seperti hak untuk diberitahu alasan sesuatu tindakan disiplin diambil ke atasnya, hak untuk diwakili oleh mana-mana pekerja atau pekerja lain semasa kes perbicaraan, hak untuk membuat representasi dan hak untuk membuat rayuan kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar. Selain itu, tempoh masa untuk sesuatu perbicaraan dan keputusan perbicaraan juga telah ditetapkan secara spesifik dalam pindaan ini. Ia bertujuan untuk memastikan pelajar mendapat keadilan sewajarnya.

Di samping itu, jika pelajar berkenaan dikenakan tahanan sama ada di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ataupun dipenjarakan, pindaan ini akan membolehkan mereka mendapat hak untuk menduduki peperiksaan di tempat yang akan ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dalam negeri atau pihak berkuasa berkaitan. Dengan ini, ia akan memastikan hak pelajar tersebut dalam ini untuk mendapat peluang pendidikan tidak akan terabai.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini juga akan turut menambah baik peruntukan berkaitan pertubuhan pelajar. Melalui pindaan ini, pertubuhan pelajar yang akan digantung atau dibubarkan oleh pihak institusi akan diberi hak atau peluang untuk membuat representasi secara bertulis kepada pihak institusi. Sekiranya pertubuhan tersebut tidak berpuas hati terhadap keputusan yang diberikan, mereka dibenarkan untuk membuat rayuan kepada Menteri yang bertanggungjawab.

Tatacara ini dilihat sebagai selaras dengan prinsip asas undang-undang iaitu hak untuk didengar. Selain itu, sebagai usaha untuk memastikan hak dan kebebasan pelajar tidak dikongkong dan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, pelajar turut dibenarkan untuk berpersatuan dan menubuhkan persatuan. Namun demikian, ini tidak bermakna mereka boleh melakukan secara sukarela hati sahaja.

Pindaan yang dicadangkan ini amat mementingkan kebebasan pelajar dalam berpersatuan, namun pada masa yang sama juga tidak akan berkompromi dengan faktor-faktor yang boleh merosakkan imej institusi. Walaupun pelajar diberi kelonggaran untuk menyuarakan pandangan atau pendapat dalam perkara yang melibatkan kepentingan akademik dan persatuan yang mereka anggotai, sekatan masih dikenakan terhadap beberapa perkara seperti penglibatan dalam parti politik, pertubuhan yang diharamkan kerajaan dan persatuan yang tidak sesuai dengan status mereka sebagai pelajar sesebuah institusi.

Pindaan ini juga akan menjadikan kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta 174 ini hanya sebagai satu kesalahan tatatertib sahaja dan bukan lagi kesalahan jenayah. Walau bagaimanapun, ia tidak pula bermaksud bahawa pelajar yang melakukan kesalahan jenayah akan terlepas daripada tindakan undang-undang. Sekiranya pelajar terlibat dengan kesalahan jenayah, kesnya akan dikendalikan berdasarkan undang-undang negara yang berkaitan jenayah seperti Kanun Keseksaan, Akta Polis, Akta Hasutan dan akta-akta lain yang berkaitan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan juga akan memberi kesan dan berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang lain. Sehubungan dengan itu, pindaan kecil juga telah dibuat untuk mengemaskinikan peruntukan Akta 174 agar selaras dengan pindaan yang dibuat, peruntukan yang lain serta amalan pelaksanaan semasa. Pindaan yang disebut dalam Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2010 ini akan membolehkan Akta 174 kekal relevan dengan perkembangan pendidikan semasa khususnya dalam memantapkan pengurusan tatatertib pelajar di institusi pendidikan yang berkaitan.

Di samping itu, pindaan ini diharap akan dapat terus menjamin hak dan kebajikan pelajar di institusi selaras dengan peruntukan yang diberikan kepada rakan-rakan mereka di institusi pendidikan tinggi yang lain. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2010 ini mengandungi 14 fasal. Sehubungan dengan itu, butiran terperinci mengenai rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadang.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 174 untuk memasukkan takrif baru dan untuk meminda takrif sedia ada yang digunakan dalam Akta 174.

Fasal 3 bertujuan untuk memotong seksyen 4 Akta 174 mengenai tatatertib kakitangan suatu institusi. Peruntukan itu tidak berguna lagi memandangkan perkara yang berhubungan dengan tatatertib bagi kakitangan Universiti Teknologi Mara yang merupakan suatu pertubuhan perbadanan yang pada masa ini di kawal selia oleh Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 iaitu Akta 605. Sementara kakitangan institusi lain yang dinyatakan dalam jadual pertama Akta 174 yang merupakan pekhidmat awam pula ditadbir oleh Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 5 Akta 174 untuk menambah baik tatacara bagi melindungi pelajar dan prosiding tatatertib.

Fasal 5 bertujuan untuk menggantikan seksyen 9 Akta 174 untuk memberi JPP, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar sesuatu institusi hak untuk membuat representasi bertulis sebelum apa-apa penggantungan dan pembubaran dibuat terhadap JPP, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar institusi itu oleh Ketua Eksekutif. Fasal ini juga mewujudkan hak untuk merayu kepada Menteri.

Fasal 6 bertujuan untuk menggantikan seksyen 10 Akta 174 untuk memberi pelajar dan pertubuhan pelajar kebebasan berpersatuan tertakluk kepada sekatan berhubung dengan parti politik, pertubuhan yang menyalahi undang-undang dan pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang dikenal pasti oleh menteri sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau badan pelajar itu.

Sebagai tambahan, Ketua Eksekutif boleh atas permohonan seorang pelajar mengecualikan pelajar itu daripada sekatan yang disebut dalam perenggan 1(a) yang dicadangkan. Ini akan membolehkan seorang ahli politik yang bergiat di dalam mana-mana parti politik mendaftar sebagai pelajar suatu institusi tanpa perlu melepaskan kerjaya politiknya.

Subseksyen 6 yang dicadangkan bertujuan untuk meluaskan ruang lingkup kebebasan bercakap dan bersuara mengenai perkara akademik oleh seseorang pelajar.

Pindaan subseksyen 7 yang dicadangkan bertujuan untuk menghapuskan penalti jenayah yang diperuntukkan di bawah seksyen ini dan untuk menggantikannya dengan tatatertib pelajar. Penghapusan penalti jenayah yang dicadangkan dalam seksyen ini adalah selaras dengan semangat yang ada dalam undang-undang yang mentadbir pendidikan tinggi.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 11, Akta 174. Penalti jenayah dalam subseksyen 2 digantikan dengan tindakan tatatertib dan bagi memperuntukkan autonomi kepada suatu institusi kuasa untuk memberi pengecualian di bawah subseksyen 3 sekarang diberikan kepada Ketua Eksekutif.

Fasal 8 bertujuan untuk menggantikan seksyen 12, Akta 174 untuk memperuntukkan bahawa jika sesuatu kesalahan boleh daftar telah dilakukan atas nama atau bagi pihak mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar sesuatu institusi, mana-mana pelajar yang disabitkan atas kesalahan itu boleh dikenakan tindakan tatatertib.

**■ 1810**

Manakala pertubuhan dan badan keperluan pelajar itu boleh digantung atau dibubarkan. Penggantian kesalahan jenayah dengan kesalahan tatatertib dalam akta dicadangkan menjadikan seksyen 13 akta 174 tidak lagi terpakai dan justeru dipotong dalam fasal 9. Fasal 10 bertujuan untuk menggantikan seksyen 14 akta 174.

Seksyen 14 yang baru mencadangkan *relief* kepada pelajar yang menghadapi pertuduhan jenayah, penahanan, perintah sekatan atau pemenjaraan.

Subseksyen 1 bertujuan untuk memberikan budi bicara kepada ketua eksekutif untuk memutuskan sama ada atau tidak untuk menggantung seseorang pelajar yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan boleh didaftar.

Subseksyen 2, dan subseksyen 3 menjadikan seorang pelajar yang disabitkan atas sesuatu kesalahan boleh didaftarkan atau ditahan atau tertakluk kepada sesuatu perintah sekatan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan berhubungan dengan tahanan pencegahan atau keselamatan dalam negeri boleh dikenakan tindakan tatatertib dan dia tidak dengan serta-merta terhenti menjadi seorang pelajar di bawah hal keadaan sedemikian menurut kuasa peruntukan yang sedia ada.

Subseksyen 4 bertujuan untuk membenarkan seseorang pelajar yang diletakkan di bawah tahanan atau tertakluk kepada suatu perintah yang menghentikan sekatan ke atasnya atau yang sedang dijalankan untuk menduduki peperiksaan jika diizinkan oleh ketua eksekutif. Ini tertakluk kepada satu perintah yang dibuat atau kelulusan yang diberikan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri atau mana-mana pihak berkuasa berwibawa mengikut kehendak keadaan.

Subseksyen 5 dan subseksyen 6 masing-masing bertujuan membenarkan seseorang pelajar yang digantung daripada suatu institusi atau seseorang pelajar yang terhenti menjadi seorang pelajar suatu institusi di bawah akta 174 untuk mengikuti pengajiannya di mana-mana institusi lain atau universiti dengan kelulusan bertulis Menteri. Pindaan ini adalah selaras dengan hak bagi pelajaran untuk semua.

Subseksyen 7 dan subseksyen 8 bertujuan untuk memperuntukkan bahawa tempoh pergantungan, penahanan atau sekatan tidak boleh diambil kira dalam pengiraan tempoh maksima yang dibenarkan untuk menyempurnakan khusus pengajian. Dalam pengiraan keputusannya apabila seseorang pelajar dilepaskan atau dibebaskan daripada suatu kesalahan boleh daftar atau dilepaskan daripada tahanan atau sekatan yang dikenakan ke atas dibatalkan.

Pemotongan yang dicadangkan kepada seksyen 15 dan seksyen 16, masing-masing dalam fasal 11 dan fasal 12 merupakan pindaan berbangkit oleh sebab langkah menjadikan pelajar sekarang tertakluk kepada tindakan tatatertib dengan perlindungan tatacara tertentu yang ditetapkan bagi apa-apa salah laku yang dikatakan.

Fasal 14 memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan pindaan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam perkara ini ialah pindaan yang kecil atau berbangkit. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]:** Ya, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Dipersilakan Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

**6.14 ptg.**

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

Terdapat beberapa isu yang saya ingin kemukakan kepada pihak Menteri. Pertama, berkaitan dengan berapakah jumlah pelajar pengajian tinggi yang telah pun digantung sejak daripada akta ini digubal pada tahun 1976 sehingga sekarang? Itu yang pertama.

Kedua, adakah pelajar-pelajar yang telah pun kita gantung daripada pusat-pusat pengajian tinggi ini yang sekarang tidak meneruskan pelajaran mereka ini dibenarkan untuk menyambung kembali pelajaran mereka di mana-mana universiti yang mereka telah digantung apabila mana akta ini diluluskan? Kerana ini merupakan masa depan pelajar tersebut, saya rasa banyak lagi kes-kes pelajar yang digantung. Adakah mereka akan dibenarkan semula untuk menyambung pelajaran mereka yang kedua?

Manakala yang ketiga, bolehkah pihak kementerian menyatakan berapakah bilangan kes-kes tatatertib yang telah pun dilaporkan kepada kementerian? Daripada jumlah kes yang dilaporkan apakah kes yang melibatkan kesalahan tatatertib yang melibatkan kes-kes sosial?

Oleh sebab pelajar-pelajar yang hendak masuk ke IPTA adalah pelajar-pelajar yang telah pun cemerlang dalam pelajaran mereka di peringkat SPM dan mereka ini amat cemerlang dan diharapkan akan menjadi aset negara. Sekiranya mana-mana universiti mencatatkan keputusan ataupun bilangan kes-kes yang banyak, adakah tindakan ataupun surat tunjuk sebab diminta kepada ketua eksekutif untuk dibentangkan kepada kementerian?

Ini kerana kita hairan kalau di peringkat mereka remaja, mereka adalah pelajar cemerlang. Kenapa masuk universiti tiba-tiba pelajar ini yang sepatutnya lebih baik menjadi berubah? Saya rasa tidak adil untuk kita mengenakan tindakan tatatertib kepada pelajar tanpa kita mengambil tindakan yang sama kepada ketua eksekutif, ketua hal ehwal pelajar ataupun pensyarah-pensyarah. Ini merupakan satu KPI yang perlu ditunjukkan oleh pihak universiti. Sasaran kita bukan hanya untuk melahirkan pelajar yang cerdas tetapi pelajar yang berakhlak.

Seterusnya dikatakan pindaan ini adalah untuk menggalakkan pelajar-pelajar kita terlibat dengan persatuan-persatuan. Saya pohon untuk mendapatkan respons daripada pihak kementerian bagaimana galakan dibuat oleh pihak kerajaan bagi memastikan hasrat pindaan ini menjadi kenyataan. Ini kerana kita lihat hari ini fenomena remaja kita ataupun pelajar-pelajar universiti, mereka lebih gemar untuk tidak terlibat dengan kokurikulum ataupun persatuan-persatuan kerana ini lebih membebaskan.



Saya juga ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa sekiranya pemberat 90% kepada pencapaian akademik dan 10% kepada pencapaian kokurikulum tidak diubah sebagai polisi kerajaan, apa-apa pindaan untuk menggalakkan pelajar-pelajar kita menjadi lebih aktif, lebih produktif tidak akan menjadi kenyataan. Ini kerana pada mana-mana pelajar ingin terlibat sebagai pemimpin pelajar, pengorbanan mereka jauh dengan pelajar-pelajar yang hanya menjadi pelajar biasa. Jadi tidak munasabah untuk kita menghukum kepada pelajar-pelajar yang telah berkorban masa, berkorban cuti, berkorban duit, berkorban perasaan semata-mata untuk memastikan mereka terlibat dalam aktiviti aktiviti yang telah pun diadakan di universiti.

Begitu juga dengan peruntukan nombor lima di bawah seksyen 3B di mana diberi peluang katanya. Untuk diberi peluang kepada seorang pelajar institusi hendaklah mempunyai hak untuk diwakili oleh seseorang kakitangan ataupun pelajar lain institusi itu dalam mana-mana prosiding tatatertib yang diambil terhadapnya. Bila mana kita seorang pelajar cemerlang, anggapan keluarga kita cemerlang, kita dikenakan tindakan tatatertib. Ini merupakan satu titik hitam yang saya rasa mana-mana mahasiswa ingin elakkan.

Adakah munasabah untuk kita katakan bahawa pelajar tersebut ataupun pelajar aktif tersebut akan dihadapkan untuk tindakan prosiding tatatertib dengan hanya diwakili oleh seseorang kakitangan atau pelajar lain institusi itu. Kerana ini merupakan satu kesalahan yang saya rasa cukup tidak cantik untuk *layman* mungkin lain, tetapi ini untuk pelajar. Saya pohon diberikan peluang untuk sama ada untuk mendapatkan orang yang pakar dalam bahagian undang-undang ataupun peguam diberikan akses kepada pelajar-pelajar tersebut walaupun hanya untuk tindakan tatatertib. Ini adalah masa depan mereka. Sebarang penggantungan sama ada tiga bulan, tiga tahun ataupun tiga hari akan impak kepada emosi dan juga maruah pelajar tersebut.

Begitu juga dengan kes - Berapa lama pelajar ini akan digantung? Kalau kita kata sekarang ini bukan jadi jenayah cuma jadi tindakan tatatertib. Berapakah had tatatertib ataupun hukuman paling maksimum yang boleh dikenakan oleh mana-mana universiti terhadap mana-mana pelajar atas kesalahan-kesalahan yang telah pun mereka buat? Begitu juga dengan diberitahu bahawa akta ini terlibat kepada IPTA tertentu. Bagaimana pula dengan matrikulasi? Adakah ia juga akan terlibat dengan akta yang sama?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang notis. Bagaimana notis diberikan kepada pelajar-pelajar yang menerima ataupun yang dikatakan akan dikenakan tindakan tatatertib? Adakah notis ini akan dipastikan dan betul-betul diterima oleh pelajar kerana kita tidak mahu terdapat sebarang penyelewengan.

#### ■ 1820

Bagaimana pula universiti sebagai tempat untuk mendidik akan memberi kaunseling ataupun rawatan secara perbincangan dengan pelajar-pelajar yang telah dikenakan hukuman tatatertib. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pelajar-pelajar yang dikenakan tindakan perbincangan tatatertib ini akan diberikan untuk mendapatkan nota keterangan kerana ini merupakan tentang masa depan mereka.

Berkenaan dengan bahawa pihak ketua eksekutif boleh membatalkan atau membubarkan mana-mana JPP.

Saya rasa pilihan raya kampus dibuat dengan kos yang agak tinggi, pemilihan dan pelantikan pelajar-pelajar sebagai pemimpin pelajar dalam sebuah pertubuhan juga adalah dibuat di dalam keadaan yang cukup baik. Sekiranya mana-mana perbuatan yang berlaku, yang menyebabkan JPP ini boleh dibubarkan, saya minta pihak kerajaan memberikan perkara yang lebih jelas, apakah contoh-contoh perkara yang mungkin JPP ini perlu dibubarkan? Ini kerana saya rasa ini tidak cukup sihat untuk kita, bagi memastikan pelajar-pelajar ini boleh berkembang dengan baik sekiranya perkara ini tidak jelas.

Berkenaan dengan seksyen 14(6), sekiranya pelajar tersebut boleh menyambung semula pelajaran sekiranya dibenarkan Menteri. Saya ingin tanya, berapakah tempoh masa, adakah ada had masa daripada satu universiti ataupun dimasukkan semula, ada had masa selama mana mereka ini perlu, dan ada jarak daripada tindakan itu, sambung balik, ada tempoh masa yang diberikan ataupun tidak?

Saya juga melihat pada seksyen di mana dikatakan bahawa mana-mana pelajar yang membuat tindakan yang nampaknya seperti pro kepada mana-mana parti politik ataupun dalam ataupun luar negeri ataupun pertubuhan. Saya ingin tanya kepada pihak kerajaan, kalaulah perkara ini kita kata ditubuhkan persatuan-persatuan di universiti, setakat mana perkara ini kita boleh tafsirkan sebagai sokongan atau simpati? *Limit* nya, sebab saya rasa sokongan atau simpati ini atau dengan atau bangkangan terhadap ini, saya agak macam mengelirukan, jadi macam mana? Kalau bangkangan pun tidak boleh, simpati pun tidak boleh, jadi kalau mereka hendak bercakap, adakah mereka perlu hanya mengatakan agensi 'X' parti 'X', atau macam mana supaya mereka ini tidak dikenakan dan dituduh di bawah akta ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Idris Buang.

**6.22 ptg.**

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja ya. Ini tentang disiplin. Selalunya masalah disiplin ini selepas berlaku ada tatatertib dan sebagainya. Seperti mana Yang Berhormat Hajah Mumtaz bilang tadi, impak kepada seseorang pelajar yang bermasalah dengan tatatertib ini sangat besar. stigma yang menimpa dia dan keluarga dia sangat besar. Masalahnya juga akan berlarutan pada masa depan dia. Jadi di dalam negara kita menempah satu model ekonomi baru yang ingin modal insan itu menyerlah supaya kita dapat *high income society* ataupun *community*, dengan izin.

Kita minta kalau boleh pelajar-pelajar diberi yang terbaik supaya tidak terdedah kepada mana-mana permasalahan tatatertib ataupun ciri-ciri yang boleh mempengaruhi mereka. Jadi saya lebih menekankan kehendak, *prevention is better than cure*, dengan izin. Kita harus menghalang apa jua pun daripada tatatertib ini tercemar di kalangan para pelajar, oleh mereka sendiri. Jadi kalau boleh pihak yg berwajib dengan kerjasama pihak polis, aturkanlah program bersama pelajar, bersama persatuan pelajar supaya lebih banyak interaksi dengan polis. Kalau boleh macam Rakan Cop, sebarkan atau memperluaskan lagi program dengan Rakan Cop supaya mereka sedar dan selalu mendampingi undang-undang.

Kalau mereka dirapati dan selalu didekati oleh orang yang bertanggungjawab dengan undang-undang, orang yang sentiasa mengingatkan mereka tentang jangan buat salah dan sebagainya, mereka akan jadi lebih akur kepada undang-undang.

Kalau tidak orang yang mempunyai pengaruh seperti orang luar dari pusat pengajian tinggi seperti manalah yang kita tahu akan mengambil peluang *to fill in the gap* dengan izin. Jadi kita minta kalau ada polis, Rakan Cop dan mana juga badan yang lain, aturkan program. Kalau RELA dapat diserapkan kepada mereka, masukkan, kadet polis serta program yang lain-lain yang berunsurkan menaikkan taraf atau nilai peribadi mereka dari segi *character building*, dengan izin.

Ini disebabkan, kehidupan mereka di institusi pelajaran tinggi ini adalah satu masa yang singkat tetapi begitu penting untuk *process of going up*, dengan izin. Kalau boleh aturkanlah program sebaik-baiknya. Jangan selepas terjadinya, baru kita hendak cuba perbetulkan seseorang itu, itu satu. Kedua, jika ada permasalahan yang ada nampak, mintalah program kaunseling itu awal-awal dibuat supaya seorang itu dapat diselamatkan. Kalau boleh selamatkan, kata Orang Putih lah dengan izin, *we have to save the chef from the fire*, kalau sempat, kita selamat, walaupun dia sudah masuk di dalam api, selamatkan supaya ia tidak terbakar, hangus, dengan izin. Kalau boleh itu yang saya hendak tekankan. Sekian, terima kasih. Saya menyokong rang undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamad bin Yusop.

**6.27 ptg.**

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin mengambil bahagian sekadar melontarkan satu dua persoalan dalam perbahasan ini. Saya tidak arif untuk menterjemahkan kesemua undang-undang ini. Persoalannya ialah kalau zaman saya belajar dahulu awal 70-an, ramai di antara pelajar-pelajar termasuk beberapa orang kakitangan akademik yang ditahan di bawah ISA, ada yang dua minggu, ada yang dua bulan, ada yang bertahun-tahun. Akta Pelajaran pada ketika itu barangkali belum dikemaskinikan atau dikuatkuasakan sepenuhnya tetapi pelajar-pelajar ini diberi peluang, tidak diambil tindakan, diberi peluang belajar menyambung pelajaran mereka tanpa prejudis.

Apakah keadaannya sekarang ini sekiranya berlaku pelajar-pelajar atau kakitangan akademik yang ditahan di bawah ISA? Pensyarah saya Profesor Dr. Syed Husin, dia ada pengalaman. Apakah peluang mereka ini untuk menyambung semula sebagai pelajar ataupun kalau dia seorang pensyarah, apakah dia menerima juga kemudahan-kemudahan yang semasa mereka ini dibawa dalam tahanan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Haji Zamri.

**6.29 ptg.**

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan ruang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib)(Pindaan) 2010.

**■ 1830**

Tuan Yang di-Pertua kita melihat institusi-institusi pengajian dan pendidikan yang diadakan dengan niat murni untuk kita berikan ruang pendidikan dan ruang pelajaran kepada pelajar-pelajar untuk menimba ilmu yang bagi melanjutkan pelajaran sebagai generasi pelapis masa depan. Jadi yang kita ingin tanyakan kepada kementerian ialah dalam pindaan ini, adakah pindaan ini dilakukan dengan keinsafan melihat gejala ataupun masalah yang berlaku di kalangan generasi yang ada ini? Apakah jaminan dengan pindaan ini akan memperbaiki keadaan dan membolehkan keadaan ini keadaan pelajar dan sahsiah mereka dibina dengan lebih baik melalui pindaan dan juga ruang lingkup yang diadakan ini?

Keduanya saya ingin juga, ingin penjelasan daripada pihak kementerian berhubung dengan perkara 6, seksyen 10(1) ini di mana dia di sana diberikan ruang kepada ketua eksekutif untuk mentakrifkan ataupun meletakkan kriteria kepada mana-mana persatuan yang dibenarkan untuk pelajar-pelajar menganggotai sebagai satu daripada cabang untuk mereka mengembangkan pemikiran sementara mereka berada di pusat pengajian. Jadi yang kita hendak tahu apakah telah diadakan senarai sedia ada persatuan ataupun apa-apa pertubuhan yang dibenarkan untuk mereka menganggotainya dan jika ya ataupun tidak apakah kriteria yang pelajar-pelajar perlu berikan perhatian untuk mendapatkan senarai ataupun membolehkan mereka memohon untuk terlibat sama dalam persatuan.

Ketiganya saya ingin menarik perhatian tentang muka surat 11, daripada perkara 13 itu. Dalam hal ini disebutkan bagaimana Menteri boleh mewakilkan. Jadi dari segi perkataan Menteri boleh mewakilkan itu. Saya ingin penjelasan daripada pihak Menteri apakah kriteria yang ditetapkan untuk membolehkan seseorang itu mewakili Menteri dalam membuat keputusan yang terlibat di bawah seksyen 13(1) ini. Jadi itu sahaja, saya harapkan pindaan ini dibuat dengan satu niat ataupun keinsafan untuk membolehkan sahsiah generasi yang akan dibina ini akan menjadi lebih baik. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

**6.32 ptg.**

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua. Kesan saya seimbab lalu mungkin tepat mungkin tidak bahawa pindaan ini lebih mengarah kepada langkah-langkah yang bersifat punitif, hukuman. Saya rasa dalam usaha kita membina watak pelajar-pelajar ini yang lebih patut ditekankan ialah pembinaan watak yang lebih konstruktif dan positif sifatnya. Oleh kerana itu daripada menekankan kepada tindakan-tindakan yang punitif ini ada lebih baik barangkali kalau ditekankan usaha-usaha yang lebih *educational* sifatnya. Umpamanya memastikan persatuan-persatuan pelajar, pemimpin-pemimpin pelajar berinteraksi secara lebih sihat dan lebih terbuka dengan setiap pihak.

Kecenderungan di IPTA-IPTA sejak akhir-akhir ini pada pandangan sepintas lalu saya ialah pensyarah-pensyarah muda, pensyarah-pensyarah pertengahan umur kurang terlibat dalam kegiatan-kegiatan pelajar. Saya ingat dahulu dalam tahun 70-an apabila pelajar-pelajar Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya umpamanya mengadakan kegiatan-kegiatan seperti *Great Economic Debates*, dia melibatkan pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah bekerjasama untuk menjayakan kegiatan-kegiatan yang sedemikian.

Di mana bukan pensyarah-pensyarah itu bersifat mengongkong tetapi lebih bersifat mendorong dan memberikan galakan, memberikan intelektual-intelektual input, memberikan pengajaran-pengajaran, cara-cara berorganisasi, cara-cara mengatur majlis dengan sempurna.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi penekanan ke arah itulah saya rasa yang patut diberi perhatian. Saya bersetuju dengan rakan-rakan yang bercakap tadi, bahawa apa juga akta dan peraturan-peraturan yang hendak kita adakan dalam “mengongkong” pelajar-pelajar ini, yang patut diberikan penekanan ialah bagaimana supaya aspek pembinaan watak (*character building*) diutamakan. Saya bimbang dengan akta yang bersifat punitif yang lebih menekankan kepada aspek punitif seperti ini pembinaan watak yang terbuka, pembinaan watak yang berpandangan jauh, pembinaan watak pemimpin-pemimpin pelajar yang lebih berani akan terbantut dan terjejas.

Oleh kerana itu tidak tahulah sama ada bila rang undang-undang ini dibentangkan di sini sejauh manakah kemungkinan pindaan kita tidak tahu. Akan tetapi pada peringkat pelaksanaannya minta sangat supaya kementerian memberikan perhatian bahawa yang penting kita lakukan sekarang bukan mengongkong perkembangan sahsiah pelajar-pelajar itu tetapi menolong pembinaan watak yang sihat, konstruktif dan membina. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Okey Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

**6.36 ptg.**

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak mengemukakan empat perkara ringkas. Pertama ialah mengapakah perlu kita mempunyai dua peraturan yang mengongkong ini? Kita sudah ada AUKU dan sekarang ini kita ada peraturan disiplin ini yang telah digubal pada tahun 1974. Saya sebenarnya bersetuju sangat-sangat dengan apa yang dikatakan oleh saudara saya tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus kerana sebenarnya kita harus mempunyai sikap bukan mengadakan undang-undang yang punitif. Kita harusnya jangan mengadakan sesuatu yang boleh menimbulkan pengongkongan ke atas para pelajar.

Tidak payah saya panjangkan itu kerana saya rasa penjelasan yang telah diberikan dan dipersetujui. Hujah yang hendak gunakan tadi telah diberikan dengan begitu baik sekali oleh saudara Firdaus tadi. Jadi soalnya ialah mengapa perlu sampai dua peraturan untuk mengongkong disiplin pelajar-pelajar ini AUKU dan peraturan ini.

Kedua, saya lihat dan ini satu gejala-gejala yang kurang baik saya rasa, bahawa Menteri mempunyai terlalu banyak kuasa dalam akta ini. Dia boleh misalnya membentuk jawatankuasa disiplin, dialah tempat pelajar merayu jikalau tidak puas hati dengan keputusan, dia boleh menentukan sama ada boleh masuk balik ke atau tidak seseorang yang telah dihukum, ke pusat pengajian, dia boleh menentukan juga sama ada seseorang yang terlibat dengan politik dapat dibenarkan untuk terus dalam politik dan dia juga boleh menentukan sama ada seseorang itu boleh mengambil peperiksaan sekiranya dihukum. Jadi perkara-perkara ini saya rasa memusatkan kuasa keterlaluan kepada Menteri.

Ada dua aspek daripada ini pertamanya ialah adakah Menteri mempunyai masa dan waktu untuk meneliti dan mengambil tindakan dalam hal-hal seperti ini. Memang sebenarnya ada kuasa untuk beliau mewakilkan kepada orang yang lain, terutama sekali daripada institusi yang tertentu. Jadi kalau boleh diwakilkan, kalau boleh dipercayai, mengapa tidak misalnya diberi kuasa kepada pusat-pusat itu sendiri? Pusat-pusat pentadbiran itu sendiri boleh melaksanakan semua ini. Tidak payah misalnya pergi kepada Menteri. Jadi seolah-olah kita tidak percaya kepada institusi dan kepada mereka yang mengendalikan institusi dan semuanya kita hendak serahkan kepada Menteri. Ini juga menunjukkan bahawa kita tidak mahu memberikan tanggungjawab ataupun kepercayaan kepada mereka yang mengendalikan institusi tersebut.

Perkara ketiga ialah dalam seksyen 10 dan seksyen 11, ada disebut ayat ataupun fasal yang agak membimbangkan saya iaitu "tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut". Ini seksyen 10, dan seksyen 11 berhubung dengan fasal 1. Jadi saya merasakan ini terlalu umum. Kalau misalnya ada peraturan-peraturan atau terma-terma sepatutnya ia dituliskan kerana kalau tidak ia akan memberikan ruang kepada sesiapa sahaja yang mengendalikannya bertindak secara sewenang-wenang atau secara *arbitrary*. Kita tidak mahu misalnya sesuatu itu ditetapkan dan dilaksanakan dengan cara *arbitrary*.

#### ■ 1840

Perkara akhir, yang keempat Tuan Yang di-Pertua ialah soal peluang untuk mendapat kebebasan sama ada masuk *union* atau berpolitik dan sebagainya kepada pelajar-pelajar. Kita tahu bahawa pelajar-pelajar kita di luar negara tidak terikat kepada peraturan disiplin ini dan juga tidak terikat kepada AUKU. Jadi hanya pelajar-pelajar dalam negara yang terikat. Kita tahulah bahawa pelajar di luar negara itu tidak dapat kita ambil tindakan misalnya terhadap mereka. Jadi tidak bererti saya hendak pelajar-pelajar di luar negara itu diambil tindakan di bawah AUKU ataupun peraturan ini.

Apa yang saya harapkan ialah bahawa kemudahan, kesenangan dan keistimewaan yang diperoleh pelajar-pelajar kita di luar negara dapat diperluaskan dan dapat diberikan juga kepada pelajar-pelajar kita dalam negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri...

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Perbincangan sudah - Ada lagikah? Okey, silakan. Ada sesiapa yang hendak bangun lagi. Sila bangun saya hendak tengok berapa orang hendak bercakap... [Beberapa Ahli bangun] Satu, dua, tiga - Yang Berhormat Ramakrishnan tadi sudah bercakap. Saya benarkan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah.

#### 6.41 ptg

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 1976 ini saya ada beberapa perkara yang perlu diperjelaskan oleh pihak kementerian. Saya mohon penjelasan kepada beberapa perkara yang hendak diluluskan dalam rang undang-undang ini.

Selain daripada pelajar-pelajar yang terlibat dalam politik kita telah pun ada AUKU. Kalau sekiranya berkenaan dengan jenayah, salah guna dadah dan lain-lain kita juga ada Rang Undang-undang Kanun Jenayah.

Saya hendak tahu daripada pihak kementerian, apakah jenis kesalahan tatatertib yang dimaksudkan? Adakah satu garis panduan yang disediakan dan dimaklumkan kepada pihak pelajar-pelajar ini? Apakah cuma kesalahan-kesalahan ini yang difikirkan oleh pihak tenaga pengajar yang mengatakan, kamu telah didapati melanggar atau menyalahgunakan dan kesalahan tatatertib ini maka kamu mestilah kena menghadapi pihak institusi ini di mana di sediakan satu panel yang akan menentukan mereka ini bersalah?

Tadi dalam seksyen 3(b) ada dinyatakan pihak pelajar boleh diwakili oleh seseorang kakitangan atau pelajar lain. Mengapakah seorang kakitangan atau pelajar lain dan bukannya daripada pihak yang ditentukan sendiri oleh pelajar tersebut siapa yang hendak diputuskan untuk mewakili beliau dalam mengendalikan kesalahan yang dituduh kepada beliau ini? Itu sahaja Yang Berhormat. Saya ingin mendapat penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Akbar.

**6.44 ptg**

**Datuk Akbar bin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju apa yang dikatakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah dan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali berkenaan dengan tekanan lebih kepada punitif tetapi, saya sebenarnya hendak menarik kepada isu yang lebih besar kalau bolehlah, yang lebih bersifat makro, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya masalah disiplin di peringkat institusi pendidikan adalah merupakan pada saya dengan izin, *the tip of the iceberg* berkenaan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat.

Jadi kalau kita hanya cuba menguruskannya secara dengan izin, *piecemeal* mungkin masalah ini tidak dapat diselesaikan dengan berkesan. Kita harus lihat seperti yang saya katakan dua hari lalu bahawa kita perlu lihat masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat negara ini secara holistik atau menyeluruh supaya kita boleh menyelesaikannya dengan baik dan berkesan.

*Of course*, institusi yang ada di negara kita ini yang diberi tugas dan tanggungjawab untuk melihatnya secara menyeluruh ialah Majlis Sosial Negara. Kita ada masalah disiplin di sekolah sehingga baru-baru ini ada masalah rogol di kalangan pelajar, masalah gengsterisme, jenayah, mat rempit dan sebagainya. Ini semua masalah sosial tetapi sebenarnya saya pun tidak berani berkata, ia hanya ada satu punca yang menyebabkan ini semua.

Namun mari kita lihat perubahan masyarakat yang berlaku *over time* dan apa akan berlaku *let say* sepuluh tahun yang akan datang? Kalau kita ambil keadaan sekarang dan apabila saya bandingkan saya di sekolah rendah dan di sekolah menengah, dahulu masalah disiplin tidak banyak kerana pada masa itu agaknya masyarakat menerima bahawa kita boleh dirotan. Ibu bapa tidak marah malah ibu bapa galakkan lagi asalkan dia kata jangan patah, jangan riuk okey. Akan tetapi sekarang anak tidak boleh disentuh. Kalau kita ambil daripada itu, ini adalah masalahnya perubahan nilai, *the changing value system, the changing world view* tentang perkara ini.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak menarik perhatian dan yang menjadi kebimbangan saya ialah di masa yang akan datang, struktur masyarakat akan berubah dan berubah secara drastik. Kalau kita hendak ambil salah satu unsur perubahan drastik itu ialah kalau kita lihat sejak beberapa tahun yang lalu dan juga keadaan sekarang di mana di peringkat institusi pengajian tinggi populasi pelajar adalah tidak seimbang dari segi jantina.

Disebut di sana sini secara kasar 60% ke 70% populasi pelajar adalah perempuan dan 30% ke 40% adalah lelaki. Malah kalau kita ambil sesetengah kolej sehinggakan komposisi jantina 80% perempuan dan 20% lelaki. Apa kesannya apabila mereka ini nanti masuk ke pasaran buruh dan mereka bekerja maka akan berlakulah perubahan struktur dari segi tenaga kerja yang mana kalau dahulu lelaki berada di atas memegang jawatan yang tinggi dan perempuan di bawah secara relatif tetapi keadaan ini akan berubah di mana lebih ramai perempuan memegang jawatan yang lebih tinggi berbanding dengan lelaki yang mana lelaki akan lebih ramai berada di pusat serenti.

Apa akan berlaku selepas itu ialah pergi ke gerbang perkahwinan dan gerbang keluarga. Di situ nanti kalau sekaranglah dan dahulu di mana ketua keluarga adalah suami yang juga mempunyai pendapatan tinggi berbanding dengan isteri tetapi ini akan berubah secara drastik di mana yang dikatakan *breadwinner* adalah isteri dan lelaki pula akan menjadi - kalau perempuan kita panggil *housewife* maka suami akan menjadi *househusband*. Kecenderungan ini, *the propensity* adalah cukup cerah ke arah itu. Apa pula akan berlaku dari segi *up-bringing* di mana nanti secara persepsinya dan secara andaian pun boleh kita katakan bahawa peranan suami atau ayah akan berkurangan berbanding peranan ibu atau isteri kerana yang menguasai ekonomi rumah tangga adalah isteri.

Jangan salah faham ya, saya tidak bercakap ini dari segi *gender centric* atau saya *chauvinist* atau *male chauvinist*. Saya bukan MCP, saya bukan *male chauvinist pig*, dengan izin, tetapi saya hendak membayangkan atau memberi senario apa yang kemungkinan berlaku di masa yang akan datang.

#### ■ 1850

Apabila ayah dan suami mempunyai peranan yang semakin kurang berbanding dengan isteri dan ibu yang mana ayah sudah tidak lagi menjadi *the figure* di dalam rumah itu dan penghormatan akan berkurangan, maka ada kemungkinan besar bahawa masalah disiplin akan lebih meningkat. Memang ada studi menunjukkan bahawa anak murid di sekolah mahupun di sekolah rendah dan menengah, masalah disiplin itu berkurangan kerana semakin ramai guru perempuan di sekolah-sekolah yang mana masalah takut, masalah hormat terhadap guru perempuan itu sudah berkurangan berbanding takut kepada guru lelaki.

Sama ada persepsi ini benar atau tidak, kita perlu buat kajian yang lebih teliti. Jadi, apa yang ingin saya bayangkan kalau senario inilah berlaku, kalau dari segi senario *planning* nya, kalau kita lihat daripada sudut itu, inilah landskap masyarakat yang akan berlaku. Di bawah landskap ini, adakah kita sudah bersedia daripada sekarang. Tidak semestinya Kementerian Datuk sahaja tetapi banyak Kementerian yang terlibat termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, termasuk pihak polis, pihak penjara dan sebagainya kena melihat ini secara holistik.

Kalau kita dapat tangani bagaimana hendak menyelesaikan perubahan struktur keluarga dan masyarakat akan datang di mana peranan bapa akan berkurangan - peranan isteri dan ibu. Maka, kita mestilah bersedia ke arah itu. Bagaimana dalam bahasa Inggeris minta maaf hendak *mitigate* kemungkinan masalah ini berlaku. Jadi, saya hendak menarik perhatian di sini ialah masalah yang kita bentangkan melalui akta ini yang bersifat lebih pada punitif adalah merupakan *the tip of the iceberg*, maka yang lebih besar lagi yang perlu kita tangani.



Saya merayu sekali lagi, majlis sosial negara yang merupakan institusi yang ada sekarang ini untuk melihat dan menangani isu sosial yang lebih besar supaya ia diselesaikan atau ditangani dengan lebih menyeluruh, agar semua masalah yang berkaitan dengan masalah sosial tadi sama ada saya katakan awal tadi masalah mencuri, masalah *gang rape*, memperkosakan beramai-ramai, masalah mencuri, mat rempit dapat kita selesaikan dengan baik dan lebih bersifat preventif di samping jika perlu bersifat *punitive*. Itu pandangan saya dan mohon ditibangkan dan saya sokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat ...

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Are you going to speak?*

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin. Dia bangun dahulu. *After that, you.*

**6.53 ptg.**

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan sedikit berhubung dengan Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib)(Pindaan) 2010. Seperti mana yang kita semua sedia maklum bahawa para pelajar terutamanya di institusi pengajian tinggi adalah merupakan pemimpin masa depan.

Jadi, oleh kerana itu, kita haruslah melihat bahawa undang-undang yang dipinda ini untuk tujuan mengelakkan mereka daripada terlibat di dalam gejala-gejala yang tidak dingini. Jadi, kerana itu saya berpandangan bahawa undang-undang ini hendaklah diperjelaskan kepada institusi-institusi pengajian tinggi ini terutama sekali kepada para pelajar yang baru hari pertama mendaftarkan diri. Maksudnya diberikan taklimat mengenai syarat-syarat para pelajar supaya tidak melibatkan diri dalam perkara yang boleh membawa kepada keruntuhan moral dan sebagainya.

Ini adalah merupakan keburukan itu boleh berlaku kepada institusi itu sendiri, bukan sahaja kepada dirinya tetapi orang luar akan mengatakan, "Tengok, universiti ini, banyak pelajarannya telah begini, begini, berlaku berbagai-bagai". Jadi, oleh kerana itu, saya merasakan bahawa ini penting kepada kita kerana mereka inilah yang akan menjadi pemimpin masa depan. Maka, kita hendaklah memberikan mereka peluang untuk melihat bahawa perkara-perkara yang ada di dalam undang-undang ini hendaklah dikawal dan mereka ini hendaklah diberikan taklimat yang sejelas-jelasnya.

Kita tahu banyak juga di antara para pelajar yang melibatkan diri di dalam berbagai-bagai persatuan khususnya, dan kita hari ini dengar bahawa para pelajar tidak dibenarkan untuk pergi berkempen pilihan raya umpamanya. Ada pelajar-pelajar memang begitu. Tentunya ada di antara sebab-sebabnya mengapa mereka tidak boleh pergi berkempen. Mungkin ada peraturan-peraturan yang memang telah ditentukan oleh institusi pengajian tinggi ini, IPTA. Jadi, kerana itu banyak di antara para pelajar khususnya para pelajar yang melibatkan diri dalam bidang seni, perfileman kerana ada lebih daripada 20 buah institusi pengajian tinggi yang mengajar bidang perfileman.

Mereka ini menjadi ahli bersekutu dengan persatuan-persatuan seperti Persatuan Seniman, Persatuan Karyawan, Persatuan Penerbit, Persatuan Penulis Filem dan semuanya, kerana mereka ingin melibatkan diri. Adakah ini menjadi kesalahan kepada pelajar-pelajar ini kerana mereka ini melibatkan diri dan selalunya akan mengadakan beberapa pertemuan dengan para karyawan seni, para seniman, seniwati dan semuanya untuk mendapat pengetahuan dan pengalaman kerana mereka belajar dalam bidang tersebut.

Jadi, kalau itu dibenarkan barang kali mereka akan dapat menimba pengetahuan yang lebih luas lagi. Begitu juga kita semua sedia maklum bahawa kebanyakannya suara diberikan sepenuhnya kepada pelajar dan hanya dihadkan kepada perkara berkaitan dengan akademik sahaja. Barangkali itu tidak boleh membawa kebaikan kepada mereka. Jadi, sejauh manakah pelaksanaan sudut pidato di IPTA dan disenaraikan di IPTA yang telah mempunyai sudut pidato ini.

Umpamanya di UiTM. Jadi, sempena itu saya ingin membawa sedikit pandangan bahawa baru-baru ini kita telah mengadakan satu pertandingan pidato seluruh dunia dalam bahasa Malaysia. Ada 52 negara yang telah terlibat untuk berpidato dalam bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Kita. Jadi, ada di antara pelajar-pelajar kita juga, tetapi tidak semua yang terlibat. Hanya ada beberapa buah institusi sahaja.

Jadi, kalau itu boleh kita berikan pandangan kepada para pelajar ini supaya mereka dapat meneruskan juga menjadi peminato di beberapa institusi ataupun penganjuran-penganjuran yang dicadangkan agar kita haruslah mengadakan perkara ini, kerana apakah definisi bumiputera bagi kemasukan pelajar IPTA, UiTM terutamanya bagi calon daripada Sabah dan Sarawak. Jadi, itu juga hendaklah kita perjelaskan definisi bumiputera yang dimaksudkan itu.

Adakah dasar bahasa pengantar di IPTA ini menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Ini kerana, kita ingin memajukan, kita ingin memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa Malaysia, bahasa pengantar, Bahasa Kebangsaan dan bahasa perpaduan. Jadi, tentunya kita akan mempertingkatkan para pelajar khususnya di universiti supaya mereka menggunakan bahasa kebangsaan apabila mereka mengadakan pidato dan sebagainya, kerana itu akan memberikan mereka galakan dan memperkasakan bahasa.

Kita juga tidak melarang bahasa Inggeris dipergunakan juga bagi mereka untuk mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa dunia. Ini kerana dengan adanya itu, mereka mempunyai pengetahuan yang lebih luas. Apabila membaca barangkali ada di antara buku-buku yang dicetak dalam bahasa Inggeris. Jadi, kerana itu pelajar-pelajar ini amat penting khususnya pelajar-pelajar yang sekarang ini sedang terlibat di dalam berbagai-bagai aktiviti. Kerana itu, hendaklah mereka ini di UiTM umpamanya sebagai contoh mendapat kelulusan secara bertulis daripada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi bagi menggunakan bahasa-bahasa yang tertentu.

#### ■ 1900

Oleh itu, kita harus melihat bahawa ini adalah penting. Apakah pandangan KPT tentang cadangan agar UPSI diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pelajaran Malaysia. Itu pandangan dan soalan-soalannya.

Setakat manakah kebolehan pasaran graduan UiTM, politeknik dan kolej komuniti dapat terus menjadikan itu, kenapakah akta ini masih di bawah kuasa KPM sedangkan KPT telah ditubuhkan sejak Mac 2004, di mana UiTM, politeknik dan kolej komuniti berada di bawah tanggungjawab KPT? Barangkali ini dapat kita diperjelaskan. Sejauh manakah pelaksanaan pemilihan pelajar di politeknik, kenapakah gerakan pelajar di politeknik tidak seaktif di IPTA, dan adakah terdapat kekangan atau halangan daripada pihak pengurusan? Kita lihat di IPTA mereka agak berbeza daripada pengajian di politeknik. Itulah harapan saya dan kita harap para pelajar...

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Sebelum itu saya hendak mencelah sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Saya hendak minta pandangan daripada Tan Sri. Apakah dengan adanya akta ini, kita hanya bolehkah pelajar ini hanya dengan akademik sahaja, tidak boleh langsung bercampur dengan perkara-perkara luar. Sebab saya lihat, saya pernah diarah untuk menjaga *student* di Dublin selama sebulan. Apa yang mereka katakan kepada kita, dahulu kata dia parti tidak buat menjaga budak-budak ini. Jadi dia ikut orang lain. Orang lain buat dia ikut. Jadi, tidak ada arah tujuan dan tidak ada sesiapa yang bawa, maka mereka telah mengikut ke arah pembangkang yang tidak tahu sebenarnya pada hal mereka ini datang menggunakan biasiswa kita.

Akan tetapi mereka diarah ke pembangkang daripada kita. Ini sebab kita tidak dibenarkan masuk, dia tidak boleh menyertai politik, dan dia tidak ada arah tujuan, sedangkan mereka ini merupakan bakal pemimpin. Sepatutnya *they should know*, dia patut tahu di mana keadaannya pada ketika itu. Dia sudah dapat biasiswa daripada kerajaan dan sepatutnya dia menyokong kerajaan tetapi tidak diberi pendedahan. Dengan itu mereka menyokong ke arah lain. Esok dia salahkan kita balik.

Jadi saya harap supaya akta ini jangan terlampau *strict* sangat kepada akademik. Kita berikan sedikit kelonggaran supaya mereka boleh berfikir supaya menjadi bakal pemimpin Malaysia yang berupaya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Saya bersetuju. Saya telah sebutkan tadi kenapakah kebebasan bersuara tidak diberi sepenuhnya kepada pelajar dan hanya dihadkan kepada perkara yang berkaitan dengan akademik sahaja. Jadi tentunya ada hal-hal yang lain sepertimana yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat. Barangkali kita haruslah mengawal walaupun memang tidak dibenarkan untuk mereka melibatkan diri dalam politik umpamanya pada peringkat awal tetapi, barangkali memahami tentang politik untuk sepertimana yang kita cadangkan tadi para pelajar juga satu hari nanti barangkali mereka juga akan menjadi ahli politik satu ketika nanti. Jadi mereka hendaklah juga memahami tentang perjuangan politik tentunya politik yang berpandukan kepada pemimpin kerajaan. Jadi bukan berpandukan kepada yang boleh bertentangan dengan kerajaan.

Jadi itulah perkara-perkara yang hendak saya kemukakan di sini dan saya yakin dan percaya para pelajar ini ramai di antara mereka yang mempunyai kebolehan dan kemampuan bagi meneruskan kehidupan masa hadapan mereka dan undang-undang ini bolehlah kita sama-sama menerima. Saya, dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**7.04 mlm.**

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Akta Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum para pelajar melangkah ke IPTA atau IPTS sekolah rendah dan menengah juga memainkan peranan yang penting. Jadi saya berharap kepada Kementerian Pelajaran supaya para pelajar di sekolah rendah dan menengah juga supaya diawasi sebelum mereka ini melangkah ke pusat pengajian tinggi. Kita lihat hari ini di sekolah-sekolah menengah sendiri iaitu ada pelajar-pelajar yang diambil tindakan tatatertib. Jadi kita berharaplah guru-guru kaunseling ini di sekolah-sekolah tersebut adalah guru-guru kaunseling yang betul-betul berpengalaman bukan guru-guru kaunseling sekolah ini dia ambil sebagai *ad hoc*. Jadi dia ambil guru ini untuk menjadi guru kaunseling. Jadi kita hendak supaya guru-guru kaunseling ini diberi didikan atau diberi kursus-kursus supaya mereka ini dapat tahu bagaimana untuk memberi kaunseling kepada kanak-kanak ini.

Tuan Yang di-Pertua, di pusat-pusat pengajian tinggi apabila tindakan tatatertib dikenakan terhadap pelajar, saya ingin tahu iaitu apakah sistem penghakiman ataupun tindakan yang dikenakan terhadap para pelajar tersebut sebelum tindakan tatatertib diambil. Siapakah yang menjadi hakim untuk mendakwa mereka ini? Bagaimanakah kes ini disiasat iaitu semasa siasatan bolehkah pelajar mengikuti kuliah dan setiap kes pelajar, siapakah kalangan yang membuat siasatan latar belakang mereka ini? Kita tidak mahu pelajar-pelajar ini dianiayai. Kita tidak mahu ada pensyarah-pensyarah..., minta maaf, dalam pengajian-pengajian tinggi ini juga kadang-kadang dia mirip kepada parti-parti politik tertentu, dia tahu para pelajar ini mengikuti parti politik lain, maka tindakan akan diambil. *So*, anak-anak orang politik ini akan menjadi mangsa. Jadi kita berharaplah supaya sistem ini dapat dijelaskan oleh pihak kementerian. Satu perkara lagi yang saya ingin tahu sehingga sekarang ini, adakah pelajar-pelajar atau pensyarah yang ditahan di bawah ISA? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

**7.07 mlm.**

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya ada banyak perkara hendak cakap, tetapi masa sudah berlalu dan banyak perkara yang telah dibentangkan tadi.

Saya setuju dengan semua Ahli Dewan yang mulia ini, yang mereka bentang tadi. Saya hanya hendak tambahkan sedikit bahawa IPTA, IPTS dan universiti-universiti adalah satu tempat untuk melatih dan membina generasi-generasi muda yang bakal menjadi pemimpin-pemimpin pada masa akan datang. Jadi tumpuannya bukan *restrictive* dan *punitive*, dengan izin, tetapi, mesti membina karakter dan minda mereka. Namun apa yang saya nampak dalam pindaan rang undang-undang ini adalah sangat *restrictive* dan kalau terlalu *restrictive* saya rasa generasi muda akan tidak berasa selesa dan harmoni dengan generasi lama, dan ini tidak baik untuk negara kita. Dengan ini saya mohon supaya kementerian melonggarkan mana-mana bahagian yang *restrictive* seperti seksyen 5(3), seksyen 10, seksyen 11(2) dan (3) seksyen 12 dan seksyen 14. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Maka saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam membahaskan usul tadi dan saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**7.08 mlm.**

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada sebelas orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi hujah-hujah bernas. Kami menerima baik apa yang telah dibahaskan dan kita akan mengambil pandangan yang bernas itu sebagai panduan kita dalam kita merangka ataupun mengendalikan kes tatatertib pelajar di institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memperjelaskan tiga soal pokok. Sebenarnya pindaan rang undang-undang ini melibatkan dua kementerian. Satu ialah Kementerian Pelajaran Malaysia yang dipertanggungjawab untuk menjaga Kolej Matrikulasi dan institut pendidikan guru. Manakala untuk UiTM seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin tadi memang benar, UiTM, kolej komuniti dan satu lagi politeknik di bawah jagaan Kementerian Pengajian Tinggi. Maka saya akan cuba sedaya upaya untuk menjawab apa yang telah ditanyakan tadi.

Kedua saya ingin menyatakan di sini bahawa kenapa perlu kita wujudkan dua akta. Kalau kita melihat latar belakangnya, kita mempunyai satu undang-undang yang kita hendak pinda sekarang dan satu lagi undang-undang adalah AUKU yang telah kita pinda pada tahun lalu.

#### ■ 1910

Apa yang berlaku sekarang, apabila kita menguatkuasakan AUKU itu, sebenarnya kita dapati kolej-kolej atau institut pengajian yang saya nyatakan tadi itu tidak tergolong dalam apa yang dikatakan AUKU. Jadi kalau melihat bidang kuasa di bawah AUKU itu, ia tidak melibatkan ataupun ianya tidak boleh diguna pakai ke atas pelajar-pelajar kolej matrikulasi ataupun UiTM, kolej komuniti, politeknik dan juga IPG. Sebab itulah rasionalnya untuk kita buat pindaan ini supaya kita dapat mencakupi semua pelajar. Itu sebab kita melakukan pindaan pada kali ini.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, mungkin pembentangan oleh kerana secara spesifik kepada rang undang-undang yang hendak dipinda tetapi mungkin kedengaran itu adalah sesuatu yang primitif. Akan tetapi percayalah Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebenarnya kalau berbanding dengan dahulu, kuasa Menteri lebih besar. Saya memberi satu contoh, kalau dahulunya kita merayu kepada Menteri, dan Menteri itu tidak perlu dinasihati oleh panel. Kini dalam pindaan ini, sekurang-kurangnya tiga anggota. Jadi kita akan mengumpul pandangan yang lain yang lebih daripada orang lain. Ini jelas menunjukkan bukan lagi kuasa mutlak.

Kedua, kalau dahulunya kita hendak menggubal sesuatu persatuan adalah kuasa Menteri dan kini kita serahkan kepada ketua eksekutif. Saya rasa ini adalah antara perkara-perkara pokok yang perlu saya jelaskan. Kita memang mengambil pandangan Yang Berhormat tadi. Sebenarnya ianya tidak boleh bersifat primitif sahaja.

Dalam kolej kita, kolej matrikulasi ataupun dalam IPG atau mana-mana institusi pengajian tinggi yang lain, apa yang perlu kita lakukan seiring dengan proses pendidikan kita atau proses menimba ilmu di menara gading, itu adalah proses yang sama. Jadi kita tidak berpandukan kepada hukuman semata-mata.

Saya ingin pergi kepada beberapa soalan yang dibangkitkan oleh sebelas Ahli Dewan Negara tadi. Pertama Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi bertanya tentang jumlah pelajar yang digantung. Oleh kerana ini melibatkan dua kementerian dan saya ingin nyatakan hampir juta orang telah menamatkan pengajian di kolej matrikulasi dan lain-lain kolej yang saya nyatakan, jadi saya tidak dapat secara terus memberikan berapakah kes secara spesifik. Ini kerana dahulunya ia tidaklah seperti sistem yang kita hendak buat sekarang.

Kalau kita ada satu rekod, kita boleh buat rayuan kepada Menteri dan sebagainya dan kita ada satu prosiding yang baik, saya rasa itu akan dapat kita merumuskan beberapa kes yang telah diadili dalam sesuatu kolej ataupun oleh mana-mana institusi. Jadi saya rasa ini mungkin boleh kita berikan sekiranya dalam satu..., mungkin dalam perbahasan yang lain dan mungkin kementerian berkenaan boleh beri secara spesifik. Kalau Yang Berhormat perlukan maklumat tentang UiTM, mungkin secara khusus kita boleh minta daripada kementerian yang berkenaan.

Jadi saya ingin teruskan kepada apa yang telah ditanya tentang bilangan kes ini ada kaitan dengan masalah sosial. Saya mengakui bahawa masalah sosial yang menular ini merupakan salah satu perkara yang perlu ditangani. Jadi kalau kita tidak ada kaedah untuk kita menangani masalah tatatertib pelajar ini, jadi saya rasa itu akan menyebabkan masalah sosial itu semakin menular. Jadi perlunya satu set ataupun satu peraturan yang kita perihalkan dengan jelas supaya dapat dipatuhi oleh semua pelajar. Jadi saya rasa itu sangat penting untuk kita membentuk, kalau dalam kes IPG, mereka akan menjadi guru. Guru ini adalah warga pendidik untuk mendidik anak-anak kita, generasi muda kita. Jadi kita kena membentuk akhlak mulia guru-guru, bakal guru-guru kita. Jadi saya rasa dalam konteks ini, itu sangat penting. Saya memang setuju kerana ini ada hubung kait dengan masalah sosial yang berlaku sekarang ini. Jadi perlu ada satu sistem ataupun peraturan yang lebih jelas.

Apa yang Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi kata, adakah tindakan diambil kepada Ketua Hal Ehwal Pelajar? Sebenarnya kalau kakitangan melakukan satu kesilapan dan kesalahan, mereka ada undang-undang yang sedia ada untuk mengambil tindakan terhadap mereka tetapi, dalam kes mengadili pelajar, apa yang kita lakukan ialah mengenai sesuatu pertuduhan. Misal seseorang itu mencuri motosikal, apa yang perlu kita lakukan? Kalau seseorang itu tidak datang ataupun semasa peperiksaan melakukan sesuatu yang tidak diresnui, maka apakah tindakan yang perlu diambil?

Jadi saya rasa dalam kes ini, kita sebenarnya tidak lagi seperti dahulu. Kita mempunyai satu proses, satu prosiding yang jelas. Kita mempunyai satu kertas pertuduhan dan kita memaklumkan kepada pelajar apakah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar dan diminta beliau dengan diadili ataupun ditemani oleh seorang kakitangan ataupun pelajar lain untuk membuat representasi. Jadi dalam konteks ini, kita memperbaiki sistem yang sedia ada. Kalau dahulu mereka akan dipanggil dan terus kita jatuh hukuman. Jadi saya rasa, apa yang dibangkitkan itu sebenarnya tentang kenapa wakil persatuan ataupun kakitangan itu dipanggil. Sebenarnya merekalah orang yang paling dekat dengan pelajar tersebut.

Kalau seseorang itu menuntut di IPG, kalau seorang itu menuntut di kolej, siapa lebih tahu gerak geri mereka di dalam kampus itu? Maka sudah tentulah kakitangan akademik ataupun mana-mana rakan-rakan sebayanya yang duduk dalam kolej tersebut. Jadi saya rasa itu secara logiknya kita perlu seseorang – kita memberi hak kepada pelajar ini untuk mencari sesiapa sahaja yang boleh mewakili orang yang dituduh ini supaya dibuat pembelaan.

Jadi apa yang ditanya tentang hukuman maksimum, ingin saya maklumkan bahawa seperti juga AUKU, hukuman yang paling berat ianya hanyalah sekadar dibuang atau disingkir daripada kolej atau institusi pendidikan tersebut. Jadi itu adalah secara maksimum. Adakah kaunseling itu diberi kepada mereka yang melakukan kesalahan? Memang benar. Kita bukan sahaja membuat secara primitif, kita juga melalui pendidikan, memberi sesi kaunseling kepada pelajar tersebut melalui kaunselor yang dilantik di dalam institut pendidikan.

Ditanya tentang pembubaran JPP atau persatuan dalam kolej. Kuasa untuk merayu kepada Menteri itu sebenarnya ada. Seperti mana yang telah saya katakan tadi dan saya tidak ingin hendak mengulang. Untuk sambung belajar sekiranya seseorang pelajar itu telah digantung kerana melakukan satu kesalahan. Sepertimana yang telah saya bacakan dalam pembentangan tadi, sebenarnya kita telah mengambil kira sekiranya seorang itu dihukum, maka tempoh itu terus digantung atau *suspend* dan tidak diambil kira ataupun ianya tidak akan menjejaskan tempoh maksimum pengajian itu yang akan diambil oleh seorang pelajar itu. Jadi satu soalan yang agak menarik, sokongan kepada parti dan minta saya beri contoh. Saya memberi contoh yang paling jelas.

Kalau dalam undang-undang kita mengatakan bahawa seseorang itu tidak boleh menganggotai ataupun tidak boleh mengambil peranan aktif dalam politik ataupun tidak boleh memasuki parti politik ketika menjadi pelatih dalam IPG, bermaksud seseorang itu kalau didapati terus berkempen di sesuatu pilihan raya, bermaksud itu adalah menyalahi undang-undang yang telah diluluskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Jadi saya rasa itu memang satu perkara yang jelas. Jadi bagaimana simpati itu dapat ditakrifkan? Sebenarnya kalau kita hendak sokong simpan dalam hati, tidak ada masalah tetapi, simpati secara bersuara dan dengan membantu kempen pilihan raya, itu mungkin satu perkara yang boleh diambil tindakan.

Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang bertanya tentang *impact*, mengatakan dua perkara, *prevention is better than cure*. Itu satu *tagline* yang sangat bagus. Sebenarnya apa yang saya jelaskan tadi pun telah merangkumi apa yang diungkapkan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat mencadangkan RakanCop polis aturkan program. Itu semua dilakukan. Sebenarnya dalam kolej kita dan institusi pendidikan yang terlibat, sebenarnya juga kita melibatkan pasukan beruniform juga. Jadi tidak menjadi masalah. Kita hendak membentuk generasi muda kita, pelatih kita, pelajar kita supaya berdisiplin. Itu memang menjadi hasrat kita.

#### ■ 1920

Jadi Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin mengatakan hendak bertanya tentang pelajar yang ditahan di bawah ISA. Kalau seorang pelajar itu ditahan di bawah ISA, telah saya nyatakan tadi bahawa ada kuasa dan peruntukan undang-undang yang membenarkan pelajar ini menduduki peperiksaan dan kita boleh mengaturkan urusan ini dengan Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab ke atas tahanan itu. Jadi itu tidak menjadi satu masalah.

Akan tetapi apabila seseorang itu ditahan, tempoh itu tidak diambil kiralah. Bermaksud jikalau dia hendak sambung selepas dibebaskan tidak menjadi masalah. Jadi Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf membangkitkan tentang adakah boleh diberi jaminan pindaan ini akan membawa tingkah laku yang lebih baik kepada pelajar? Itulah yang kita sama-sama berdoa dan itulah harapan kita. Oleh sebab itulah kita hendak pinda supaya kita mendapat satu sistem yang lebih demokratik. Kalau dahulu, kita tidak ada pembelaan yang mengikut *natural justice*. Sekarang kita gunakan cara ini dan supaya pelajar juga ada peluang untuk bersuara.

Jadi persatuan mana - senarai. Sebenarnya saya difahamkan bahawa di UiTM terdapat 180 buah persatuan. Macam-macam persatuan ada dan memang menjadi satu perkara biasa untuk mana-mana kolej dan universiti, mereka ada kaedah atau peraturan di bawah kolej tersebut. Maka kalau ada kaedah itu, mereka boleh perihalkan persatuan yang mereka hendak masuk. Ada soalan yang dibangkitkan tadi iaitu, adakah persatuan ataupun SPAN mana yang Yang Berhormat kalau ada hubung kait dengan Kabinet? Boleh atau tidak mereka mengadakan perbincangan ataupun hubungan terus? Jawapannya ya, tetapi mestilah mendapat kelulusan daripada pihak berwajib iaitu pihak kolej.

Kalaulah sesuatu persatuan, contohnya Majlis Belia. Kalau mahasiswa itu belia, kenapa tidak kita benarkan mereka menyertai Perhimpunan Hari Belia? Tidak jadi masalah dan itu tidak bersifat politik pun. Jadi kalau ada suatu pementasan drama, persatuan atau mana-mana tokoh yang ingin memberi ceramah, persatuan itu menganjurkan bersama dengan persatuan pelajar. Itu tidak akan menjadi masalah. Saya rasa budi bicara ketua eksekutif ataupun mereka yang mentadbir kolej itu sangat penting.

Yang Berhormat Menteri boleh diwakilkan, jawapannya senang sahaja. Dalam sistem pentadbiran kita dalam mana-mana undang-undang, Yang Berhormat Menteri adalah orang yang berkuasa. Itu adalah biasa tetapi, pada waktu yang sama, sekiranya ada peruntukan untuk Yang Berhormat Menteri turunkan kuasa, itu namanya punca kuasa. Dia boleh turunkan kepada timbalan ataupun kadangkala kepada ketua pengarah dan sebagainya. Jadi saya rasa itu adalah satu perkara yang lazim.

Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah juga membincangkan tentang pindaan ini sepatutnya tidak bersifat punitif. Itu saya rasa memang betul. Satu hujah yang bernas dan kena *more in educational*. Memang betul. Saya rasa kita tidak bolehlah menghukum semata-mata dan kita hendak menjadikan pelajar itu insaf. Kenapa dia silap? Bagaimana kita hendak merubah jadi orang yang baik? Saya rasa itu adalah kaunseling. Kaunseling itu adalah sangat penting dan satu sesi yang wajib untuk pelajar itu menerima sesi kaunseling itu serta tidak semata-mata menghukum sahaja.

Pensyarah kurang terlibat dengan aktiviti pelajar. Ini adalah satu pemerhatian yang sangat jitu di mana kalau berbanding dengan dahulu, nampaknya mungkin sekarang lebih lesu. Akan tetapi nampaknya, saya rasa itu adalah komitmen pensyarah juga dan sudah dimulakan satu sistem iaitu kalau di kolej matrikulasi kita galakkan pensyarah supaya lebih bergaul dengan pelajar. Saya rasa dengan cara ini iaitu dengan cara yang dikatakan *personal touch* ini dengan izin, maka ia akan membantu apa juga masalah yang mereka tahu. Apa yang berlaku kepada pelajar itu? Mungkin sesuatu yang hendak diluahkan oleh pelajar itu, mereka boleh luahkan kepada pensyarah.



Saya rasa ini adalah satu pendekatan yang sangat baik dengan menjadikan pelajar sebagai sahabat mereka. Saya rasa ini adalah satu konsep yang sangat patut kita galakkan.

Yang Berhormat juga mengatakan pembinaan watak - *character building*. Itu sangat tepat dan di sinilah saya mengatakan bahawa kalau generasi kita dan kita hendak membina jati diri kita. Bagaimana kita hendak membina semangat patriotik? Kesemua ini kalau kita dapat menyediakan satu program ke arah ini, saya rasa ia akan membantu dan secara pakej kita boleh melahirkan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi ini sebagai orang yang berdisiplin, mempunyai keyakinan diri dan juga bersifat patriotik.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali bertanya iaitu setelah saya menjawab, kenapa perlukan dua akta? Yang Berhormat Menteri banyak kuasa, itu pun saya sudah jawab dan ini orang politik. Sebenarnya saya rasa ada atau tidak dikatakan Yang Berhormat Menteri ada atau tidak masa kerana banyak sangat yang perlu dibuat. Sebenarnya kalau tidak ada masa, Yang Berhormat Menteri pun mereka ada tanggungjawabnya sendiri dan juga dibantu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawainya. Saya rasa *delegation* itu adalah sebagai satu cara untuk kita menurunkan kuasa dan dibimbing serta dipandu oleh Yang Berhormat Menteri tersebut. Jadi itu tidak menjadi masalah kitalah.

Jadi untuk mereka yang telah berpolitik ataupun Yang Berhormat berminat untuk meneruskan pengajian di UiTM tidak menjadi masalah. Kita benarkan mereka terus tanpa keluar daripada parti, terus menjadi seorang penuntut. Itu memang di bawah peruntukan undang-undang yang hendak dipinda inilah. Jadi kita tidak melakukan dan kita tidak memasukkan peruntukan undang-undang secara sewenang-wenangnya. Kita tidak boleh kata kita buat ini kerana kita hendak jadikan kita lebih berkuasa, tidak. Ini adalah kerana selepas itu ada satu set peraturan yang perlu dipatuhi dan ia akan diuruskan di peringkat kolej tersebut. Kenapa pelajar luar negara tidak tertakluk kepada pindaan akta ini? Sebenarnya senang sahaja, *extraterritorial*. Ini kerana mereka terikat kepada peraturan negara yang mereka sedang melanjutkan pengajiannya.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed bertanya dan mengesyorkan mesti ada garis panduan kesalahan. Itu memang hendak kita lakukan dan boleh diwakili oleh kakitangan dan pelajar. Jadi saya rasa itu telah saya jawab kerana kalau ini adalah tentang prosiding untuk kes tatatertib.

Datuk Akbar membicarakan tentang banyak perkara dan kekhawatiran beliau, masalah sosial yang kian menular dan mungkin akan menjejaskan institusi keluarga. Itu saya ambil maklum, kerana ia tidak terlibat dalam pindaan rang undang-undang ini.

Saya rasa sudah sampailah masanya kita melihat dan kalau kita membuat satu pindaan undang-undang, ia tidak melihat berapakah nisbah lelaki dan perempuan. Tidak. Kita membuat satu undang-undang itu biar untuk semua. Jadi selepas itu, apa yang perlu kita lakukan secara *micro manage* di kolej, di IPG, akan kita tentukan mana yang patut. Saya berikan satu contoh iaitu, kalau dahulu kita sebutkan tentang dadah...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan Yang Berhormat...

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Ya.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jenis tatatertib tadi yang dimaksudkan adalah terlalu luas Yang Berhormat. Setakat inilah, apakah jenis kesalahan tatatertib yang selalu didapati di IPTA dan IPTS di mana telah pun diambil tindakan oleh pihak universiti tersebut?

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, saya tidak berapa arif tentang UiTM. Apa yang saya dapat lihat untuk kolej matrikulasi IPG, mungkin ada kes khalwat, mungkin ada kes yang tidak senonoh, ada kes mungkin yang tidak berat sangat tetapi ia perlu diberi satu hukuman. Jadi saya rasa itulah antara kes-kes.

Saya beri contoh katakana tadi iaitu dadah. Kalau dahulunya dadah itu jenis yang kita tahu secara tradisinya ada jenis dadah ganja dan sebagainya. Akan tetapi beberapa tahun sejak kebelakangan ini, wujudnya dadah pil *ecstasy*. Jadi itu pun semasa kita membuat undang-undang ini, kita tidak terfikir pun bahawa itu dimasukkan dan kita jadikan itu sebagai satu kesalahan juga bagi mereka yang mengambil. Ini sebagai satu contoh. Jadi dari masa ke semasa, kita akan memberi satu set panduan apa yang tidak boleh dilakukan. Saya rasa itulah yang dimaksudkan dari semasa ke masa kita akan memaklumkan kepada pelajar.

#### ■ 1930

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin mencadangkan supaya undang-undang yang dipinda ini diperjelaskan kepada semua pelajar yang baru masuk. Itu satu cadangan yang baik. Sememangnya semasa Orientasi Haluan Siswa, kita biasanya memberikan pendedahan ataupun penerangan yang secukupnya kepada pelajar-pelajar baru dan apa yang boleh dilakukan, apa yang tidak boleh dilakukan, apakah tindakan yang akan diambil dan bagaimana ianya akan diambil dan apakah implikasinya. Semua akan dijelaskan oleh pegawai-pegawai kita di kolej ataupun institusi pengajian.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Yang Berhormat boleh saya? Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Silakan.

**Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, saya amat tertarik tentang menyampaikan maklumat tentang ini kerana saya pernah menjadi tenaga pengajar di USM selama dua tahun di sana, saya membuat sebuah filem. Jadi dalam filem itu telah digambarkan bahawa pelajar-pelajar yang baru masuk, kita berikan taklimat dan maklumat kepada mereka, apa yang perlu dibuat dan apa yang tidak. Akan tetapi, dalam masa yang sama pernah berlaku juga dalam filem itu, tajuk filem itu bertajuk dan kebanyakan saya mengambil pelajar untuk berlakon dalam filem itu iaitu tajuknya yang asal adalah "*Duri*" tetapi mereka tukar kemudiannya menjadi "*Ali Setan*" kerana anak-anak di dalam filem itu terlibat dengan beberapa aktiviti yang agak kurang menyenangkan. Ini kebenaran telah diberi oleh Naib Canselor untuk memberikan pandangan itu, maka itu saya telah memperbaikinya dengan adanya itu, kita dapat memperjelaskan perkara itu. Jadi para pelajar tahu "*Oh, ini boleh dilakukan, ini tidak boleh dilakukan, ini kalau dilakukan juga akan didenda dan sebagainya.*"

Jadi itu barangkali salah satu daripada usaha yang boleh kita lakukan, dari filem juga memainkan peranan dalam kita menjadikan itu. Maka itu saya buat filem itu dengan kebenaran Naib Canselor di USM pada ketika itu dan pada masa itu saya menjadi tenaga pengajar selama dua tahun dan menubuhkan pengajian perfileman dan saya ambil kebanyakannya para pelajar yang berlakon dalam filem itu. Cuma beberapa orang sahaja pelakon, yang lainnya adalah pelajar. Hari ini mereka sudah menjadi pegawai-pegawai. Jadi itu barangkali salah satu cara daripada kita untuk menyampaikan maklumat dan saya yakin bahawa pindaan undang-undang ini kalau disampaikan, mereka dapat memahaminya. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih, satu pengalaman yang sangat berguna untuk kita dan saya juga mengalu-alukan Tan Sri, kalau boleh selalu masuk ke institusi-institusi untuk membantu kita. Mungkin menjadi selebriti ini lebih menarik kepada pelajar-pelajar. Balik kepada soal satu perkara yang dibangkitkan tentang sudut pidato. Ingin saya perjelaskan bahawa sudut pidato ini diwujudkan untuk memberi peluang kepada pelajar meluahkan perasaan mereka. Jadi soal kebajikan pelajar itu adalah soal utama, kalaulah mereka tidak mempunyai wang yang cukup untuk mereka menyara hidup dalam kolej atau universiti, jadi menjadi satu masalah besar.

Kalau mereka tidak berapa puas hati dengan sistem pengangkutan dalam kampus, saya rasa itu sebagai satu *platform* untuk mereka menyuarakan. Saya rasa mungkin ada yang menganggap ini tidak penting, tetapi ini adalah soal kehidupan seharian seseorang pelajar itu dalam kampus. Saya rasa ini juga sebagai satu *platform* untuk pelajar menyuarakan pandangan mereka. Jadi saya rasa sudut pidato ini sangat baik dan ianya perlu diperluaskan dan untuk memberikan pelajar membincangkan apa juga perkara yang berlaku dalam kampus. Ingin saya teruskan kepada menjawab soalan Dato' Musa, bertanya tentang guru kaunseling. Sebenarnya untuk IPG, untuk Kolej Matrikulasi, kita tidak lagi menggunakan istilah guru kaunseling, kita menggunakan kaunselor yang bertauliah dan mereka itu ditempatkan untuk membantu pelajar apabila mereka menghadapi masalah. Begitu juga bagi pelajar-pelajar yang menghadapi masalah disiplin atau tatatertib, mereka itu diwajibkan mengikuti sesi kaunseling yang telah diaturkan.

Yang Berhormat Dato' Musa juga ingin tahu bagaimana sistem kehakiman di kolej dan universiti. Ingin saya menceritakan sedikit, mungkin ada orang membuat pandangan bahawa orang yang tuduh, orang yang mengadili ini orang yang sama. Ingin saya mengatakan bahawa pengalaman kita di universiti pun, di mana-mana kolej. Orang yang telah mengenal pasti seseorang pelajar melakukan kesalahan akan membuat siasatan. Selepas itu akan dikeluarkan satu notis kepada pelajar dan untuk pelajar tersebut membuat pembelaan dan membawa representatifnya. Itu adalah prosedur dan akan diadili oleh seorang pegawai yang bukan penyiasat. Jadi dalam soal ini, ia sama dengan mahkamah di luar, ada orang yang mengadili, ada orang yang mendakwa, ada orang yang membuat pembelaan. Jadi saya rasa ini adalah satu cara pengadilan ataupun satu cara penghakiman yang lebih telus dan lebih demokratik.

Itu juga merupakan satu *trend* baru pelajar-pelajar sekarang kerana mereka juga ingin membuat pembelaan dengan dibantu oleh rakan-rakannya. Jadi saya rasa dalam soal ini, kita memastikan tidak ada sebarang penyelewengan. Mengenai anak orang politik menjadi mangsa, tidak! Saya percaya bahawa pegawai di Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi, kita bertindak secara profesional.

Kita melihat merit ataupun fakta kes tersebut dan perbicaraan dibuat berdasarkan kepada fakta ataupun merit kes tersebut. Bukan dilakukan sewenang-wenangnya atau melihat latar belakang anak siapa untuk kita menentukan hukuman apa yang patut dikenakan kepada seseorang pesalah itu.

Jadi mengenai jumlah pelajar atau pensyarah yang ditahan di bawah ISA, saya mohon maaf kerana secara *off hand* saya tidak dapat, tetapi jawapannya memang ada pensyarah yang pernah ditahan dan memang ada pelajar yang pernah ditahan. Itu memang jelas. Dr. Ramakrishnan bertanya ataupun menyarankan supaya kita tidak *restrictive*, atau mengehadkan tindakan atau perilaku pelajar. Itu bukan hasrat kita, itu tidak merupakan niat kita. Apa yang kita hendak lihat ialah membentuk satu kampus yang bebas daripada masalah jenayah dan kita juga mahu membentuk keperibadian generasi muda kita, khususnya mereka di institut pengajian tinggi supaya mereka lebih berdisiplin. Itu adalah matlamat dan motif kita. Jadi saya rasa setakat itu yang saya hendak jelaskan, dan saya berharap saya telah menjawab kesemua pertanyaan yang telah dikeluarkan oleh... [Disampuk]

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana membentangkan satu akta yang begitu baik tetapi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang kuasa-kuasa Menteri ini. Kadang-kadang Menteri ini begitu sibuk sekali, tidak bolehkah secara automatik Menteri ini turunkan kuasa kepada Timbalan Menteri. Takkanlah kerja Timbalan Menteri ini datang menjawab soalan di Dewan dan juga membentangkan akta. Timbalan Menteri yang banyak membentangkan akta, tidak bolehkah secara automatik kuasa diturunkan kepada Timbalan Menteri? Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kalau kita tengok secara konvensi, undang-undang memperuntukkan satu klausa untuk Menteri ini diberi kuasa. Terpulanglah kepada Menteri untuk menurunkan kuasa kepada sesiapa yang beliau rasa layak. Dalam konteks ini, saya rasa kita mewakili kementerian dan juga mewakili Menteri membuat pembentangan. Jadi tidak ada masalah dan saya rasa Menteri telah diberi pembentangan yang lebih jelas dan pindaan dibuat juga mendapat restu daripada Menteri terlebih dahulu. Jadi baik kementerian Pelajaran ataupun Kementerian Pengajian Tinggi.

Jadi saya rasa dalam konteks ini, ia tidak menjadi satu isu dan apa yang penting ialah, pindaan itu dibuat secara substantif dan apa yang hendak kita pinda itu ialah ke arah kebaikan, bukan semata-mata untuk mengongkong pelajar.

Jadi itu yang sangat penting. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih bagi yang tidak sempat dijawab dan kalau ada yang tertinggal untuk maklumat secara spesifik saya mengesyorkan pegawai yang ada mungkin boleh diberi secara bertulis kepada Senator. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

■ 1940

**Fasal-fasal 1 hingga 14 -**

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya – ini dalam Jawatankuasa bukan? Bolehkah saya timbulkan perkara yang saya rasa sedikit teknikal ke dalam Jawatankuasa, boleh saya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Armani binti Haji Mahiruddin]:** Boleh. Dibenarkan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sebab saya fikir Yang Berhormat Menteri, saya agak musykil sedikit istilah yang digunakan di sini – Pegawai Hal Ehwal Pelajar. Saya tidak pasti sama ada istilah pegawai itu di sini merupakan istilah administratif atau istilah legal. Kalau ia istilah legal, saya tidak tahulah tetapi kalau ini dianggap sebagai istilah administratif, saya rasa istilahnya terlalu generik. Sepatutnya lebih baik dikatakan dengan tepat – Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar. Oleh sebab kalau kita katakan Pegawai Hal Ehwal Pelajar, bagi pegawai peringkat D41, D44 boleh mendakwa katanya, “Saya Pegawai Hal Ehwal Pelajar. Boleh mendisiplinkan anda”. Kebimbangan saya mengenai istilah ini.

Jadi itu yang saya hendak minta kalau sekiranya pegawai itu..., sebab saya menimbulkan ini Yang Berhormat berdasarkan pengalaman peribadi sendiri. Di bawah penasihat pernah menjadi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar di Universiti Malaya dan di bawah saya banyak pegawai yang dianggap sebagai pegawai-pegawai HEP, pegawai-pegawai Hal Ehwal Pelajar yang saya rasa hanya akan baru boleh bertindak apabila setelah mendapat arahan yang eksplisit daripada Timbalan Naib Canselor. Itu pegawai. Jadi, itu kebimbangan saya dengan penggunaan istilah pegawai ini. Terima kasih.

**7.42 mlm.**

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

Sebenarnya istilah Pegawai Hal Ehwal Pelajar itu adalah satu perkataan umum. Dalam konteks kita membuat pindaan ini, oleh kerana ia melibatkan institusi yang berlainan struktur organisasinya. Sebagai contoh, kolej matrikulasi. Kita hanya ada seorang pengarah, Pengarah Kolej Matrikulasi. Setiap ianya ditubuhkan dan strukturnya berlainan dengan UiTM. Kalau UiTM, ia ada Naib Canselor. Ia berlainan. Kalau di politeknik mungkin ia gunakan istilah yang berlainan, bukan Naib Canselor, mungkin Pengarah atau pun Rektor.

Jadi dalam konteks ini...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** *[Bangun]*

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** ...Kenapa kita menggunakan perkataan 'pegawai' itu kerana ia membawa maksud penjawat awam yang diberi kuasa untuk menguruskan hal ehwal pelajar. Jadi dalam konteks ini, Ketua Eksekutif apabila kita hendak menguatkuasakan undang-undang ini akan memerihalkan dengan jelas untuk konteks UiTM dan juga untuk di bawah Kementerian Pelajaran.

Apa yang dimaksudkan itu mungkin boleh diperjelaskan tetapi, untuk pindaan kali ini, apa yang kita buat itu secara generik kita membuat perkataan itu dan ianya direka bentuk sedemikian rupa untuk menyesuaikan semua keadaan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya balas sedikit? Kalau itu dianggapkan satu perkataan yang generik tetapi boleh menimbulkan kekeliruan. Oleh itu, saya cadangkan supaya diberikan definisi khas di awal akta ini, yang dimaksudkan dengan Pegawai Hal Ehwal Pelajar di sini ialah *bla bla bla*. Kalau tidak nanti, seperti kebimbangan yang saya katakan tadi, seorang pegawai yang dianggap sebagai Pegawai HEP, apa-apa pegawai pun akan mengaku diri dia sebagai pegawai yang ini tetapi, kalau dengan secara spesifik istilah pegawai yang kata Yang Berhormat Menteri tadi ialah merupakan istilah yang generik itu diberi takrif yang lebih spesifik di awal akta ini, barangkali ini boleh mengelakkan kekeliruan. Ini hanya sekadar mengelakkan kemungkinan-kemungkinan yang boleh mendatangkan masalah kemudian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memberi respons kepada apa yang disarankan. Itu satu pandangan yang bernas. Apa yang penting dalam kes ini, oleh kerana terdapat dua Menteri yang dipertanggungjawabkan ke atas kolej atau pun institusi pengajian tersebut, maka dalam konteks ini apa yang boleh dilakukan menteri-menteri ada kuasa. Dua Menteri ini ada kuasa dan pabila kita hendak melaksanakan, menguatkuasakan undang-undang ini, maka ianya boleh diperjelaskan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi pandangan supaya tidak menimbulkan sebarang kekeliruan. Terima kasih.

**Fasal-fasal 1 hingga 14** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PELESENAN KENDERAAN PELANCONGAN (PINDAAN) 2010

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.47 mlm.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu "Bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 dibacakan kali yang kedua sekarang".

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 yang dikenali sebagai Akta 594 untuk mengadakan peruntukan bagi perubahan berbangkit kepada akta ini dengan bermulanya kuat kuasa Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 bertujuan untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dikenali sebagai suruhanjaya, sebagai pengawal selia utama bagi pengangkutan awam darat yang termasuklah kenderaan pelancongan bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 menyatakan rangka kerja pengawal seliaan bagi pengangkutan awam darat bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan mengadakan peruntukan bagi pemansuhan Akta 594 setakat pemakaiannya bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Dengan bermulanya kuat kuasa Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, Akta 594 hanya akan terpakai di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pindaan kepada Akta 594 yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan membolehkan Menteri menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

#### ■ 1950

Fasal 2 dengan memasukkan takrifan tarikh yang ditetapkan.

Fasal 3 bertujuan untuk pindaan kepada seksyen 1, Akta 594 dengan menggantikan perkataan Malaysia dengan perkataan Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi menjelaskan bahawa Akta 594 hanya terpakai kepada Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Fasal 4 mengadakan peruntukan bagi kecualian dan peralihan. Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan apa-apa perbelanjaan tambahan bagi pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 di bacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

#### 7.51 mlm

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan satu rang undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Terdapat satu isu utama yang saya ingin kemukakan kepada pihak kementerian untuk dibuat pemantauan iaitu berkaitan dengan *airport limo*. Setelah kita melihat kepada perkembangan kenderaan ataupun pelesenan di negara kita saya melihat satu isu besar yang perlu diselesaikan oleh pihak kerajaan ialah tentang bagaimana penggunaan kenderaan-kenderaan seperti *airport limo* ini akan memberi imej kepada negara. Ini perlu dibuat perbezaan yang jelas antara *airport limo* ini dengan teksi bandar dari sudut terma dan juga syarat bentuk kerja kerana ia merupakan kenderaan yang berbeza berbanding dengan teksi-teksi biasa.

Kita dimaklumkan bahawa pada waktu sesak *airport limo* ini kadang-kadang tidak cukup kerana pihak *airport limo* tidak dapat menjangka sedangkan jika hendak dibandingkan dengan kenderaan-kenderaan lain yang kita dapati di lapangan terbang kebanyakan sekarang urusan boleh dibuat melalui *internet*.

Adakah pihak kerajaan bercadang untuk memperkenalkan satu sistem di mana untuk mendapatkan khidmat *airport limo* ini di mana pihak pengguna di lapangan terbang boleh membeli tiket-tiket untuk *airport limo* ini dalam bentuk *e-advance* melalui *internet*? Ini kerana kadang-kadang bila sampai di lapangan terbang, kita terpaksa beratur dengan lama untuk menunggu membeli tiket dan kaunter yang dibuka hanyalah kadang-kadang dua kaunter. Jadi, ini memakan masa untuk pengguna-pengguna mendapatkan khidmat *airport limo*. Ini juga akan dapat membantu pihak *airport* untuk menjangka bilangan penumpang yang akan menggunakan perkhidmatan ini.

Sekiranya kita melihat kenderaan seperti ini digunakan di negara-negara lain nama pemandu teksi diletakkan di dalam teksi. Kalau teksi bandar pun ada nama tetapi kalau kita naik teksi *airport limo*, nama pemandu teksi tiada di belakang tempat duduk pemandu atau pun di mana-mana tempat dalam kenderaan. Mungkin cuma ada pada tanda nama depan sahaja. Jadi, di teksi ia tidak ada dan saya memohon kalau perkara ini dibuat, mestilah kos ini ditanggung oleh pihak syarikat bukan pihak pemandu.

Saya juga difahamkan bahawa sekarang ini untuk kereta-kereta yang digunakan sebagai *limo* di *airport*, terdapat beberapa siaran iklan yang telah pun di buat untuk teksi ini dan saya ingin bertanya untuk iklan *Celcom*, berapakah kos yang dibayar oleh pihak *Celcom* dan siapakah yang menikmati hasil daripada iklan yang dibuat oleh *Celcom* di kereta-kereta yang dilekatkan *airport limo* ini?

Saya juga ingin bertanyakan pihak kerajaan tentang bilangan pemandu *limo* wanita. Kita ada pemandu teksi wanita. Jadi saya juga ingin juga tanya adakah pihak *limo* ini mempunyai pemandu *limo* yang terdiri daripada kaum wanita? Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menukar jenis kereta selain yang digunakan sekarang dan jumlah terkini AP untuk *airport limo* ini? Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan tentang jumlah kereta yang beroperasi setiap hari dan jumlah pemandu mengikut syif? Kita difahamkan daripada 800 kenderaan *airport limo* ini yang asalnya dibuka oleh pihak kerajaan, sekarang ini tinggal tidak sampai dalam 20% pemandu lama yang masih menjadi pemandu kepada *airport limo*. Jadi, yang saya pertikaian di sini bagaimanakah kebajikan pemandu-pemandu ini kerana kita mendengar bahawa jumlah kemalangan yang membabitkan *airport limo* ini adalah tinggi. Jadi, bagaimana dengan kebajikan pemandu kereta ini dan juga kesihatan mereka? Ini kerana akan membawa imej kita yang pertama. Jadi ini juga melibatkan dari segi lesen kenderaan itu sendiri.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan adakah benar bayaran sewa hanya dikecualikan dua hari untuk pemandu teksi *limo* ini. Mereka hanya dikecualikan bayaran dua hari sahaja. Hari lain mereka perlu bayar dengan penuh dan saya rasa kalau pihak parti dan warga asing kita jaga dengan betul, apabila bercakap soal kenderaan ini saya minta sangat-sangat pihak kerajaan memberikan perhatian dan memberikan cuti yang lebih sedikit kepada pemandu-pemandu. Walaupun saya rasa mungkin isu yang saya bawa ini agak spesifik tetapi ini penting untuk dibuat bagi menjaga kebajikan pemandu-pemandu ini. Kita difahamkan bahawa semua kereta yang dijadikan sewa beli ini, cukai eksais akan dikecualikan semasa pembelian.



Walau bagaimanapun, setelah lima tahun penggunaannya mereka akan dikenakan kembali cukai eksais. Masalahnya ialah jumlah perbatuan semua *airport limo* dalam masa lima tahun lazimnya melebihi satu juta kilometer. Pada masa itu kenderaan ini *valuenya* sudah amat turun. Saya juga mengharapkan agar pihak kerajaan mempertimbangkan untuk memberikan khidmat sewa ataupun sewa pandu kereta ini kepada pemandunya dan dia akan dapat membeli kereta ini selepas tiga tahun bukannya lima tahun.

Pohon dilihat semula dari segi terma perjanjian jangan sampai lima tahun kerana ini tidak memberikan kebaikan kepada pemandu yang sebenarnya memberi *effect* kepada kebajikan penumpang-penumpang serta pelancong yang menaiki kereta. Jadi, saya pohon agar skim kebajikan pemandu ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Saya juga difahamkan bahawa untuk kenderaan berlesen seperti ini tiada bayaran PERKESO atau KWSP yang di carum kerana mereka ini dianggap menjadi bukan pekerja kepada syarikat. Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki patuh kepada semua syarikat seolah-olah mereka ini pekerja tetap tetapi, PERKESO tidak ada dan KWSP pun tidak ada. Cuma ada insurans sahaja.

Jadi, kalau boleh perkara ini juga dibuat satu pemantauan dan begitu juga dengan had umur. Had umur untuk pemandu syif malam kerana kita difahamkan mana-mana orang yang sanggup untuk menjadi pemandu *limo* dia mesti anggup untuk masuk syif dan kadang-kadang apabila mereka ini ramai pemandu yang usianya kadang-kadang lebih daripada lima puluh ada masalah kesihatan. Jadi, saya rasa tidak berapa sihatlah. Kalau boleh dibuat satu kelonggaran terutama untuk pemandu-pemandu yang mungkin agak berumur dan juga mempunyai masalah kesihatan. Terima kasih. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf.

**7.58 mlm**

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan peluang untuk saya sama-sama turut terlibat untuk sedikit pada pindaan rang undang-undang meminda Akta Perlesenan Kenderaan Pelancongan 1999. Kita harapkan pindaan ini yang sebenarnya serentak dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat akan menjadikan pengawalseliaan kepada kenderaan pelancongan ini jauh lebih baik. Jadi kita harapkan beberapa persoalan dapat diteliti oleh pihak kementerian. Di antaranya yang kita ingin tahu ialah melalui pindaan ini selepas ini apakah status atau bentuk kawal selia kenderaan pelancongan dari negara jiran? Ini kerana kita dapat melihat kenderaan pelancongan dari negara jiran kita *Singapore* dan juga Thailand yang masuk ke Malaysia, kita boleh bertemu dengan mereka ini. Kenderaan-kenderaan pelancongan luar ini memandu di lebih raya kita dengar begitu laju sekali. Ini dari segi kenderaan pelancongan. Keduanya, kenderaan ini kita lihat menggunakan keadaan cermin yang gelap atau pun penuh dengan ukiran atau pun gambar pada cermin-cermin kenderaan mereka. Jadi apakah kita mahu tanya bentuk seliaan yang terlibat dari segi status selepas pindaan ini?

■ **2000**

Keduanya, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian juga berhubung dengan lesen kenderaan pelancongan ini kerana saya dapat rungutan daripada pihak pengusaha pusat pelancongan.

Ini kerana memandangkan pada ketika ini kelulusan pembaharuan lesen pengendalian pelancongan biasanya mengambil masa antara satu sehingga tiga tahun untuk diperbaharui. Jadi, kita ingin tahu apakah persediaan yang dibuat oleh pihak kementerian untuk mengelak dan menghalang daripada kita menghadapi masalah dalam masa peralihan ini kerana kenderaan-kenderaan pelancongan milik pengusaha-pengusaha tempatan ini akan mengambil masa satu sehingga tiga tahun untuk memperbaharui lesen mereka.

Ketiganya ialah kita juga ingin tahu apakah selepas ini masih lagi menggunakan kriteria yang sama, iaitu lesen kenderaan pelancongan ataupun lesen kenderaan pelancongan seperti bas persiaran dan sebagainya masih lagi disyaratkan hanya boleh dipohon oleh pemilik lesen agensi pelancongan daripada Kementerian Pelancongan kerana ada juga pengusaha-pengusaha tempatan yang baru yang ingin turut terlibat dalam usaha ini.

Jadi, secara umumnya saya ingin pastikan juga dapat *overview* ataupun satu gambaran besar daripada pihak kementerian. Penambahbaikan ini telah dibuat dan akan cuba diguna pakai untuk Semenanjung Malaysia. Apakah perancangan umum, perancangan besar ataupun kerangka yang lebih baik yang dirancang oleh kementerian untuk meliputi kawasan Sabah, Sarawak dan juga Wilayah Persekutuan Labuan. Sekian. Mohon sedikit penjelasan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**8.01 mlm.**

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan untuk berbahas rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita tidak boleh menyalahkan *airport limo* iaitu kadang-kadang kebajikan pekerja tidak dijaga daripada 800 unit tinggal 200 unit. Saya minta satu kepada Kementerian Pelancongan supaya penguatkuasaan kereta-kereta sewa ataupun teksi-teksi ulat yang ada di *airport*. So, kadang-kadang kita lihat ini juga menjatuhkan maruah negara kita. Pelancong-pelancong datang dari luar negara datang ke *airport*, so, mereka ini akan menunggu di depan itu dan menyambut pelancong-pelancong ini. Jadi dengan kadar sewa yang murah sudah tentulah tidak boleh bersaing dengan *airport limo*. Saya berharap supaya Kementerian Pelancongan dapat mengambil perhatian sebab perkara ini sudah begitu lama sekali teksi-teksi ulat yang berkeliaran di *airport* ini.

Satu lagi kadang-kadang kita dapat rungutan daripada pelancong kadar sewa teksi yang tidak menggunakan meter. Kadang-kadang bayaran sewanya tinggi sekali. Kadang-kadang RM10 ia boleh jadi RM30. Jadi, ini juga kadang-kadang membebankan pelancong yang datang ke negara kita. Oleh itu saya berharap kepada Kementerian Pelancongan supaya dapat mengambil berat tentang perkara ini. Terima kasih. Saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**8.04 mlm.**

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang membahaskan rang undang-undang Akta 594 ini.

Pertamanya Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi sentuh tentang *airport limo*. *Airport limo* berada di bawah bidang kuasa Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri bukan di Kementerian Pelancongan. Walaupun demikian, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz tentang *airport limo* ini dan pemandu-pemandu *airport limo*.

Ini kerana selama tiga penggal sebagai wakil rakyat, saya sentiasa pergi balik ke Kuching dan datang ke Kuala Lumpur menggunakan *airport limo*. Saya melihat bahawa kadangkala mereka ini seolah-olah *welfare* mereka tidak dijaga oleh *company*. Oleh itu, apabila Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat nanti berkuat kuasa, saya mengharapkan bahawa pihak SPAD akan meneliti perkara ini, sememangnya bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan.

Keduanya, Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf menyentuh tentang kawal selia kenderaan pelancongan negara jiran. Ini juga akan diberikan kepada SPAD ataupun Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. SPAD akan menubuhkan penguatkuasaan sendiri juga bukan di bawah Kementerian Pelancongan.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri juga menyentuh tentang lesen kenderaan pelancongan. Kriteria dan syarat pemberian lesen kenderaan pelancongan kepada syarikat pengendalian pelancongan adalah dikekalkan. Apabila diserahkan kepada SPAD kelak, ia akan dikekalkan. Semua syarat dan kriteria, semuanya ada di dalam prosedur ini iaitu Menu Prosedur Pengurusan Kenderaan Pelancongan. SPAD akan bertanggungjawab untuk melaksanakan semua kriteria ini.

Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir pula menyentuh juga tentang pemandu-pemandu teksi yang berdiri di pintu-pintu di *airport* yang memberikan saingan pada *airport limo*. Ini juga di bawah SPAD dan penguatkuasaan akan dilakukan oleh SPAD iaitu Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat bukannya di bawah Kementerian Pelancongan. Sekian.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Mohon sedikit.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta laluan. Boleh Yang Berhormat?... [Merujuk kepada Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf] Saya dahulu atau Yang Berhormat dahulu Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih. Yang Berhormat, Yang Berhormat sebagai Timbalan Menteri yang bertanggungjawab tentang Kementerian Pelancongan. Kita dalam Dewan suarakan kelemahan-kelemahan ini, pelancong datang ke negara kita. Jadi, apabila datang ke *airport*, tiba sahaja di lapangan terbang, yang pertama teksi dan limousin.

Jadi, sebenarnya kalau Yang Berhormat mengatakan ini bukan kerja Yang Berhormat, kementerian-kementerian lain, sebenarnya Yang Berhormat sepatutnya ambil perkara ini sebagai satu perkara yang serius. Sepatutnya Yang Berhormat kalau kata Jabatan Perdana Menteri, setiap minggu pada hari Rabu ada Mesyuarat Kabinet. Menteri Pelancongan ada, Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada, tidak bolehkah membincangkan perkara ini? Kalau tidak, sampai bila pun tidak akan selesai.

Kita hendak pelancong datang ke negara kita, imej negara perlu dijaga. Akan tetapi kalau kementerian dengan kementerian pun kata ini bukan kerja kita, itu bukan kerja kita, ini kerja siapa? Jadi saya berharap bahawa ia diambil perhatian apa yang diluahkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara. Terima kasih.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Okey, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Itu memang pandangan yang baik. Kita akan berbincang dengan SPAD nanti apabila ia sudah ditubuhkan. Sepatutnya Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dibentangkan dahulu sebelum rang undang-undang ini supaya ia boleh difahami dan dianalisis oleh semua. Akan tetapi, apabila rang undang-undang ini dibentangkan terdahulu maka Rang Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, kita tidak melihatnya. Jadi, oleh yang demikian cadangan-cadangan Yang Berhormat saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** *[Bangun]*

#### ■ 2010

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf minta laluan.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Okey.

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih dengan Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita lihat di sini ialah kita cuba hendak promosikan pelancongan kita dan kita hendak galakkan pelancongan dalam Malaysia khususnya di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri lah. Jadi dalam hal ini bila kita – di bawah kendalian SPAD ini dan ia lebih kepada urusan teknikal sahaja, berbanding dengan saingan untuk mendapatkan pelancongan ini.

Itu yang kita bimbang. Kita sebutkan tadi, kita harapkan pihak Kementerian Pelancongan boleh selaras dengan pihak SPAD ini kerana kawal selia kenderaan pelancongan luar negara seperti saya sebutkan tadi, mereka datang ke sini dengan kenderaan yang dikendalikan dengan jauh lebih menarik. Mereka boleh bawa kenderaan yang lebih baik, mereka boleh pandu lebih laju di lebuhraya kita. Mereka boleh bawa kenderaan yang dihiasi dalam dan luarnya dengan menarik perhatian.

Sehinggakan saya melihat lebih ramai pelancong, walaupun daripada dalam negara, datang diambil oleh kenderaan asing, datang daripada ibu negara kita sendiri. Bawa pelancong kita keluar. Sebabnya mereka hanya mengambil pihak di sempadan. Jadi saingan pelancongan ini yang kita bimbangkan sekiranya dikendalikan secara teknikal sepenuhnya oleh SPAD. Nanti Kementerian Pelancongan akan kehilangan bilangan pelancong dan juga saingan pelancongan. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan itu. Sememangnya kita tidak akan bertanggungjawab lagi ke atas..., daripada segi teknikal kenderaan semuanya itu. Itu adalah menjadi tanggungjawab SPAD yang akan melaksanakan semuanya. Kita hanya- masih lagi melakukannya di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Itu adalah tanggungjawab kita.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawis:** Saya pohon untuk mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merasa hairan kalau *airport limo* tidak diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan. Jadi kita hendak pinda itu Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999. Jadi kalau *airport limo* tidak masuk di bawah pelesenan kenderaan pelancongan, sebenarnya apa lagi syarikat yang ada ataupun apa kenderaan yang ada di bawah Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999. Tidak kiralah yang ada di Sabah kah, Sarawak kah atau di mana-mana. Akan tetapi apa sebenarnya kenderaan yang kita beri lesen dan apa kenderaan yang kita namakan sebagai kenderaan pelancongan di negara kita kalau *airport limo* bukan?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Yang Berhormat, *airport limo* selama ini memang bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pelancongan. Ianya di bawah kuasa LPKP. Selama ini memang di bawah kuasa LPKP. Kementerian Pelancongan hanya melesenkan pendaftaran lesen bas persiaran untuk syarikat-syarikat yang mengendalikan pelancongan ataupun agensi-agensi pelancongan.

Keduanya, Kementerian Pelancongan juga hanya mendaftar lesen-lesen kereta sewa kepunyaan agensi-agensi pelancongan. Selama ini itu tanggungjawab kita. Selepas SPAD dilaksanakan hanya di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja kami bertanggungjawab. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemuka kepada Jawatankuasa

#### **Fasal-fasal 1 hingga 4 –**

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Boleh ada sedikit hal teknikal.

**Tuan Pengerusi [Datuk Armani binti Haji Mahiruddin]:** Silakan.

#### **8.12 mlm.**

**Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan dari segi bahasa yang digunakan di sini. Ada sedikit yang menarik perhatian saya ialah kalau kita melihat kepada perkara 4, Bahagian II itu di tengah-tengah disebut ia menggunakan perkataan "...seolah-olah perundangan subsidiari". Bila dibuat pindaan, saya fahamlah yang mana penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi oleh kerana sepatutnya SPAD datang dahulu. Baru datang yang ini. Supaya tidak ada yang ini tetapi, kerana dibuat begini menyebabkan undang-undang yang kita buat ini ada perkataan yang begini ringan seolah-olah perundangan subsidiari sekali, kemudian datang lagi di seksyen 4, sebelum seksyen 5 baris ketiga sekali lagi diuruskan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat (SPAD) 2010 oleh suruhanjaya seolah-olah permohonan itu telah dibuat kepadanya di bawah peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.

Jadi saya cuma peringatkan dari segi teknikal macam ini kalau lain kali Tuan Pengerusi, kita minta supaya dibuat lebih kemas. Perkataan ini akan kekal sampai bila-bila dalam akta kita. Sebagai sebuah akta yang menulis perkataan seolah-olah permohonan itu, saya ingat terlalu ringan untuk undang-undang. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat yang menyentuh perkara ini. Sememangnya seperti yang saya telah sebut tadi, SPAD seharusnya dibentangkan dahulu supaya semua boleh melihat kandungan SPAD. Jadi masalahnya sudah seperti ini, itulah sebabnya perkara-perkara seperti ini timbul dan keluar juga. Jadi masalah sebegini adalah satu masalah *administrative* saya rasakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Armani binti Haji Mahiruddin]:** Baiklah.

**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Pendahuluan** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Jadual** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KERETAPI (PINDAAN) 2010

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**8.20 mlm.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2008, kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Tujuan penubuhan SPAD tersebut adalah bagi memusatkan perancangan dan kawal selia sistem pengangkutan awam dan pengangkutan barangan darat termasuk jalan dan kereta api di bawah satu agensi.

Cadangan untuk meminda Akta Keretapi 1991 (Akta 463) adalah susulan daripada keputusan kerajaan untuk menyerap fungsi perancangan, kawal selia, penggalakan dan penguatkuasaan dalam bidang kereta api di bawah bidang kuasa SPAD dan penggubalan ini adalah untuk membolehkan ia selaras dengan penggubalan Rang Undang-Undang-undang Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Rang Undang-Undang Pengangkutan Awam Darat 2010. Pindaan terhadap Akta Keretapi 1991 (Akta 463) melibatkan lapan fasal.

Fasal 1 dan Fasal 2 adalah menerangkan tentang tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa pindaan akta tersebut.

Fasal 3 pula memperuntukkan penggantian perkataan “Malaysia” dengan perkataan “Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan”. Ini bererti bahawa sebaik sahaja pewartaan Akta Keretapi (Pindaan) 2010 (Akta 463), bidang kuasa dan tanggungjawab Akta ini adalah terbatas untuk mengawal selia dan perkara-perkara yang berkaitan perkhidmatan kereta api di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja. Akta 463 yang dipinda ini adalah merupakan *enabling act* sekiranya kerajaan membuat keputusan untuk mengadakan atau melaksanakan projek kereta api di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Setakat ini belum ada skim perkhidmatan kereta api Kerajaan Persekutuan di ketiga-tiga wilayah tersebut.

Fasal 4 memperuntukkan kuasa kepada Perbadanan Aset Keretapi (PAK) di Bahagian XII Akta Keretapi 1991 (Akta 463) yang mana PAK akan dikekalkan dan terpakai bagi melaksanakan fungsi dan tanggungjawab seperti sedia kala iaitu mengurus, mentadbir, mengawal dan membangun (jika perlu) aset-aset kereta api yang dahulunya di bawah Keretapi Tanah Melayu.

Fasal 5 merupakan fasal yang mempunyai dua tujuan iaitu:

- (i) meminda takrif “keretapi” dengan mengeluarkan perkataan “Keretapi Bukit Bendera” daripada takrif tersebut. Ini adalah kerana Keretapi Bukit Bendera adalah ditadbir di bawah Kerajaan Pulau Pinang dan ia menjadi *State List*; dan
- (ii) meminda takrif “Menteri” dengan membataskan kuasanya di bawah Akta 463 ini hanya kepada Negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.

Fasal 6 memperuntukkan kesalahan terhadap mana-mana pihak yang menghalang atau cubaan menghalang dengan sengaja perkhidmatan kereta api dengan memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya sekali. Pindaan ini adalah penting memandangkan kesalahan ini adalah kesalahan serius bagi menghalang kejadian yang dilakukan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab seperti mengganggu perjalanan sesebuah kereta api atau mencuri peralatan (*accessories*) landasan seperti *fastener*, *lever* atau apa-apa besi atau peralatan lain yang boleh membahayakan pengendalian sistem kereta api yang akan membahayakan perkhidmatan keret api dan penumpang.

Fasal 7 memperuntukkan bahawa fungsi galakan dalam seksyen 89(8)(b) Akta Keretapi 463 dikeluarkan (dipotong). Ianya bagi membolehkan fungsi galakan dapat diambil alih sepenuhnya oleh SPAD. Ini adalah bagi mengelakkan pertindihan fungsi dan tanggungjawab antara Perbadanan Aset Keretapi dan fungsi pengalakan pembangunan kereta api yang hanya akan dilakukan oleh SPAD sahaja.

Fasal 8 memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (i) pemakaian Akta Keretapi 463 ini hanya terpakai di Sabah, Sarawak dan Labuan kecuali berkaitan fungsi dan tanggungjawab PAK;

- (ii) apa juga perundangan kecil yang diwujudkan di bawah Akta Kereta Api 463 seperti Peraturan Zon Perlindungan Keretapi (untuk Kawalan Pembangunan sekitar landasan bagi perlindungan kepada landasan kereta api) dan Peraturan Kelakuan Orang dan Penumpang akan terus diguna pakai oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat kecuali ianya dipinda atau dibatalkan oleh mana-mana perundangan kecil di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;
- (iii) Akta 463 ini juga terus berkuat kuasa pemakaiannya di Semenanjung Malaysia berkaitan lesen, kelulusan, arahan, perintah atau keputusan yang dibenarkan akan terpakai selagi ia tidak bercanggah dengan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 sehingga habis tempoh lesen, kelulusan, perintah atau keputusan. Pembaharuan selanjutnya adalah mengikat Akta Pengangkutan Awam Darat 2010;
- (iv) Akta 463 ini juga memperuntukkan bahawa apa juga peruntukan dengan permohonan Skim Kereta Api (seperti cadangan pembangunan kereta api yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Melaka iaitu Projek Aerorel Melaka dan Projek Monorel Melaka: Projek Landasan Aerotren KLIA; Projek Landasan Berkembar Elektrik Sistem KTM termasuk Ipoh-Padang Besar, Sentul-Batu Caves dan Seremban-Gemas; Projek Sambungan LRT Laluan Ampang dan Laluan Kelana Jaya), pembaharuan atau pengeluaran lesen operator kereta api di negara ini termasuk Sistem KTM, ERL, LRT, KL Monorel, Aerotren KLIA, Sistem Kereta Api Kuantan-Kerteh, kelulusan untuk membuka atau menutup kereta api (bagi projek-projek kereta api yang memerlukan kelulusan Kementerian Pengangkutan) atau pindaan syarat-syarat lesen yang diterima di bawah Akta 463 yang masih belum selesai proses kelulusan akan terhenti urusannya dan akan diteruskan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 pada tarikh kuat kuasa;
- (v) seseorang yang bakal didakwa atau dihukum menurut peruntukan Akta 463 di Semenanjung Malaysia sebelum tarikh kuat kuasa Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, dakwaan atau hukuman akan diteruskan terhadapnya di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 tertakluk kepada apa-apa peruntukan yang terdapat dalam akta baru tersebut iaitu APAD 2010; dan
- (vi) apabila Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD 2010) diwartakan dan berkuat kuasa, maka apa juga yang merujuk kepada Ketua Pengarah Keretapi dalam semua undang-undang bertulis atau dokumen yang masih berkuat kuasa akan dianggap sebagai merujuk kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).



Perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu akan dipinda dalam Akta Keretapi 1991 (Akta 463). Saya ingin memaklumkan bahawa Akta Keretapi dalam pindaan 2010 tidak akan melibatkan sebarang perbelanjaan wang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Keretapi 1991, dibacakan kali yang kedua, dan terbuka untuk dibahas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

**8.28 mlm.**

**Datuk Maijol Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan, boleh sambung esok.

**Datuk Maijol Mahap:** Rang undang-undang ini yang membolehkan Akta 463 yang mana ia boleh terpakai bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, saya rasa ini adalah satu pindaan yang baik tetapi, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang projek kereta api di Negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua. Saya dan umum juga mengetahui bahawa pada tahun 2005 memang ada perancangan kerajaan untuk memodenkan sistem kereta api di Sabah. Ini telah disambut baik oleh penduduk Negeri Sabah kerana selama ini kita mengharapkan sistem pengangkutan menggunakan kereta api di Negeri Sabah dipertingkatkan serta dimodenkan. Kerajaan juga telah memberi kepastian kepada rakyat bahawa dalam rancangan yang akan datang ini, ia akan dimodenkan menjadi satu pengangkutan yang boleh digunakan oleh rakyat untuk pengangkutan seharian.

Saya juga melihat bahawa potensi untuk kereta api di Negeri Sabah adalah amat besar sekali. Sekarang ini kita bergantung kepada pengangkutan darat dan juga laut dan sistem pengangkutan kereta api ini masih lagi di tahap yang rendah. Namun saya nampak bahawa dengan perkembangan ini dan juga jumlah penduduk yang meningkat, maka ini satu sistem yang juga penting bagi rakyat kita. Akan tetapi apa yang menjadi kemusykilan saya Tuan Yang di-Pertua ialah, setakat ini apa yang dijanjikan oleh kerajaan tentang pemodenan sistem kereta api Negeri Sabah tidak begitu dilihat oleh rakyat. Sistemnya masih begitu juga, masih di tahap yang lama dengan landasan yang lama. Belum ada tanda-tanda yang akan berlaku. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sebab sebenarnya projek ini tergendala dan apakah perancangan kerajaan untuk membolehkan ia dapat direalisasikan seperti yang diharap-harapkan oleh rakyat Negeri Sabah? Saya rasa itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa cukup.

**Datuk Maijol Mahap:** Saya sudah habis Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Itu sahaja. Saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Rabu, 5 Mei 2010.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.**